


Jilid III
Bil. 16



Hari Selasa
16hb Julai, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3005]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3081]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 3081]

Ulang Tahun 25 Parlimen Malaysia—Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 3082]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3152]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Penglibatan Politik bagi Guru-guru [Ruangan 3170]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P. J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).

- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pedas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING, (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (PADANG SERAI).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
perkerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KWSP—PENGELUARAN WANG
OLEH PENCARUM

1. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa terlalu sukar bagi pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan caruman mereka setelah mereka layak untuk mengeluarkannya untuk membina rumah sedangkan itu adalah wang mereka; adakah Kerajaan bercadang untuk memudahkan pengeluaran wang KWSP ini demi untuk kepentingan orang ramai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar kenyataan bahawa terlalu sukar bagi pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan caruman mereka bagi tujuan untuk membina rumah.

Pencarum-pencarum KWSP adalah layak di bawah Seksyen 13 (1A) (C) Akta KWSP 1951 untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka bagi tujuan memperolehi rumah. Dalam tahun

1984, seramai 36,406 ahli telah mengeluarkan sebahagian daripada wang caruman mereka untuk tujuan memperolehi rumah, manakala untuk tempoh 6 bulan tahun ini iaitu sehingga 30hb Jun, 1985 jumlah ahli yang membuat pengeluaran bagi perumahan ialah 25,649 ahli.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1984, sejumlah pengeluaran bagi tujuan perumahan ialah \$190.6 juta manakala untuk tempoh 6 bulan tahun ini iaitu sehingga 30hb Jun, 1985 jumlah pengeluaran yang dibayar kepada ahli-ahli adalah \$124.7 juta.

Mengikut sistem yang diamalkan sekarang pembayaran bagi setiap permohonan untuk tujuan memperolehi rumah akan dibuat oleh KWSP dalam tempoh 3 hingga 4 minggu setelah permohonan tersebut dibuat sekiranya semua syarat-syarat pengeluaran yang ditetapkan dipenuhi. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat adalah diminta supaya mengemukakan kepada Kementerian saya dakwaan-dakwaan mengenai kes-kes tersebut supaya ianya dapat disiasat oleh Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat tersebut memandangkan bahawa syarat-syarat yang sedang ditadbirkan oleh KWSP pada masa ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun aturcara-aturcara dan syarat-syarat pengeluaran ini akan diulangkaji dari masa ke semasa untuk kepentingan pencarum-pencarum KWSP.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak Kementerian beliau sanggup untuk mengkaji semula peraturan-peraturan mengenai pengeluaran caruman untuk membeli rumah. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membolehkan pembeli rumah pertama memajak caruman mereka dalam KWSP untuk membiayai pembelian rumah ini?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, mengikut garis panduan yang telah ditetapkan untuk meminjam wang dari KWSP, seseorang pencarum hanya boleh meminjam wang sekali sahaja untuk membeli rumah atau tanah dan beliau layak menerima 10% dari harga rumah atau 45% daripada jumlah kredit ahli pada permulaan tahun dalam mana pengeluaran diluluskan mengikut mana yang kurang atau "amount that is the least" dan dia tidak diberi kebenaran untuk "mortgage" rumah untuk mendapat wang yang lebih daripada apa yang ditetapkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan adakah beliau sedar bahawa KWSP ini hanya memberi pinjaman kepada peminjam rumah yang selepas tahun 1962 dan sebelum tahun 1962 tidak diberi pinjaman ini. Adakah Kementerian bercadang supaya pinjaman ini diberi dengan secara bebas walaupun bila dia membuat pinjaman kepada Kerajaan?

Datuk Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk syarat-syarat kelayakan KWSP membenarkan pencarum-pencarum yang telah menjadi ahli KWSP tidak kurang dari lima tahun dan semua yang di dalam

kategori ini adalah layak membuat permohonan untuk membeli rumah.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin bertanya mengapa pinjaman selepas tahun 1982 baru diluluskan pinjamannya tetapi pinjaman sebelum tahun 1982 tidak dibenarkan untuk mengeluarkan caruman ini?

Datuk Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, sebelum tahun 1982 tidak ada satu peruntukan di dalam Akta KWSP yang membenarkan pencarum-pencarum untuk meminjam wang. Akta dalam artikel yang saya sebutkan tadi dalam seksyen 13A, subseksyen (c) baru sahaja dikuatkuasa pada 1hb Januari, 1982.

SIKAP BELIA LUAR BANDAR

2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sikap belia-belia luar bandar hari ini begitu negatif terhadap mencari nafkah hidup di desa, misalnya menyertai kegiatan industri kampung dan kerja-kerja pertanian, apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi menyelesaikan masalah ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk membesarkan lagi Pejabat-pejabat Belia dan Sukan di peringkat daerah supaya lebih berfungsi bagi menyelesaikan masalah di atas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sedar tentang sikap negatif antara belia-belia

terhadap mencari nafkah hidup di desa. Bagi membantu mengurangkan masalah ini Kerajaan memandangi tinggi program-program tertentu seperti yang diuraikan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi penduduk di luar bandar.

Di peringkat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kementerian sedang melaksanakan beberapa program seperti Program Latihan Sambil Bekerja, Rancangan Belia Niaga, Rancangan Belia Peladang dan juga aktiviti-aktiviti pergerakan belia untuk menarik minat para belia supaya tidak tertumpu kepada kawasan bandar sahaja.

Di samping itu, kursus-kursus kepimpinan juga diadakan bagi menggalakkan dan memberi kemahiran kepada pemimpin-pemimpin belia menjalankan kegiatan yang berfaedah untuk kepentingan ahli-ahli persatuannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peranan dan tenaga belia di negara ini penting untuk pembangunan negara Kementerian ini memang ada cadangan untuk membesarkan Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat daerah. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak dapat dipertimbangkan buat sementara waktu ini kerana sebab-sebab ekonomi negara.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan dari beliau tadi menerangkan bahawa Kementerian sedar tentang kegiatan para belia. Suka saya bertanya adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar satu daripada sebab kemerosotan belia-belia di luar bandar ini adalah disebabkan tidak adanya ataupun kurang inisiatif daripada Pegawai Kebudayaan Belia Negeri

dan Pegawai Kebudayaan Belia Daerah kepada kelab-kelab belia yang begitu tidak menjalankan apa-apa rancangan. Adakah Kementerian ini dapat menerangkan tentang berapa banyakkah kelab yang tidak berjalan langsung akan kegiatan-kegiatan untuk meninggikan prestasi belia di dalam lapangan perniagaan ataupun peladang dan sebagainya.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa salah satu daripada sebab tidak lancarnya perjalanan kelab-kelab belia di negara kita ini ialah kerana kemungkinan ketidak cekapnya pegawai-pegawai. Ketidakcekapan pegawai-pegawai ini adalah disebabkan oleh beberapa-beberapa sebab. Pertamanya, umpamanya kawasan yang diberi tugas oleh seseorang pegawai itu terlalu besar. Seseorang pegawai belia yang mengawal satu daerah dialah peonnya, dialah keraninya, dialah tukang sapunya dan dialah segala-galanya. Ini, adalah merupakan satu faktor dan Kementerian amat menyedari perkara ini. Oleh sebab itu kita bercadang untuk menaikkan taraf pejabat-pejabat belia dan sukan ini di daerah-daerah dengan menambah pegawai-pegawai dan facilities yang lain.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa sudahlah Pejabat-pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat-peringkat daerah itu kecil dan kurang pegawai-pegawai dan kakitangannya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang mana pegawai-pegawai ini yang kurang memainkan peranan bagi mengatasi masalah belia-belia di kampung-kampung dan begitu kurang sekali pegawai-pegawai ini pergi ke luar-luar bandar bagi mengadakan ataupun memberi penerangan-penerangan ataupun ceramah-ceramah yang boleh

memberi perangsang kepada belia-belia dalam masalah-masalah yang boleh memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada belia-belia itu.

Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang supaya Pejabat Belia di peringkat-peringkat daerah ini memberi perangsang yang lebih agar belia-belia ini mendapat manfaat dan juga berfungsi kepada belia-belia kita terutama sekali di luar bandar.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, memang Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat daerah dan di peringkat negeri sentiasa mengadakan kursus-kursus seperti kursus bimbingan dan kepimpinan dengan tujuan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin belia di pendalaman ataupun di kampung-kampung untuk membantu menjalankan kegiatan-kegiatan belia di peringkat kelab-kelab belia mereka masing-masing.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA—TAPAK

3. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) di manakah tapak Universiti Islam Antarabangsa yang telah ditetapkan sebenarnya dan setakat manakah pelaksanaannya;
- (b) pada tahun bilakah dijangka Universiti Islam ini akan mempunyai bangunannya sendiri dan berapa banyakkah pembinaan dan kelengkapannya akan menelan belanja dan dari sumber-sumber manakah kewangan yang telah atau akan diperolehi dan berapa banyakkah peruntukan yang sedia ada sekarang. Negara manakah yang paling banyak

sekali memberi sumbangan kewangan dan adakah ia dari Negara-negara Islam; dan adakah di dapati sumbangan-sumbangan dari negara-negara bukan Islam.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, (a) Kementerian Pelajaran dengan persetujuan Kerajaan Negeri Pahang telah mengenalpasti dan bersetuju sebidang tapak di sekitar Bukit Tinggi dengan Janda Baik meliputi Lembah Sungai Tok-Tok untuk dijadikan tapak kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa. Setakat ini kerja-kerja ukur sedang dijalankan di atas tapak berkenaan.

Jawapan kepada soalan (b), mengikut perancangan Universiti Islam Antarabangsa akan dapat berpindah ke kampus tetapnya dalam tahun 1990.

Anggaran perbelanjaan yang diperlukan bagi pembinaan Universiti tersebut termasuk kelengkapan dianggarkan sebanyak \$1,185.8 juta. Projek pembangunan ini dijangka dibiayai keseluruhannya oleh Kerajaan Malaysia sendiri. Pembangunan Universiti Islam Antarabangsa di Kampus barunya dijangka akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Dari segi bantuan luar, sejauh ini Kerajaan Arab Saudi merupakan negara yang telah menyumbangkan bantuan terbanyak iaitu M\$2.29 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya membuat pembetulan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa dia pembetulan itu?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman: Tambah perkataan "Ahli Lembaga Pengarah" selepas perkataan "beberapa" jadi "berapa Ahli Lembaga Pengarah agensi-agensi/syarikat tersebut yang terdiri daripada pesara-pesara....." dan sebagainya. Soalan yang ke-4.

Ahli perniagaan	4 orang
Ahli profesional	5 orang
Ahli politik	1 orang

REMUNERATION LEMBAGA PENGARAH PETRONAS/PERNAS/ HICOM/PNB

4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Perdana Menteri menyatakan berapa "remuneration" dan lain-lain imbuhan/faedah kewangan yang dibayar kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS, PERNAS, HICOM, PNB dan beberapa Ahli Lembaga Pengarah agensi-agensi/syarikat tersebut yang terdiri daripada pesara-pesara perkhidmatan awam, pegawai awam, golongan profesional, ahli-ahli perniagaan dan ahli-ahli politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, bayaran elaun/imbuhan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS, PERNAS, HICOM dan PNB adalah seperti berikut:

- (i) Pengerusi:
 - PETRONAS .. \$5,000 sebulan
 - PERNAS .. \$3,000 sebulan
 - HICOM \$3,000 sebulan
 - PNB \$18,000 sebulan
- (ii) Ahli Lembaga Pengarah:
 - Dalam lingkungan \$500-\$1,000 sebulan.

Kedudukan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

Pesara Perkhidmatan Awam ..	7 orang
Eksekutif agensi ber- kenaan	12 orang
Pegawai Kerajaan	10 orang

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah perlu mengadakan begitu banyak bilangan orang menganggotai Lembaga Pengarah agensi-agensi tadi dan mengapa imbuhan itu begitu tinggi. Adakah mereka ini mempunyai kerja dan jawatan yang berlainan.

Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang dilantik adalah diperlukan. Yang kedua, imbuhan-imbuhan itu adalah berpatutan berasaskan kepada kemampuan, pengalaman dan kelulusan mereka yang telah kita lantik. Dan yang ketiga, mengikut peraturan Ahli-ahli Lembaga Pengarah boleh juga menduduki badan-badan yang lain dan ada hadnya.

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

5. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sebab-sebab berlakunya penyakit kuku dan mulut terhadap ternakan lembu dan kerbau baru-baru ini;
- (b) tidakkah dengan cara menyekat sama sekali kemasukan lembu dan kerbau dari negara jiran boleh menyelamatkan penternak-penternak dari bahaya jangkitan penyakit kuku dan mulut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi menghapuskan penyakit ini buat selamalamanya di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyakit kuku dan mulut yang menyerang ternakan lembu dan kerbau baru-baru ini adalah disebabkan oleh Virus "Asia I", dengan izin, berpunca dari pertambahan pergerakan lembu dan kerbau di kawasan sempadan di musim perayaan Hari Raya Puasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang enggan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- (b) Penyakit mulut dan kuku adalah disebabkan oleh virus dan jangkitannya boleh berlaku dengan sebab pemindahan melalui udara (aerosols) dan pemindahan melalui perhubungan (contact), bukan sahaja dari ternakan tetapi juga melalui manusia, barangan dan kenderaan. Sekatan sama sekali tidak berkemungkinan mengelakkan jangkitan penyakit itu sehingga pihak kita mendapat jaminan daripada negara-negara jiran bahawa penyakit ini dapat dikawal dan negara-negara itu bebas daripada penyakit tersebut.
- (c) Langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan penyakit ini adalah dengan cara seperti berikut:
- (i) menjalankan suntikan pelalian;
 - (ii) mempertingkatkan usaha-usaha pengawasan penyakit (disease surveillance);
 - (iii) memastikan peraturan import ternakan dipatuhi;
 - (iv) mempertingkatkan kawalan terhadap pemindahan ternakan dari satu

kawasan ke kawasan yang lain; dan

- (v) memberi penerangan dan mendapatkan kerjasama dari penternak.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, dulu ubat sakit mulut dan kuku ini ialah tembak sehingga beratus-ratus ribu ekor lembu petani dan orang kampung telah ditembak; itu sahaja ubatnya. Sekarang ini ubatnya ada suntikan. Tetapi apakah yang dibuat oleh Kementerian ini untuk mencegah langsung daripada berlakunya sakit mulut dan kuku ini sebagaimana yang dibuat oleh negara-negara lain yang penternaknya mempunyai ladang yang lebih luas seperti Australia ataupun negara-negara yang lebih maju daripada negara kita.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian ini menghantar pegawai-pegawai kita yang berkelayakan tetapi ingin mempelajari lagi masalah mencegah daripada berlakunya penyakit mulut dan kuku ini seperti negara Australia dan sebagainya yang tidak pernah berlaku penyakit seperti ini. Kalau berlaku pun tidak merupakan national disaster ataupun merupakan penyakit yang paling teruk berlaku.

Dan satu lagi apakah dalam ternakan lembu ini akan dimasukkan dalam Dasar Pertanian Negara bagi membantu petani-petani kecil atau petani-petani yang memelihara lembu supaya gejala seperti ini tidak berlaku.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, tembak menembak sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya tidak sedar. Mungkin kejadian itu telah berlaku sebelum saya berada di

Kementerian Pertanian. Tetapi kalau perkara itu betul berlaku kita sepatutnya berasa syukur sekarang kerana pihak Perkhidmatan Haiwan telah mampu memperolehi ubat suntikan yang begitu baik dan mujarab untuk menolong para penternak-penternak lembu dan kerbau di negara ini. Dan sebagaimana yang telah saya terangkan tadi, bahawa kita telah dapat memberi kawalan yang begitu baik untuk memastikan supaya penyakit ini tidak merebak ke negara ini kerana keadaan di negara-negara tropical countries, dengan izin, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Australia seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sangat berbeza dan tentu sekali kita dengan sedaya upaya mencari jalan untuk menyekat penyakit ini dari merebak dengan begitu dahsyat di negara kita.

Begitu juga mengenai dengan para doktor haiwan Malaysia, kita sentiasa memberi peluang kepada mereka supaya pergi ke negara-negara lain, yang sudah begitu maju dalam bidang penternakan supaya dapat pengalaman yang lebih baik dalam usaha mengawal penyakit kuku dan mulut ini.

Begitu juga sebagaimana yang telah dijelaskan pada mulanya tadi bahawa kalau kita menyekat import binatang ini sama sekali daripada negara jiran sudah tentu tidak berkesan untuk mengelakkan dari jangkitan penyakit ini ke negara kita oleh kerana kita sentiasa berulang alik. Mungkin juga oleh kerana Ahli Yang Berhormat ini duduk dekat sempadan Negeri Thai, beliau juga kerap kali melawat ke situ dan sudah pasti penyakit itu tidak sahaja dibawa ke mari oleh kenderaan-kenderaan tetapi juga pelawat-pelawat yang datang daripada negeri jiran dan kita yang pergi ke situ.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian daripada Timbalan Menteri Pertanian sejauh manakah bahaya atau kesan kepada pemakan-pemakan daging, maksud saya manusia yang memakan daging daripada lembu yang telah dijangkiti oleh penyakit kuku dan mulut.

Yang kedua, soalannya apakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat ubat tradisional yang dilakukan oleh orang kampung bagi mengubat penyakit-penyakit ini.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang pertama saya rasa tidak bersangkutan dengan soalan asal, minta jawab soalan yang kedua sahaja.

Tuan Luhat Wan: Tuan Yang di-Pertua, belum pernah kita menyembelih binatang yang didapati kena penyakit ini, jadi tidak bersangkutan-paut dengan jangkitan menerusi orang yang makan daging lembu yang sakit.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan jawab soalan yang pertama.

Tuan Luhat Wan: Ya, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai ubat tradisional ini baru pertama kali saya dengar, kalau ada bomoh-bomoh yang pandai mengubat lembu dan kerbau ini kita pun mengambil perhatian, kalau Yang Berhormat dapat memberi kerjasama dengan pihak perkhidmatan haiwan supaya menunjukkan di mana maha guru atau bomoh-bomoh kerbau dan lembu ini kita boleh mengambil perhatian.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Saya ada dengar tadi Timbalan Menteri menyatakan tentang tembak menembak lembu ini, Timbalan

Menteri itu belum lagi menjadi Timbalan Menteri Pertanian. Pada minggu lepas perbuatan tembak lembu ini berlaku di Terengganu, saya tidak tahulah Timbalan Menteri itu sudah jadi Timbalan Menteri atau belum pada minggu lepas. Oleh itu saya hendak tanya soal tembak menembak lembu ini, adakah pihak Kementerian tahu ataupun perintah daripada pihak Kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Di tempat mana itu?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Di Manir.

Tuan Yang di-Pertua: Bangi?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Manir, Jabatan Pertanian cawangan Manir, Kuala Terengganu iaitu kawasan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa ekor?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Kalau tidak silap saya 10 ekor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Boleh jadi saya silap, tetapi tembak itu tembaklah, mengenai jumlah ekor itu barangkali tidak begitu tepat sangat.

Yang keduanya, adakah pihak Kerajaan ada membuat satu cadangan kepada lembu-lembu atau kerbau yang sakit mulut atau kuku atau binatang yang berpenyakit ini dipindahkan ke tempat-tempat yang agak jauh sedikit ke dalam-dalam hutan yang agak begitu tidak menjangkit daripada diambil tindakan tembak-tembak itu.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti bahawa lembu yang ditembak itu lembu yang sakit kuku dan mulut. Kalau dari pengalaman saya memang lembu itu

kalau dia akan disembelih kalau dia lembu yang garang dan ganas kita terpaksa tembak dahulu baru disembelih (*Ketawa*). Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: 10 ekor, ini bukan satu ekor.

Tuan Luhut Wan: Saya memberi jaminan dengan Ahli Yang Berhormat kalau betul seminggu dahulu ada orang menembak lembu itu saya sudah menjadi Timbalan Menteri Pertanian (*Ketawa*). Saya akan mengambil perhatian dan membuat penelitian terhadap kes ini dan saya minta kerjasama dengan pihak Ahli-ahli Yang Berhormatlah jangan sampai kita tidak sedar ada orang menembak lembu di kawasan mereka, jikalau benar-benar lembu itu mengalami penyakit kuku dan mulut, beritahu dahulu barulah kita tahu, ini sudah disembelih baru kita tahu—susah. (*Ketawa*) Okay! Nanti saya boleh membuat siasatan hal ini dan juga mengenai kawalan yang kita buat pada ketika ini memang mengikut peraturan, kita mesti pastikan bahawa kawasan itu selamat dan juga lembu lain tidak dapat masuk kawasan itu, di situlah kita kurungkan lembu-lembu yang disahkan, yang mengalami penyakit kuku dan mulut, jadi tidak usah kita pergi ke kawasan di hutan rimba yang jauh dari kawasan orang-orang kampung khas untuk menyimpan lembu-lembu yang sakit, sebab lembu yang sakit ini pun susah juga kita simpan kalau jauh sangat, mesti ada kawasan yang patut, di situlah kita simpan dia.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

6. **Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian beliau telah menggubalkan satu Pelan Induk Perindustrian bagi Pembangunan Perindustrian di negara kita dalam

jangka masa panjang, jika ya, sebutkan strategi-strategi yang akan diambil untuk mencapai matlamat pelan tersebut dan apakah jenis-jenis industri yang akan diberi keutamaan. Jika Pelan tersebut belum diadakan, sila menyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya kini adalah sedang menggubalkan satu Pelan Induk Perindustrian bagi pembangunan perindustrian seluruh negara bagi jangka masa 1986-1995. Objektif-objektif asas Pelan Induk Perindustrian tersebut adalah untuk memberi satu perspektif yang jelas bagi perkembangan sektor perkilangan di Malaysia dan dengan itu pengesyoran-pengesyoran tertentu akan diutamakan untuk mencapai matlamat-matlamat yang disyorkan. Strategi yang akan diambil serta jenis-jenis industri yang akan diberi keutamaan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk tersebut akan diberitahu ataupun akan dimaklumkan apabila ianya siap nanti pada penghujung bulan Ogos, 1985.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang membantu industri-industri kecil yang sudah wujud dalam Pelan Induk yang disebutkan oleh beliau tadi.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan mengenai usaha-usaha yang akan dijalankan bagi memajukan sektor perusahaan kecil.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Pelan Induk ini berdasarkan kepada laporan daripada pakar-pakar Bangsa-bangsa Bersatu dan adakah pakar-pakar daripada negara lain dipelawa untuk memberi sumbangan?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk ini adalah usaha yang dijalankan bersama oleh beberapa pakar terutamanya daripada pihak UNIDO, Pertubuhan Perindustrian yang ditaja oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan di dalamnya terdapat pakar-pakar daripada luar negeri juga.

PROJEK LIGHT RAIL TRANSIT

7. Tuan Mohamad Idris bin Mohamad Basri minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa 28 hektar tanah utama (prime land) telah diuntukkan untuk mendapatkan hasil bagi membiayai projek Light Rail Transit yang akan dijalankan oleh Syarikat Transport Laju Ringan (STLR), adakah di masa akan datang tanah-tanah seperti ini juga akan dijual atau diswastakan untuk menampung projek-projek raksasa di Wilayah Persekutuan, apakah sumber yang lain yang boleh diperolehi oleh Kerajaan untuk membiayai projek raksasa seperti ini dan adakah penyertaan ekuiti akan dipelawa kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 3 bidang tanah seluas kira-kira 4 ekar telah ditender kepada pihak awam bagi membelinya. 2 daripada tanah ini telah mendapat tawaran mengikut harga pasaran manakala satu lagi yang menerima tawaran kurang dari harga pasaran akan ditawarkan semula. Daripada 2 bidang tanah untuk tujuan perumahan dan commercial, seluas 3.3 ekar hasil yang dapat diperolehi dianggarkan berjumlah \$11.4 juta. 7 bidang tanah lagi akan dijual dalam bulan Ogos tahun ini, berikutnya beberapa bidang tanah lagi telah dan akan dikenalpasti untuk dijual bagi membiayai Projek Sistem Transit Laju Ringan ini. Hasil yang dapat diperolehi dari penjualan

tanah untuk membiayai Projek STLR dianggarkan berjumlah di antara \$315 juta hingga \$367 juta, ini belum termasuk penjualan tanah untuk membayar kos pinjaman. Jumlah \$397 juta ini perlu diadakan dalam tempoh masa 4 tahun dan dijadualkan seperti berikut iaitu:

<i>Tahun</i>	<i>Banyak \$ juta</i>	<i>Jumlah \$ juta</i>
1985	75.358	367
1986	135.551	
1987	137.453	
1988	18.615	

Buat masa sekarang ini hanya Projek Transit Laju Ringan sahaja yang telah mendapat kelulusan Jumaah Menteri supaya ianya dibiayai melalui penjualan tanah. Untuk melaksanakannya Syarikat SLR Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 9hb Januari yang lalu. Sumber lain dari pembiayaan projek raksasa ini selain daripada penjualan tanah adalah melalui pinjaman Kerajaan kepada Kerajaan yang akan diperolehi daripada Kerajaan negara-negara pengeluar ataupun pembekal projek iaitu negara Belgium dan juga negara Perancis.

Satu lagi bentuk pinjaman yang difikirkan sesuai ialah pinjaman eksport kredit, Syarikat SLR Sdn Bhd yang baru ditubuhkan ini buat masa sekarang dimiliki seluruhnya oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun adalah menjadi hasrat dan harapan Kerajaan untuk menjemput penyertaan syarikat-syarikat swasta yang lain termasuklah dari kalangan bumiputera apabila tiba masanya kelak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat pengesahan daripada Menteri yang berkenaan sama ada di antara projek raksasa yang akan dijalankan di Wilayah ini pihak Kementerian

bercadang untuk mengadakan projek membaiki lalulintas di kawasan-kawasan yang sentiasa mengalami kesesakan lalulintas, misalnya untuk mengganti bulatan-bulatan yang sedia ada. Memandangkan bahawa Kerajaan buat masa ini menghadapi kesukaran untuk mendapat peruntukan, maka sama ada Kerajaan bercadang untuk menswastakan projek ini supaya masalah lalulintas ini dapat diatasi dengan segera?

Dato Shahrir bin Abdul Samad:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hubungan soalan Ahli Yang Berhormat itu dengan soalan yang asal ialah dengan perkataan projek raksasa, tetapi sebenarnya hubungannya dengan LRT ataupun pengwujudan sistem pengangkutan STLR ini tidaklah begitu jelas.

Bagaimanapun, untuk menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah bahawa memang Kerajaan sedar ada terdapatnya setengah-setengah tempat atau persimpangan jalan dan bulatan-bulatan jalan yang menghadapi kesesakan lalulintas. Langkah pertama Kerajaan ialah terhadap Bulatan Kepong yang telah pun diswastakan dengan cara pihak swasta atau pihak pemaju projek berkenaan diberikan kebenaran untuk mengutip tol bagi kereta-kereta dan kenderaan yang menggunakan persimpangan tersebut. Bagi kawasan-kawasan lain pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sedang menimbang satu lagi projek untuk memulih ataupun meningkatkan keupayaan persimpangan-persimpangan di Bandaraya ini, iaitu khususnya di Jalan Cheras di mana Bulatan Edinburgh dan juga Jalan Cheras merupakan salah satu laluan yang menghadapi masalah kesesakan dan pihak Kementerian sedang berunding dengan Jabatan Perdana Menteri untuk memutuskan kaedah-kaedah pelaksanaan projek ini.

Bagi persimpangan-persimpangan yang lain seperti di Jalan Pahang dan Jalan Tun Razak, projek ini adalah dalam pertimbangan pihak Kerajaan bagi dibiayai melalui peruntukan biasa memandangkan bahawa kedudukan tol yang begitu hampir dengan pusat bandar mungkin akan menimbulkan masalah yang baru dan mungkin lebih buruk daripada masalah kesesakan Lalulintas sendiri. Bagi persimpangan di Jalan Tun Razak/Jalan Ampang ini juga dalam pertimbangan pihak Kementerian bagi dicarikan peruntukan dari punca-punca yang terlibat dengan pembangunan di kawasan itu bagi membiayai projek persimpangan Jalan Ampang/Jalan Tun Razak.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah penjualan tanah-tanah Kerajaan itu untuk membiayai projek-projek Wilayah Persekutuan satu langkah yang baik pada masa jangka panjang?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya Kerajaan telah memilih langkah untuk menjual tanah-tanah kepunyaan Kerajaan bagi membiayai projek Sistem Transit Laju Ringan ini ialah pertamanya kerana mematuhi prinsip bahawa kalaulah biasanya projek Kerajaan itu dibiayai oleh peruntukan daripada Kementerian Kewangan bermaknalah bahawa projek-projek lain yang perlu dijalankan di luar bandar mungkin terjejas kerana begitu banyak wang Kerajaan yang hendak disalurkan bagi projek yang begitu besar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini.

Dari segi pandangan saya dan saya rasa dari segi pandangan pertimbangan politik serta keadilan memanglah tidak begitu tepat kalaulah projek-projek di luar bandar dan tempat-tempat lain tergendala semata-mata kerana kita menumpukan perhatian kita kepada

pelaksanaan projek-projek di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Oleh sebab itulah maka Kerajaan telah memutuskan supaya projek STLR ini dibiayai oleh sumber-sumber dan kekayaan Wilayah Persekutuan sendiri supaya projek yang memberi manfaat kepada penduduk Wilayah Persekutuan dibiayai sepenuhnya oleh sumber-sumber dan kekayaan dengan Wilayah Persekutuan sendiri dan tidaklah menjejaskan sistem peruntukan kepada projek-projek yang perlu dijalankan di tempat-tempat lain. Itu yang pertama.

Yang kedua, soal penjualan tanah merupakan satu cara yang paling baik bagi Kerajaan mendapatkan nilai ataupun pendapatan yang lebih hampir dengan nilai pasaran tanah yang berkenaan kerana kalau mengikut amalan biasa tanah-tanah Kerajaan dikeluarkan kepada sesuatu pihak dengan hanya dikenakan pembayaran premium dan perkiraan premium mengikut peraturan biasa dan amalan biasa dibuatkan dengan kadar yang lebih rendah daripada nilai pasaran itu sendiri. Dengan cara yang demikian bermaknalah bahawa Kerajaan sendiri tidak dapat mengambil keuntungan yang maksima, yang secukup-cukupnya atau seberapa besar yang boleh daripada penjualan tanah kalau tanah itu diberikan secara hakmilik kepada satu-satu pihak. Oleh sebab ini Kerajaan telah menubuhkan syarikat STLR yang dibenarkan untuk menjual tanah tersebut dan dengan cara yang demikian bolehlah tanah itu dijual dari pihak Kerajaan dan mendapati hasil yang hampir atau nilai yang begitu hampir dengan nilai pasaran kepada bidang tanah yang berkenaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa kita haruslah jangan begitu bimbang dengan penjualan tanah kerana apabila sesuatu tanah itu dibangunkan Kerajaan tetap akan

mendapat pendapatan daripada pembangunan tanah itu kerana Kerajaan masih tetap lagi akan mengenakan cukai tanah kepada tanah yang berkenaan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan akan tetap menerima pembayaran cukai pintu kepada setiap pembangunan yang dilakukan kepada tanah yang berkenaan. Jadi, walaupun pada umumnya kelihatan bahawa seolah-olah tanah Kerajaan habis dijual kepada pihak-pihak awam tetapi akhirnya juga dengan pembangunan, Kerajaan sendiri akan menambahkan pendapatannya melalui pungutan cukai tanah dan juga cukai pintu kepada tanah yang berkenaan.

PELAJARAN RENDAH— MEMENDEKKAN

8. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran apakah sebab-sebabnya bagi cadangan untuk memendekkan pelajaran rendah dari 6 tahun ke 5 tahun. Bilakah dan bagaimanakah cadangan ini akan dilaksanakan; adakah Menteri sedar bahawa banyak murid-murid mungkin memerlukan lebih daripada 6 tahun untuk menghabiskan kurikulum sekolah rendah sekarang, terutamanya untuk menguasai dua hingga tiga bahasa seperti yang diperlukan, bukankah lebih baik sekiranya bilangan tahun bersekolah dijadikan lebih fleksibel mengikut keperluan-keperluan individu. Adakah Kerajaan bercadang untuk merendahkan umur bersekolah sebagai salah satu penyelesaian bagi masalah-masalah pelajaran rendah sekarang.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, rancangan memendekkan pelajaran rendah dari 6 tahun ke 5 tahun adalah satu cadangan yang masih lagi dalam pertimbangan dan belum lagi diputuskan. Pihak Kementerian Pelajaran masih lagi

menerima maklumbalas dalam perkara ini dan apa-apa pendapat dan cadangan mengenainya adalah dihargai.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bertanya tentang hal yang lain dalam soalan saya itu, iaitu mengenai masalah yang dihadapi oleh murid-murid untuk menguasai dua atau tiga bahasa semasa berada di bangku sekolah di peringkat rendah dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan tempoh persekolahan rendah ini lebih fleksibel supaya janganlah terkongkong kepada 6 tahun ataupun 5 tahun, tetapi mungkin ada yang akan mengambil masa 7 atau 8 tahun untuk menghabiskan kurikulum yang sama tetapi tidak dapat menguasainya dengan lebih awal lagi. Itu sebahagian yang lain dalam soalan asal saya itu.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sama ada pelajar-pelajar boleh menguasai apa yang patut dipelajari oleh mereka tidak akan terjejas jikalau Kementerian tidak mengambil keputusan untuk mengurangkan, itu dari segi argument Ahli Yang Berhormat itu. Jawapannya adalah setakat ini tidak ada satu keputusan yang telah dibuat, oleh kerana itu masalah itu tidak timbul.

Kepada soalan sama ada Kerajaan akan menjadi lebih fleksibel mengikut keperluan-keperluan individu, setakat ini tidak.

KEMPEN ANTI-DADAH KEBANGSAAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semenjak pelancaran Kempen Anti-Dadah Kebangsaan pada 19hb Februari, 1983, apakah kemajuan telah dicapai dalam memerangi ancaman dadah

dengan memberi butir-butir mengenai jumlah dadah yang dirampas, bilangan orang yang telah dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup kerana kesalahan-kesalahan dadah dan juga bilangan penagih dadah yang ditangkap dan dihantar ke pusat-pusat pemulihan dan berapa orang yang telah dipulih dengan jayanya; dan

- (b) sejauh manakah Malaysia mendapat kerjasama antarabangsa dari masyarakat antarabangsa, terutamanya dari Amerika Syarikat dalam menyelesaikan masalah dadah dan adakah Malaysia

<i>Tahun</i>	<i>Candu Mentah (kg)</i>	<i>Candu Masak (kg)</i>	<i>Morfin (kg)</i>	<i>Heroin (kg)</i>	<i>Ganja (kg)</i>	<i>Pil (biji)</i>
1983	11.73	40.60	9.32	200.08	386.37	25,045
1984	870.93	13.23	6.40	242.94	1,766.42	2,005
1985 (Januari-Mei)	609.27	8.59	0.006	77.73	400.76	3,187

- (b) semenjak hukuman mati dikuatkuasakan mulai tahun 1975 hingga bulan Mei, 1985, bilangan pengedar-pengedar dadah yang telah dikenakan hukuman gantung berjumlah 82 orang. Dari jumlah ini iaitu seramai 30 orang telah pun menjalani hukuman tersebut. Sementara itu 45 orang lagi masih menunggu rayuan pengampunan. Selain daripada itu, seramai 245 orang pengedar telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Hukuman berat yang dikenakan adalah bertujuan untuk mencegah kejadian pengedaran dadah di dalam jangka panjang. Dengan demikian adalah terlalu awal untuk menilai kekesanannya.

berpuashati dengan kerjasama itu, jika tidak, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil atas perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kempen Anti-Dadah Kebangsaan telah dilancarkan pada 19hb Februari, 1983 yang lalu. Hasil-hasil positif yang telah dicapai dapat dilihat dari butir-butir yang berkaitan seperti berikut:

- (a) Jumlah dadah yang dirampas mengikut pecahan jenisnya bagi tahun 1983, 1984 dan 1985 (sehingga bulan Mei) adalah seperti berikut:

Walau bagaimanapun, publisiti mengenai tangkapan, rampasan dan hukuman-hukuman berat yang dikenakan terhadap pengedar-pengedar dadah di Malaysia telah membuat sindiket-sindiket pengedar-pengedar dadah antarabangsa cuba mengelakkan dari menggunakan Malaysia sebagai "transit point";

- (c) Bilangan penagih-penagih yang telah ditangkap dalam tahun 1983 adalah seramai 10,263 orang, dalam tahun 1984 adalah seramai 9,938 orang dan seramai 4,278 orang sehingga bulan Mei tahun 1985. Dari jumlah itu, seramai 3,032 penagih telah dirujuk kepada Bahagian Rawatan dan

Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri untuk rawatan dan pemulihan sama ada di dalam atau di luar institusi pada tahun 1983, seramai 3,260 penagih telah dirujuk pada tahun 1984 dan seramai 1,861 orang pada tahun 1985 (sehingga Mei);

- (d) Dari segi keupayaan muatan di Pusat Rawatan dan Pemulihan yang sedia ada, ini dapat menampung seramai 2,050 penghuni. Dalam Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti-Dadah (1985-1989) adalah dijangka tujuh buah pusat baru akan dibina termasuk satu pusat khusus untuk wanita.
- (e) Berhubung dengan bilangan penagih yang telah dipulih dengan jayanya, dapat ditinjau dari jumlah bekas penagih yang telah tamat menjalani rawatan dan pemulihan dari Institusi Rawatan dan Pemulihan selama satu hingga 2 tahun, dan seterusnya telah tamat menjalani program Jagaan Lanjutan selama tempoh 2 hingga 3 tahun di bawah Seliaan Pegawai Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Dalam tahun 1983 seramai 868 orang bekas penagih dadah telah menamatkan program Jagaan Lanjutan, diikuti seramai 1,037 orang dalam tahun 1984 dan seramai 269 orang bekas penagih dalam tahun 1985 (sehingga Mei).

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah pun menerima kerjasama yang baik daripada masyarakat antarabangsa dan juga agensi-agensi anti dadah antarabangsa. Agensi-agensi antarabangsa yang telah memberi kerjasama ialah badan-badan mengenai dadah di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, International

Confederation of Police Organisations/INTERPOL, Customs Cooperation Council dan Colombo Plan.

Di peringkat Serantau, negara-negara ASEAN telah pun pada tahun 1976, mengisytiharkan "ASEAN Declaration of Principles to Combat Abuse of Narcotic Drugs". Malaysia telah menjalin kerjasama yang baik dengan negara-negara ASEAN yang lain dalam usaha-usaha untuk membanteras pengedaran dan penggunaan dadah di rantau ini. Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-18 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 8hb dan 9hb Julai, 1985, telah meluluskan satu resolusi berkaitan dengan tindakan anti dadah di peringkat antarabangsa untuk dibentangkan di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan September tahun ini supaya masyarakat antarabangsa akan meningkatkan keazaman mereka bagi memerangi masalah ini.

Malaysia juga mempunyai perhubungan yang rapat dengan Kerajaan Amerika Syarikat. Dalam tahun 1979, Malaysia telah menandatangani "Memorandum of Understanding" dengan Kerajaan Amerika Syarikat. Antara perkara-perkara yang terkandung dalam memorandum tersebut ialah penukaran maklumat-maklumat mengenai dadah, pemberian latihan/kemajuan tenaga manusia dan bantuan teknikal. Melalui persefahaman ini telah dijalankan program-program seperti berikut:

- (a) Latihan Perundingcara kepada Jabatan Penjara pada tahun 1980 dan 1982.
- (b) Latihan Perundingcara kepada sukarela PEMADAM pada tahun 1980.
- (c) Latihan Jurulatih Perundingcara kepada Bahagian Rawatan dan

Pemulihan, Jabatan Penjara dan Kementerian Kebajikan Am pada tahun 1985.

- (d) Latihan Teknik-teknik Penguatkuasaan untuk pegawai-pegawai Unit Pencegahan Penyeludupan pada tahun 1984.
- (e) Kursus Lanjutan dalam bidang Penguatkuasaan Undang-undang pada tahun 1985.

Kerajaan Amerika Syarikat juga telah mencadangkan untuk mengadakan kursus mengenai cara-cara mengendalikan harta benda pengedar dadah yang dirampas bagi anggota-anggota penguatkuasaan kita.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menerangkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan bagi menjauhkan dadah daripada negara ini. Saya percaya penagih-penagih bukan sahaja dapat berkurang tetapi bertambah-tambah dalam negara ini. Satu pasukan sukarela iaitu PEMADAM atau Persatuan Anti Dadah Malaysia, Kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak \$100 ribu tentulah tidak cukup. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi tambahan lagi wang itu?

Kedua, apakah ikhtiar Kerajaan, mereka yang telah dipulihkan dalam seliaan dua hingga tiga tahun seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebagai tempat itu dilanjutkan untuk dipastikan supaya mereka ini tidak lagi kembali ke tempat penagihan dadah ini atau menagih dadah balik.

Ketiganya soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, peringkat antarabangsa telah menyatakan kepastian untuk menahan dadah ini berleluasa di negara kita ini, tetapi ada satu

pendapat mengatakan bahawa negara-negara lain menjadi pendapatan negara itu sendiri. Apakah perkataan ini benar atau tidak?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah 1985 ke 1989, ada beberapa perkara yang telah dibincang dan akan dilaksanakan dari segi menambahkan peruntukan kepada agensi-agensi yang membantu Kerajaan memerangi wabak dadah ini dari segi penagihan dan juga dari segi pengedarannya. Saya tak dapatlah menjawab dengan tepat adakah pihak PEMADAM akan diberi peruntukan lebih daripada \$100 ribu yang diberi sekarang ini.

Bagi jagaan lanjutan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tempohnya adalah selama dua atau tiga tahun. Ini selepas seseorang penagih itu menjalankan rawatan dan pemulihan selama dua tahun di pusat-pusat pemulihan. Bermakna seseorang penagih dadah apabila ia dikeluarkan daripada pusat Pemulihan akan menjalani jagaan lanjutan sekurang-kurangnya dua tahun. Pada anggapan Kementerian ini dianggap memadai. Walau bagaimanapun sepertimana yang diterangkan tadi, ini masih lagi dalam kajian kerana masih singkat masa untuk kita memastikan adakah had 4 tahun itu memadai. Walau bagaimanapun jika didapati tidak memadai kita akan buat perubahan-perubahan yang sesuai.

Berkenaan dengan soalan yang ketiga berhubung dengan negara-negara yang mendapat keuntungan daripada menanam ataupun menjalankan usaha berkaitan dengan pengedaran dadah, perkara ini memanglah telah dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa termasuk mesyuarat yang baru-baru

ini diadakan di Kuala Lumpur di antara negara-negara ASEAN dan pendirian Malaysia adalah tegas. Kita mahukan negara-negara mana sekalipun biar dia sendiri menanam popi atau membenarkan pendedaran dadah berjalan dengan berleluasa mengambil tindakan yang tegas bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah Kerajaan bersetuju bahawa kemungkinan bertambahnya penagih-penagih dadah adalah disebabkan oleh terlalu banyaknya publisiti mengenai dadah hingga terdapat cara-cara bagi mendapatkan dadah itu disiarkan dalam mass media kita di Malaysia ini terutama sekali bagi mendapatkan punca-punca dadah ataupun pengganti dadah. Bagi orang yang tidak mampu membeli dadah yang lebih merbahaya lebih mahal, mereka beli ubat-ubat yang disebutkan dalam publisiti sebagai pengganti dadah. Adakah Kerajaan setuju kalau kerana ini bertambahnya penagih dadah iaitu disebabkan oleh terlalu banyak publisiti dan publisiti itu pula adalah menolong penagih-penagih dadah atau orang yang cuba hendak mengambil dadah?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor yang dikira telah mewujudkan suasana di mana bilangan penagih dadah kian bertambah tetapi bukanlah oleh sebab adanya publisiti-publisiti yang luas yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa untuk mengurangkan penagih-penagih dadah.

Walau bagaimanapun jika publisiti itu menyebabkan penambahan penagih dadah ia hanyalah angka yang minima kalau dibandingkan dengan sebab-sebab ataupun faktor-faktor yang lain.

PERJANJIAN TIMAH ANTARA-BANGSA

10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada ianya memberi kesan positif atau sebaliknya ke atas ekonomi negara kita kiranya kita masih kekal menjadi anggota Perjanjian Timah Antarabangsa; jika ianya memberi kesan negatif, adakah Kerajaan bercadang untuk menarik diri daripada anggota Majlis yang tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Perjanjian Timah Antarabangsa diwujudkan adalah untuk menstabilkan harga timah pada satu paras yang berpatutan kepada negara-negara pengeluar dan pengguna timah. Dalam suasana pasaran yang merosot dan muram, operasi penimbal dan kawalan eksport Perjanjian ini telah dapat menstabilkan harga timah pada paras harga lantai yang ditetapkan oleh Majlis Timah Antarabangsa.

Bagi Malaysia, paras harga lantai dan kestabilan harga adalah penting bagi menjamin pelombong-pelombong menerima harga yang berpatutan, tidak kurang dari kos pengeluaran mereka. Kejatuhan harga timah di bawah satu paras harga yang tertentu akan memberi kesan buruk terutama kepada pelombong-pelombong kecil dan seterusnya kepada ekonomi negara.

Walaupun Malaysia adalah tertakluk kepada kawalan eksport, tetapi dari segi pengeluaran dan jumlah eksport Malaysia masih lagi menjadi pengeksport utama di dunia.

Dalam keadaan di mana penawaran timah di pasaran dunia adalah berlebihan, bagi mengekalkan

keuntungan kepada negara ini, menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa merupakan pilihan yang terbaik.

Dalam jangka panjang pula, mempertahankan harga pada paras harga siling, dapat menentukan bahawa harga timah tidak akan menjadi begitu mahal sehingga dapat menggalakkan para pengguna mencari bahan gantian dan ini sudah tentu dapat mengekalkan penggunaan dan permintaan timah.

Dengan yang demikian, adalah jelas bahawa Perjanjian Timah Antarabangsa telah dan akan memberi kesan yang positif ke atas ekonomi negara dan adalah bermanfaat bagi Malaysia mengekalkan keanggotaannya di dalam Perjanjian tersebut.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan adalah sangat manfaat bahawa Malaysia menjadi ahli dalam Majlis Timah Antarabangsa. Saya ingin bertanya bagaimanakah nisbah kuota yang dibuat kepada negara-negara anggota di bawah Undang-undang Kawalan Timah Antarabangsa, sama ada berdasarkan pengeluaran bagi sebuah negara atau bagaimana?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kuota ini selalunya dibuat mengikut kemampuan pengeluaran yang ditentukan sebelum perjanjian ini diadakan. Kalau Malaysia pada hari ini lebih kurang 39% maka kuota itu adalah berdasarkan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

BANK PERDAGANGAN—KADAR PINJAMAN

11. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan 11% dasar kadar pinjaman bank-bank perdagangan negara kita adalah merupakan di antara yang paling tertinggi di dunia, dan juga kesan kemerosotan ekonomi sedunia pada sektor perdagangan dan industri, adakah Kementerian beliau menimbangakan akan menasihatkan bank-bank tersebut mengurangkan kadar ini dengan secepat mungkin; dan
- (b) jika ada, apakah langkah-langkah yang Kementerian ini akan ambil.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa kadar pinjaman asas di Malaysia merupakan di antara kadar yang paling tinggi di dunia. Sebagai contohnya, pada 24hb Jun, 1985 kadar pinjaman minima di Filipina ialah 37 peratus, Indonesia 25 peratus, Negeri Thai 16.5 peratus, United Kingdom 12.5 peratus dan Korea 11.5 peratus. Bagi negara Latin Amerika, kadar faedah yang dikenakan pada bulan Februari 1985 ialah 290% bagi Argentina, 58.4% bagi Chile dan 15% bagi Venezuela. Manakala bagi Australia, kadar faedah yang dikenakan pada 2hb Julai, 1985 ialah 17.5%.

Berkuatkuasa dari 24hb Jun, 1985, Persatuan Bank-bank di Malaysia setelah berunding dengan Bank Negara Malaysia telah meminta semua ahli-ahli Persatuan Bank-bank mengurangkan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate) mereka sebanyak 1 peratus setahun. Pada 6hb Julai, 1985, Kadar Pinjaman Asas (KPA) berada dalam lingkungan di

antara serendah 10.25 peratus setahun hingga kadar tertinggi 11.5 peratus setahun.

Oleh kerana kadar faedah bagi semua pinjaman-pinjaman bank-bank perdagangan (kecuali pinjaman-pinjaman yang mana kadar faedahnya ditetapkan oleh undang-undang atau oleh Bank Negara) dikaitkan kepada Kadar Pinjaman Asas bank-bank masing-masing, kadar faedah bagi pinjaman seperti itu hendaklah dikurangkan sebanyak 1 peratus setahun.

Pengurangan kadar faedah sebanyak 1 peratus setahun ini di dalam Kadar Pinjaman Asas bagi semua bank-bank boleh mengakibatkan pengurangan kos pinjaman kepada peminjam-peminjam dan diharapkan menjadi penggalak kepada pelabur-pelabur untuk meningkatkan pelaburan mereka di masa depan di negara ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa tindakan akan diambil bagi memastikan penurunan kadar faedah yang diumumkan baru-baru ini benar-benar akan memberi faedah kepada peminjam.

SAINS KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH

12. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian akan memasukkan Sains Komputer sebagai satu matapelajaran di sekolah-sekolah menengah pada masa hadapan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk memperkenalkan satu matapelajaran "Pengenalan Kepada Komputer" kepada murid-murid sekolah menengah yang bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan asas mengenai komputer serta penggunaannya. Pelajaran "Pengenalan Kepada Komputer"

akan mula diajar di 20 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia dalam tahun 1985 dan 1987 sebagai satu Projek Percubaan. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada sekolah-sekolah bandar dan luar bandar; juga sekolah-sekolah yang ada kelab komputer dan yang tiada. Penilaian akan dibuat pada akhir tahun 1986 untuk menentukan sama ada projek ini sesuai dilaksanakan di seluruh negara.

PASUKAN SIMPANAN TENTERA DARAT—PEMBESARAN

13. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar Kerajaan akan memperbesarkan lagi Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD). Bila rancangan pembesaran ini akan dilaksanakan. Adakah mereka ini diberikan latihan yang cukup dari segi ilmu pengetahuan peperangan dan penggunaan senjata moden.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) sekarang sedang dalam proses kajian pembesaran yang mana perlaksanaannya adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan.

Dari segi latihan dan ilmu pengetahuan yang diberikan kepada PSTD adalah sama seperti yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Tetap. PSTD diberi latihan secara mingguan, latihan lanjutan dan latihan berkumpul. Di samping itu untuk melengkapkan lagi ilmu pengetahuan bagi pegawai dan lain-lain pangkat PSTD secara individu, mereka ini dihantar berkursus di pusat-pusat latihan yang tertentu seperti di Pusat Latihan Askar Wataniah, Sekolah Pegawai Kadet, Pusat Latihan Tentera Darat dan Latihan Tentera Darat, bersama-sama dengan anggota-anggota Tentera Biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah pun mempunyai rancangan untuk mewujudkan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera untuk anggota-anggota yang telah tamat dalam perkhidmatan. Dengan terlaksananya rancangan ini, saya percaya ianya akan turut membantu perkembangan PSTD.

TANAH SIMPANAN UNTUK TERNAKAN

14. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah luas tanah simpanan untuk ternakan mengikut negeri dan adakah tanah-tanah tersebut sentiasa terkawal dan diguna bagi tujuan ternakan.

Tuan Luhut Wan: Jumlah luas kawasan tanah simpanan untuk

ternakan mengikut negeri adalah seperti di dalam jadual 1. Jumlah luas tanah simpanan ternakan di Semenanjung adalah 38,267 hektar. Pada masa ini seluas kira-kira 14,000 hektar adalah sudah mula digunakan untuk ternakan. Daripada keluasan yang digunakan ini, sejumlah 5,434 hektar telah ditanam dengan rumput-rumput pastura yang bermutu. Sebahagian daripada kawasan yang ditanam ini telah dimajukan untuk menjadi pusat penempatan ternakan, pusat pembiakan kambing/biri-biri dan pusat ternakan kerbau bagi tujuan memelihara, membiak dan membaikpulih ternakan. Kawasan padang rumput yang telah dimajukan boleh digunakan oleh penternak-penternak untuk sumber makanan hijau yang bebas diragut atau dipotong. Semua kawasan berkenaan di atas adalah sentiasa dijaga dengan baik.

JADUAL 1

Pembahagian dan Kemajuan Perkembangan Tanah-tanah Simpanan Mengikut Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

<i>Negeri</i>	<i>Pembahagian</i>		<i>Perkembangan Pastural/Foder Keluasan yang telah ditanam (Hektar)</i>
	<i>Jumlah Bilangan</i>	<i>Jumlah Keluasan (Hektar)</i>	
Perlis	3	107	25
Kedah	25	1,956	613
Pulau Pinang ..	—	—	—
Perak	83	4,931	772
Selangor	11	885	258
Negeri Sembilan ..	63	2,441	685
Melaka	2	75	18
Johor	26	3,584	112
Pahang	245	14,770	815
Terengganu ..	77	5,750	1,071
Kelantan	46	3,768	1,065
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	581	38,267	5,434
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Kementerian sedar belum semua tanah-tanah simpanan dapat digunakan oleh kerana keadaan dan lokasinya tidak berapa sesuai untuk digunakan buat masa sekarang. Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang mengatur dan merencanakannya untuk dimajukan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan keperluan semasa.

Bagi mempercepatkan pembangunan tanah simpanan untuk ternakan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan bercadang untuk men-swastakan kawasan tanah-tanah simpanan ini kepada para penternak secara berkumpulan, persatuan-persatuan peladang dan usahawan-usahawan dari sektor swasta yang berkeupayaan dan berminat melaksanakan aktiviti ternakan. Dengan berbuat demikian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memastikan bahawa projek yang dijalankan di atas tanah-tanah simpanan ini akan memberi faedah kepada para penternak serta industri ternakan pada keseluruhannya.

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA—KONTRAKTOR TEMPATAN

15. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang kemajuan projek Lembaga Lebuhraya Malaysia peringkat Senawang/Ayer Keroh. Setakat ini berapa ramaikah kontraktor tempatan yang telah diberikan kerja-kerja sub-contract oleh kontraktor utama Kumagai Gumi/Hashbuddin JV, dari jumlah itu berapa ramaikah syarikat bumiputera. Adakah benar kontraktor utama Kumagai Gumi telah melantik sebuah syarikat dari Jepun yang dikenali sebagai Yamazaki sebagai sub-contractor dan ini bertentangan dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan. Adakah juga benar bahawa rakan kongsi bumiputera

Syarikat Kumagai Gumi sebenarnya tidak aktif sayugia itu tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada usaha pemindahan teknologi seperti yang diharap-harapkan.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Kerja pembinaan projek Lebuhraya Tol Senawang—Ayer Keroh sekarang ini dianggarkan mencapai kemajuan dalam lingkungan 26%. Sebanyak 11 buah syarikat kontraktor tempatan telah ditawarkan kerja-kerja "sub-contractor" oleh kontraktor utama iaitu Kumagai Gumi Co. Ltd., yang berusaha sama dengan Hashbuddin Sdn Bhd. Dari jumlah itu hanya sebuah syarikat sahaja terdiri dari syarikat bumiputera.

Adalah tidak tepat bahawa kontraktor utama Kumagai Gumi telah melantik sebuah syarikat dari Jepun yang dikenali sebagai Yamazaki untuk menjalankan kerja "sub-contractor". Apa yang berlaku ialah rakan usaha sama Kumagai Gumi, iaitu Hashbuddin Sdn Bhd telah menubuhkan sebuah Syarikat usaha sama dengan Yamazaki dari Jepun dan dikenali sebagai syarikat Yamazaki—Hashbuddin, untuk menjalankan kerja "sub-contract" bagi "earthwork". Mengenai peranan Hashbuddin Sdn Bhd dalam projek Senawang/Ayer Keroh ini, setakat yang diketahui, syarikat itu adalah aktif dalam melaksanakan projek berkenaan dengan rakan usaha samanya iaitu Kumagai Gumi.

PENJENAYAH DITAHAN DI BAWAH ISA

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir kes lepas lari dua penjenayah yang ditahan di bawah ISA dari lokap di Balai Polis Rawang pada 24hb Mei, 1985. Bagaimanakah kedua-dua orang ini telah memperolehi sebatang besi. Apakah tindakan yang telah diambil

serta hasil siasatan yang dijalankan ke atas anggota polis yang terlibat. Apakah pula pihak Kerajaan telah buat untuk mempertingkatkan taraf kawalan di semua lokap dan penjara. Apakah tindakan yang lain telah dilaksanakan bagi menangkap semula kedua-dua orang tahanan itu selain daripada mengadakan sekatan jalan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua orang penjenayah yang ditahan di lokap Balai Polis Rawang dan telah melarikan diri pada 24hb Mei, 1985 yang lalu ialah dengan cara menebuk dinding lokap tersebut. Mereka dipercayai menggunakan besi cangkuk yang digunakan untuk menyangkut makanan yang dibekalkan kepada mereka.

Jabatan Polis telah mengambil tindakan ke atas anggota yang terlibat menyebabkan tahanan tersebut lari. Pihak Kementerian pula sedang menjalankan pemeriksaan menyeluruh ke atas keselamatan dan keteguhan semula lokap di seluruh negara di samping berusaha mengetatkan kawalan bagi menjamin kejadian tersebut tidak berulang lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain dari mengadakan sekatan jalanraya, pihak polis telah mengedarkan butir-butir dan gambar-gambar tahanan yang melarikan diri itu kepada semua peringkat Jabatan Polis di seluruh negara, termasuklah juga memperketatkan kawalan di pintu-pintu keluar dari negara ini. Hasil dari kegigihan pihak polis dan kerjasama orang ramai, seorang daripadanya telah pun berjaya ditangkap semula pada 13hb Jun, 1985.

KILANG ELEKTRONIK DITUTUP

17. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar sejak kebelakangan ini

banyak kilang-kilang elektronik didapati telah dan akan ditutup, keadaan ini akan membawa gejala buruk seperti peningkatan kadar pengangguran, memandangkan ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah yang kritikal ini.

17-7-85.

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan betapa seriusnya masalah pemberhentian kerja di dalam negara ini akibat daripada penutupan industri-industri atau syarikat-syarikat yang terjejas dengan kemelesetan ekonomi dan beri butir-butir terakhir mengenai bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja dan jenis industri atau syarikat yang terlibat. Apakah rancangan-rancangan jangka pendek dan panjang yang telah dibuat oleh Kementerian beliau untuk menghadapi masalah ini.

22. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Buruh menyatakan jumlah bilangan pekerja kilang elektronik dan tekstail di negara ini yang telah ditamatkan pekerjaan dalam tempoh satu tahun kebelakangan ini. Bandar-bandar dan kawasan-kawasan manakah yang terlibat dengan serius sekali, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melatih semula atau menempatkan semula pekerja-pekerja yang menganggur ini dalam pekerjaan-pekerjaan baru.

19-7-85.

34. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja yang dibuang kerja setiap tahun sejak 1982 dengan memberikan pecahan-pecahan mengikut sektor mengenai pembuangan kerja dari setiap industri dan apakah tindakan yang diambil untuk memberikan pekerja-pekerja yang dibuang kerja itu pekerjaan alternatif.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat bersama-sama dengan soalan-soalan yang berikut:

- (i) soalan Yang Berhormat dari Tanjong yang dijadualkan untuk 17-7-1985;
- (ii) soalan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang dijadualkan untuk 17-7-1985; dan
- (iii) soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dijadualkan pada 19-7-1985.

Ini adalah kerana bahawa kesemua soalan mempunyai maksud yang hampir-hampir serupa.

Sebagaimana kita sedia maklum ekonomi dunia telah merosot sejak beberapa tahun ini. Keadaan ini juga telah sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi negara dan telah mengakibatkan beberapa masalah di industri-industri dan sektor-sektor pembuatan negara kita termasuk industri letronik dan tekstil. Memandangkan kepada keadaan ini

beberapa kilang letronik dan tekstil dalam negara kita telah terlibat dalam pemberhentian pekerja-pekerja. Jumlah bilangan pekerja kilang letronik dan tekstil di negara yang diberhentikan dalam tempoh 1 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

<i>Tempoh</i>	<i>Letronik</i>	<i>Tekstil</i>
Mei 1984-Mei 1985	1,027	1,128
Jumlah besar: 2,155.		

Bandar-bandar atau kawasan-kawasan yang serius terjejas oleh pemberhentian ini ialah:

Prai	311 pekerja
Bayan Lepas	681 pekerja
Taiping	712 pekerja
Kuantan	213 pekerja
Butterworth	107 pekerja
Pekan	69 pekerja
Kluang	62 pekerja

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja mengikut sektor pada keseluruhannya sejak tahun 1982 adalah seperti berikut:

	<i>1982</i>	<i>1983</i>	<i>1984</i>	<i>1985 (hingga Mei, 1985)</i>
1. Pertanian, Perhutanan Pemburuan dan Penangkapan Ikan	575	247	159	61
2. Perlombongan	4,480	1,940	1,275	—
3. Perkilangan	2,450	5,244	3,761	2,190
4. Elektrik, Gas dan Air	—	—	—	—
5. Pembinaan	—	109	44	—
6. Perniagaan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel	116	321	61	1
7. Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	103	9	8	—
8. Kewangan, Insuran, Perkhidmatan Harta dan Perniagaan	584	13	—	—
9. Perkhidmatan Masyarakat, Sosial dan Perseorangan	—	244	26	24
10. Lain-lain	—	—	—	—
Jumlah ..	8,308	8,127	5,334	2,285

Untuk menentukan bahawa kesusahan dan kegelitaan pekerja-pekerja dikurangkan, Kementerian saya akan mengawasi kedudukan pemberhentian kerja dan menentukan bahawa majikan-majikan mematuhi peruntukan Akta Pekerja 1955 dan membuat Faedah Henti Kerja dan lain-lain faedah yang layak diterima oleh pekerja mereka. Tambahan pula Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya akan terus mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan mereka yang diberhentikan kerja supaya mendaftarkan diri dengan Pejabat-pejabat Pekerjaan. Melalui ini mereka akan diberi peluang yang bersesuaian dengan pengalaman dan kelayakan masing-masing. Saya ingin juga menyeru kepada para pekerja yang terlibat supaya memupuk sikap yang pragmatis dan tidak mementingkan pemilihan kerja mengikut kesukaan mereka.

Selain daripada itu, Kementerian juga melaksanakan berbagai-bagai kempen untuk mewujudkan suasana yang sesuai bagi perkembangan industri ekonomi seterusnya. Antaranya adalah untuk menanam sikap persaingan dalam sektor pengeluaran supaya dapat meningkatkan eksport dan memperluaskan industri untuk membendung kesan buruk akibat kemelesetan ekonomi. Pihak pekerja juga perlu menyesuaikan sikap mereka sejajar dengan kehendak ekonomi semasa. Dengan kerjasama semua pihak, saya penuh yakin bahawa kita akan dapat mengurangkan kesusahan para pekerja dan majikan akibat pemberhentian kerja ini.

PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA PERSEKUTUAN

18. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan ekonomi yang meleset adakah benar Kerajaan-kerajaan Negeri tertentu tidak mampu membayar balik pinjaman-pinjaman Persekutuan;
- (b) jika ya, apakah jumlah hutang lapuk yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, dan sebutkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan; dan
- (c) apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dari segi pengurusan kewangan.

Dato Dr Tan Tiong Hong:

- (a) Adalah benar bahawa beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri menghadapi kesulitan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, kesulitan ini bukanlah secara khusus disebabkan oleh keadaan ekonomi yang meleset. Masalah pembayaran balik pinjaman adalah berkaitan secara langsung dengan kejayaan atau tidaknya pelaksanaan projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman. Antara faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan masalah ini ialah:
 - (i) Projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri itu mungkin telah gagal dan oleh sebab itu tidak mampu membayar balik pinjaman;
 - (ii) Projek yang dijalankan mungkin tidak gagal tetapi mengalami aliran

tunai yang lembab. Dalam keadaan yang sedemikian peminjam hanya akan mampu membayar balik pinjaman jika tempoh pertanggung-tanggung/ tempoh bayaran balik dilanjutkan; dan

- (iii) Projek yang dilaksanakan itu mungkin pada asasnya tidak dapat mengeluarkan hasil memuaskan bagi tujuan membayar balik pinjaman, khususnya projek-projek sosio-ekonomi.
- (b) Jumlah tunggakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atas pinjaman Kerajaan Persekutuan seperti pada 31hb Disember, 1984 ialah sebanyak \$683.4 juta. Pecahan bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah (\$) juta</i>
Johor	128.3
Kedah	61.6
Kelantan	46.7
Melaka	14.0
Negeri Sembilan	111.7
Pahang	44.1
Pulau Pinang	60.9
Perak	58.6
Perlis	38.8
Sabah	8.8
Sarawak	33.3
Selangor	—
Terengganu	76.6
JUMLAH	683.4

- (c) untuk memperbaiki/memperkemaskan pengurusan kewangan di peringkat negeri, bantuan-bantuan berikut

dianjurkan/diberikan oleh Kerajaan Persekutuan:

- (i) jawatan-jawatan tertentu yang penting di peringkat negeri hendaklah diisi dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman yang luas. Umpamanya, jawatan Bendahari Negeri adalah digalakkan diisi oleh Akauntan bertauliah daripada Pasukan Akauntan, Jabatan Akauntan Negara;
- (ii) format yang seragam telah diperkenalkan kepada semua Kerajaan Negeri bagi tujuan penyediaan penyata-penyata kewangan tahunan;
- (iii) menganjurkan seminar/kursus dalam bidang pengurusan kewangan khusus untuk pegawai-pegawai yang terlibat dengan secara langsung dalam pengurusan kewangan di peringkat negeri; dan
- (iv) Kerajaan Persekutuan bersedia menghantar "Pasukan Kajian" ke mana-mana negeri yang berminat khusus untuk mengkaji dan membuat perakuan bagi tujuan memperbaiki sistem atau pengurusan kewangan di peringkat negeri.

Kerajaan Persekutuan memberi perhatian yang berat atas isu hutang ini. Dalam hubungan ini, saya telah membuat lawatan ke semua negeri pada awal tahun ini dan telah menggesa mereka membayar balik hutang masing-masing.

Memandangkan bahawa jumlah tunggakan kian meningkat dari tahun

ke setahun, Kerajaan telah menggubal garis panduan yang baru mengenai pembiayaan, yang akan dikuatkuasa mulai tahun 1986. Di bawah garis panduan yang baru ini, bentuk pembiayaan projek akan disesuaikan dengan kategori/objektif projek yang berkenaan. Umpamanya, projek yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan tidak mendatangkan pulangan kewangan yang khusus pada asasnya akan dibiayai melalui pemberian secara langsung.

SKANDAL PINJAMAN BMF— LAPORAN JAWATANKUASA

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah iktisar/laporan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Nordin ke dalam BMF yang telah menyiapkan dan diterima; mengapa semuanya tidak diumumkan kepada orang ramai; dan bilakah laporan terakhir Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Nordin ke dalam BMF akan siap dan dilaksanakan.

22-7-85.

39. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengumumkan kepada orang ramai kesemua lima laporan yang dikemukakan kepadanya oleh Jawatankuasa Penyiasatan yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, ke dalam skandal pinjaman \$2.5 billion Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong; jika tidak, mengapa.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang dijadualkan dijawab dalam Dewan ini pada 22hb Julai, 1985. Ini memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah sama.

Sehingga hari ini, selain daripada "Interim Report" Jawatankuasa

Penyiasatan yang diketahui oleh Y.B. Tan Sri Ahmad Nordin telah mengemukakan kepada Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) beberapa "brief" hasil penyiasatan mereka ke atas skandal pinjaman BMF (Hong Kong). Antaranya ialah "brief" berhubung dengan dua kes pinjaman tertentu yang diberikan oleh BMF (Hong Kong) kepada peminjam-peminjam dalam tahun 1983, "brief" berhubung dengan kes-kes "prima facie" bahawa terdapat amalan rasuah dan pecah amanah di kalangan pegawai-pegawai BMF (Hong Kong) dan "Special Brief" yang melaporkan secara "detail" pinjaman-pinjaman BMF (Hong Kong) kepada Syarikat Kumpulan Carrian antara tahun 1979 hingga 1981. Sebagaimana yang dijanjikan, Kerajaan telah pun mengumumkan "Interim Report" dan "brief" tersebut di atas kecuali "brief" berhubung dengan dua (2) kes pinjaman tertentu dan "Special Brief". Ini memandangkan "brief" berhubung dengan dua (2) kes pinjaman dalam tahun 1983 itu mengandungi unsur-unsur tohmah terhadap pegawai dan kakitangan BMF (Hong Kong) yang perlu disiasat dengan lebih lanjut oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan apa-apa implikasi undang-undang terhadap Kerajaan. Sementara "Special Brief" pula merupakan laporan secara "detail" mengenai pinjaman-pinjaman yang dilapor dan diumumkan dalam "Interim Report". Tan Sri Ahmad Nordin telah meminta supaya Kerajaan tidak mengumumkan "brief" tersebut kepada orang ramai memandangkan ianya merupakan satu "brief" dan bukan laporan. Berdasarkan nasihat dan permintaan tersebut, Kerajaan mengambil keputusan tidak mengumumkan "Special Brief" tersebut kepada orang ramai.

Jawatankuasa Penyiasatan Tan Sri Ahmad Noordin telah melaporkan

kepada saya bahawa mereka sedang dalam proses menyediakan dan menyiapkan laporan akhir hasil penyiasatannya untuk dikemukakan kepada BBMB. Y.B. Tan Sri Ahmad Noordin telah berjanji akan mengemukakan laporan akhir (atau laporan penuhnya) pada bulan April lagi. Tetapi oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Jawatankuasa itu tidak dapat menyiapkan pada tarikh tersebut. Sebagaimana yang pernah dijanjikan, Kerajaan tetap akan mengumumkan laporan akhir Jawatankuasa itu kepada orang ramai kecuali jika bahagian-bahagian tertentu laporan tersebut melibatkan satu-satu perkara berkaitan dengan "banking secrecy".

PENANAM TEMBAKAU— BANTUAN

20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan cara, dan bentuk bagaimanakah wang bantuan sebanyak \$600,000.00 kepada penanam-penanam Tembakau yang terlibat dengan banjir kilat di Kelantan baru-baru ini dilaksanakan. Berapa ramaiakah petani yang terlibat mendapat faedah daripada bantuan itu. Nyatakan apakah rancangan atau cadangan baru Kerajaan untuk petani-petani Tembakau itu supaya pendapatan hasilnya lebih terjamin dan memuaskan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Sebenarnya, bantuan kewangan sebanyak \$600,000 yang diberikan kepada penanam tembakau yang terlibat dengan banjir kilat baru-baru ini adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah yang diberi oleh Bank Pertanian Malaysia. Pinjaman tersebut diberi kepada penanam-penanam tembakau yang terlibat yang ingin menanam semula dan khas untuk menampung perbelanjaan tenggala tanah. Input pertanian yang lain

seperti baja, racun dan benih disediakan oleh Lembaga Tembakau Negara dalam bentuk kredit.

Oleh sebab jangkamasa adalah pendek, penanam-penanam diminta membuat permohonan melalui pengawet-pengawet di mana mereka telah berdaftar. Oleh itu, yang menjadi peminjam sebenar bukanlah penanam tembakau, tetapi pengawet sendiri.

Bagi menentukan penanam-penanam yang memohon adalah benar-benar terlibat, permohonan adalah dikemukakan melalui cawangan Lembaga Tembakau Negara yang mengesahkan kesahihannya.

Dari jumlah peruntukan pinjaman itu, sebanyak \$510,750 telah dikeluarkan dan diagihkan kepada penanam yang berkenaan melalui 73 buah syarikat pengawet. Pinjaman ini telah memberi faedah kepada 4,404 keluarga penanam tembakau di Kelantan dan Terengganu yang melibatkan keluasan 1,480 hektar. Bayaran balik kepada Bank Pertanian akan dibuat melalui pemotongan jualan daun kering daripada pengawet oleh Lembaga Tembakau Negara dan pengawet mengutip balik dengan memotong jualan daun hijau penanam-penanam yang berkenaan.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya dalam memperbaiki hasil pendapatan penanam tembakau di negara ini. Bagi mengatasi masalah banjir, Lembaga Tembakau Negara dengan bantuan beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang merancang dan memperbaiki sistem perparitan yang ada di kawasan tanaman tembakau. Peruntukan sebanyak \$2.19 juta bagi pembinaan parit-parit di Kelantan telah diluluskan oleh Kerajaan dan sekarang dalam peringkat

perancangan untuk pelaksanaan. Kerjasama dari penanam-penanam adalah sangat perlu bagi membolehkan parit-parit itu dikorek serta penjagaannya.

Kepentingan sistem perparitan dalam kawasan tanaman tembakau juga akan diambilkira dalam perancangan dan pelaksanaan projek Pembangunan Pertanian Bersepadu seperti Projek Semerak-Kemasin di Kelantan.

TUNJUK PERASAAN NELAYAN KEDAH

21. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pertanian menyatakan apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di Kuala Kedah sehingga mereka sanggup mengadakan tunjuk perasaan di sana baru-baru ini; adakah beliau berjaya menyelesaikan masalah mereka.

Tuan Luhut Wan: Sebenarnya tiada masalah-masalah utama yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di Kuala Kedah. Adalah dipercayai bahawa tunjuk perasaan yang diadakan di Kuala Kedah itu telah dihasut oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang menggunakan kaum nelayan sebagai alat untuk mencapai kepentingan diri sendiri.

Kumpulan-kumpulan ini dengan memeralatkan kaum nelayan telah menuntut supaya beberapa dasar pelesenan perikanan diubah seperti pembatalan ke atas zon-zon menangkap ikan, membenarkan bot-bot Pukat Tunda memukat di waktu malam dan sebagainya yang mana akan menguntungkan sebilangan kecil nelayan sahaja.

Berikutan dengan tunjuk perasaan itu Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengadakan dialog dengan wakil-wakil nelayan dan

menemui nelayan-nelayan selepas dialog. Dalam perjumpaan ini penjelasan telah diberi ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA

22. Tuan Baharum bin Haji Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai perkembangan usaha-usaha diplomatik yang dilakukan oleh ASEAN khususnya Malaysia dalam soal pendudukan Vietnam di Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Sepertimana yang kita sedia maklum, ASEAN telah menjalankan berbagai usaha-usaha diplomatik ke arah mencari penyelesaian politik ke atas soal Kampuchea semenjak pendudukan Vietnam di Kampuchea pada bulan Januari 1979. Di antara lain, usaha-usaha tersebut termasuklah Persidangan Antarabangsa mengenai soal Kampuchea yang telah diadakan di New York pada bulan Julai, 1981, dan pembentangan Resolusi-resolusi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai keadaan di Kampuchea pada tiap-tiap Perhimpunan Agung Pertubuhan tersebut. Sambil itu, ASEAN telah mengeluarkan beberapa kenyataan umum mendesak Vietnam supaya mencari penyelesaian politik yang menyeluruh ke atas masalah Kampuchea. Tetapi malangnya, pihak Vietnam masih berdegil dan menolak kesemua usaha-usaha tersebut.

Dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN, ASEAN telah pun mengemukakan cadangan Rundingan Berperantara (Proximity Talks) kepada pihak Vietnam sebagai satu lagi usaha diplomatik untuk memecahkan kebuntuan masalah soal Kampuchea itu.

Dalam cadangan tersebut, ASEAN telah menyerahkan supaya rundingan-rundingan diadakan di antara pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan pihak Vietnam di mana wakil Heng Samrin boleh turut serta dalam delegasi Vietnam. Untuk mengelakkan soal pengiktirafan oleh mana-mana pihak, rundingan tersebut akan dikendalikan oleh orang "tengah" yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Cadangan "Rundingan Berperantara" ini, telah pun dikemukakan kepada pihak Vietnam pada 8hb Julai yang lalu oleh Duta Besar kita di Hanoi. Setakat ini, pihak kami belum menerima apa-apa jawapan rasmi dari pihak Vietnam mengenai cadangan tersebut. Kita berharap pihak Vietnam akan menyambut baik cadangan tersebut.

KRAFTANGAN MALAYSIA

23. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada munasabah atau tidak meminta seorang pakar Finland untuk meningkatkan seni kerjatangan Malaysia (Karyaneka) dan menjadikannya lebih menarik bagi pasaran asing dalam mana pada akhirnya hasil-hasil kerjatangan tersebut mungkin bukan karyaneka Malaysia yang tulin tetapi karyaneka orang-orang Finland.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Di dalam usaha Kerajaan untuk menembusi ruang pasaran di dalam bidang kraftangan di dunia Eropah, salah satu langkah yang telah diambil ialah mendapatkan khidmat kepakaran dari negara Finland di dalam bidang rekabentuk kraftangan.

Pemasaran barang-barang ke negara asing, mestilah bersesuaian dengan selera pasaran negara tersebut.

Soalan Yang Berhormat bersabit dengan ketulinan barang-barang kraftangan Malaysia berikutan dengan pengambilan pakar dari Finland adalah tidak timbul kerana penghasilan barangan kraftangan perlulah mengikut sasaran pasaran.

MINYAK BENZIN—HARGA PASARAN

24. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar lima buah industri-industri minyak petroleum dalam negara kita telah mengemukakan kepada Kerajaan untuk menyelaraskan harga pasaran minyak benzin serta apa sebabnya; sama ada benar Kerajaan bersetuju dengan cadangan mereka dan jika ya, apa sebabnya dan jika tidak, mengapa.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Harga runcit barang-barang petroleum di negara ini dikaji oleh Kerajaan tiap-tiap bulan sejak bulan April 1983 dan tiga bulan sekali mulai Julai 1985, berdasarkan formula Mekanisma Harga Barang-barang petroleum. Formula ini mengambil kira faktor kos barang-barang petroleum bertapis, kos operasi syarikat dan cukai. Oleh yang demikian, soal syarikat-syarikat minyak mengemukakan memorandum kepada Kerajaan untuk menyelesaikan harga barang-barang petroleum tidak timbul. Perubahan harga runcit barang-barang petroleum yang dilaksanakan mulai 1hb Jun, 1985 adalah berdasarkan kajian di bawah formula ini.

POLIS—ORANG-ORANG YANG DITANGKAP

25. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang-orang yang ditangkap oleh pihak polis dan di"remand" tetapi kemudiannya

dilepaskan tanpa sebarang tuduhan dibuat terhadap mereka bagi tahun 1982, 1983, 1984 dan bagi tempoh Januari hingga Mei, 1985.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan orang-orang yang ditangkap oleh polis dan di"remand" tetapi kemudiannya dilepaskan tanpa tuduhan adalah seperti berikut:

1982	6,578
1983	6,732
1984	6,589
Jan.-Mei	
1985	3,597

HOSPITAL TAWAU— MEMBAIKI WAD BERSALIN

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau telah menerima sepucuk surat bertarikh 25hb Mei, 1985 daripada Encik Wong Fui Khiong dari Tawau yang mengadu bahawa isterinya telah melahirkan anaknya di koridor hospital Tawau pada 11hb Mei, 1985 kira-kira pukul 5.00 pagi dan tidak seorang pun melayaninya ketika melahirkan anaknya itu; sama ada Kementeriannya telah menjalankan satu siasatan ke dalam perkara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan peristiwa seumpamanya itu tidak akan berlaku lagi dan juga apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki wad-wad bersalin di hospital-hospital di Sabah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Patmanaban): Kementerian saya telah menerima surat aduan bertarikh 25-5-85 daripada Encik Wong Fui Khiong dari Tawau itu. Saya masih menunggu laporan yang penuh mengeni kes ini. Tetapi saya dapat memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil

langkah-langkah yang perlu seboleh-bolehnya untuk memastikan kejadian seumpama ini tidak berlaku di masa akan datang.

Mengenai wad-wad bersalin di negeri Sabah, saya ingin memberi tahu Yang Berhormat bahawa wad-wad tersebut adalah dalam keadaan yang memuaskan dan akan diperbaiki dari segi kemudahan dan kakitangan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

PELAJAR-PELAJAR SARAWAK/ SABAH KE UNIVERSITI MALAYA

27. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah kuota untuk menerima pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah ke dalam Fakulti Undang-undang dan Perubatan masing-masing di Universiti Malaya;
- (b) berapa ramai penduduk Sarawak dan Sabah sebenarnya telah lulus sebagai peguam dan doktor masing-masing dari Universiti Malaya sejak penubuhan Fakulti Undang-undang dan Perubatan dan nisbah orang yang berkelayakan ini berbanding dengan jumlah pelajar-pelajar yang dari Sarawak dan Sabah yang memasuki Fakulti Undang-undang dan Perubatan masing-masing;
- (c) sila beri perpecahan mengikut kaum pelajar-pelajar yang dibenarkan masuk ke dalam tahun pertama Fakulti Undang-undang dan Perubatan masing-masing untuk tahun akademik yang lalu; dan
- (d) apakah rancangan Kerajaan mempunyai untuk meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah

ke dalam Fakulti Undang-undang dan Perubatan, Universiti Malaya, supaya dapat membatalkan ketidakseimbangan Wilayah antara Sarawak/Sabah dan Semenanjung Malaysia dalam ertikata latihan professional.

Dato Dr Ling Liong Sik:

(a) Kementerian Pelajaran tidak mengamalkan dasar memberi kuota untuk pengambilan pelajar mengikut negeri atau wilayah dalam mana-mana Fakulti.

(b) Seramai 68 orang (100%) pelajar Sabah/Sarawak yang diterima masuk ke Universiti telah lulus Ijazah Undang-undang. Manakala seramai 132 orang (89.8%) telah lulus ijazah Perubatan daripada Universiti Malaya sejak penubuhan kedua-dua Fakulti tersebut.

(c) Pelajar-pelajar Malaysia yang diterima masuk ke tahun pertama Fakulti Undang-undang dan Perubatan Universiti Malaya bagi tahun 1984/85 adalah seperti berikut:

Fakulti Undang-undang

	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Malaya	66	40	106

Fakulti Perubatan

	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Malaya	72	79	151
Universiti Kebangsaan Malaysia	155	37	192
Universiti Sains Malaysia ..	64	16	80

Kemasukan Pelajar Sabah dan Sarawak ke Fakulti Perubatan dan Undang-undang

Fakulti Perubatan

	<i>Sarawak</i>	<i>Sabah</i>	<i>Jumlah</i>
U.M.	5	3	8
U.K.M.	4	9	13
U.S.M.	1	—	1

Fakulti Undang-undang

	<i>Sarawak</i>	<i>Sabah</i>	<i>Jumlah</i>
U.M.	13	4	7

(d) Pihak Kementerian Pelajaran sentiasa mengawasi agar tidak berlaku ketidakseimbangan latihan professional bagi

pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak berbanding dengan pelajar-pelajar di Semenanjung Malaysia iaitu dengan cara membuka lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dari Sabah dan Sarawak.

**MAKTAB PERGURUAN BAHASA—
LATIHAN GURU-GURU**

28. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kajian yang telah dibuat oleh Kementeriannya untuk mengembalikan Maktab Perguruan Bahasa kepada tujuannya yang asal pada mula ditubuhkan Maktab tersebut iaitu untuk menjadi tempat

melatih guru-guru bahasa dan tempat penyelidikan bahasa terutamanya Bahasa Kebangsaan akan dijadikan juga untuk tempat melatih guru-guru bahasa moden yang lain seperti bahasa Jepun, Arab, Perancis, Jerman dan lain-lain.

Dato Dr Ling Liong Sik: Seperti tahun-tahun yang lepas, Maktab Perguruan Bahasa terus melatih guru-guru Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Maktab ini juga mengadakan Kursus Perguruan Khas Bahasa Malaysia selama satu tahun untuk guru-guru terlatih yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun untuk meningkatkan lagi taraf kecekapan dan kemahiran mereka di dalam bidang tersebut.

Maktab Perguruan Bahasa tidak ada melatih guru-guru Bahasa moden seperti bahasa Jepun, Arab, Perancis, Jerman dan lain-lain.

KEWANGAN BANK-BANK DI MALAYSIA

29. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan tentang kedudukan kewangan bank-bank di Malaysia, kenapakah wujud khabar-khabar angin yang mendakwa bahawa kebanyakan bank-bank di Malaysia sedang mengalami masalah kewangan yang teruk. Memandangkan khabar-khabar angin ini mendatangkan kesan yang negatif kepada ekonomi negara, apakah langkah yang akan diambil untuk mengelakkan berlakunya perkara ini lagi.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah memberi jaminan kepada orang ramai berapa minggu lalu, bahawa sistem bank dalam negara ini adalah kukuh dan teguh. Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan bank-bank dalam negeri

dan menentukan supaya mereka mengikuti peraturan-peraturan yang telah disediakan oleh Bank Negara. Orang ramai tidak harus mendengar khabar-khabar angin yang disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa tidak ada sebab mengapa orang ramai harus khuatir kerana sistem kewangan kita pada asasnya adalah kukuh dan teguh. Beberapa langkah telah diambil oleh Bank Negara untuk memperkukuhkan lagi kedudukan bank-bank di negara ini seperti menambah modal bank, menghadkan pinjaman kepada seseorang peminjam dan meningkatkan pengiktisasan dalam industri bank. Bank Negara seterusnya akan sentiasa mengawal dengan rapi keadaan bank dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas dalam mengendalikan mana-mana keadaan yang membawa kepada ketidakstabilan termasuk pecah amanah atau jenayah, sekiranya perkara yang sedemikian timbul.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang menyebarkan khabar-khabar angin.

BANK NEGARA/LAIN-LAIN BANK—KESTABILAN

30. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan sebenar mengenai kestabilan dan keutuhan Bank Negara dan lain-lain bank di negara kita pada ketika ini.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada keraguan terhadap kestabilan dan kukuh Bank Negara sebagai bank pusat negara ini.

Mengenai bank-bank perdagangan, sistem bank di Malaysia adalah stabil dan kuat. Nisbah kecukupan modal bank-bank dalam sistem bank di Malaysia telah meningkat kepada purata sebanyak 7.5 peratus pada bulan April 1985 berbanding dengan 5.4 peratus sahaja pada akhir tahun 1981.

KEJADIAN PEMBUNUHAN DI SIBU

31. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai empat kejadian pembunuhan di Sibu yang telah dikemukakannya kepada Menteri berkenaan pada 9hb April, 1985 apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkenaan, dan apakah yang telah dicapai oleh pihak polis dengan memberitahu hasil pemeriksaan kes-kes tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sedang membuat siasatan yang rapi mengenai empat kes pembunuhan di Sibu sepertimana yang telah diadakan oleh Ahli Yang Berhormat kepada Kementerian Dalam Negeri tempoh hari.

Bagi kepentingan siasatan maka setakat ini saya tidak dapat memaklumkan di Dewan yang mulia ini hasil penyiasatan ke atas keempat-empat kes tersebut.

Saya memberi jaminan bahawa keadaan keselamatan di kawasan tersebut adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

PAKAR PERUBATAN— KEKURANGAN

32. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah atau sedang diambil untuk mengatasi kekurangan pakar-pakar

perubatan dalam berbagai disiplin dalam negara kita dan sehubungan ini, sila juga menyatakan bilangan dan jenis pakar-pakar perubatan luar negeri yang sedang berkhidmat di negara kita.

Dato K. Pathmanaban: Tindakan Kerajaan untuk memenuhi keperluan kita untuk pakar-pakar perubatan telah dinyatakan di Dewan ini beberapa kali dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pakar-pakar perubatan luar negeri yang sedang berkhidmat di negara ini ialah 48 orang. Mereka ini kebanyakannya ditempatkan di dalam disiplin-disiplin Pembedahan Umum, Perbidanan dan Sakitpuan, Bius, Mata, Otopidik dan X-Ray Diagnostik.

TABUNG PERWIRA/ PERTAHANAN NEGARA

33. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertahanan menyatakan benarkah pihak Kerajaan akan mengkaji semula berkenaan dengan Peraturan Tabung Perwira dan Pertahanan Negara untuk membolehkan orang awam mendapat saguhati jika mereka mendapat kemalangan di kawasan-kawasan keselamatan; dan sehingga akhir Jun 1985 ini berapakah jumlah wang yang terkumpul di dalam Tabung itu dan berapakah jumlah wang telah dikeluarkan untuk saguhati mereka yang berhak menerimanya.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pada masa ini, di bawah peruntukan dan peraturan Tabung Pertahanan Negara yang dibubarkan dan menurut Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran Dan Pemindahan) 1984 (Akta 305) orang awam (Civilian) termasuk pegawai-pegawai awam Kerajaan yang tercedera atau meninggal dunia akibat kemalangan

yang berpunca daripada anggota-anggota Pasukan Keselamatan ataupun ketika membantu pasukan keselamatan/Kerajaan di dalam gerakan-gerakan menentang musuh atau menentang penganas komunis memang berkelayakan mendapat saguhati daripada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara.

Oleh itu soal sama ada pihak Kerajaan akan mengkaji semula peraturan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara untuk membolehkan orang awam mendapat saguhati dari tabung tersebut tidak timbul. Jumlah wang yang terkumpul di dalam Tabung sehingga Jun, 1985 ini ialah \$19,053,000/—. Manakala wang yang telah dikeluarkan untuk saguhati mereka yang berhak menerimanya semenjak tahun 1985 ialah sejumlah \$8,314,971.65.

PERHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA KETIGA

34. Tuan Baharum bin Haji Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang sejauh manakah perhubungan Malaysia dengan negara-negara Dunia Ketiga yang lain khususnya dalam hubungan Selatan-selatan dan Antartika.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-hajj: Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara Dunia Ketiga. Malaysia telah bekerjasama dengan lain-lain negara Dunia Ketiga di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pergerakan Berkecuali Kommanwel serta di lain-lain agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa seperti UNCTAD, GATT, UNIDO, FAO, WHO dan lain-lainnya mengenai isu-isu politik, ekonomi dan perdagangan yang sangat mustahak kepada negara-negara Dunia Ketiga.

Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam kegiatan-kegiatan Kumpulan 77 mengenai Kerjasama di antara negara-negara Membangun atau pun Kerjasama Selatan-selatan di mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan Untuk Tindakan Susulan dan Penyelarasan Kumpulan 77 (IFCC) mengenai Kerjasama Ekonomi Di antara Negara-negara Membangun (ECDC). Mesyuarat ini diadakan pada setiap tahun bertempat di pelbagai negara Dunia Ketiga untuk mengkaji semula kemajuan yang telah dibuat dalam melaksanakan program-program ECDC mengenai Tindakan ke atas Program Caracas (Caracas Programme of Action) dan bersetuju ke atas ukuran dan corak sebagai memberikan daya penggerak untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di dalam program ECDC.

Malaysia juga telah bergerak secara cergas bekerjasama dengan lain-lain negara Dunia Ketiga di mesyuarat tahunan IFCC Kumpulan 77 membincangkan kemungkinan mengadakan kerjasama di bidang perdagangan, teknologi, makanan dan pertanian, tenaga bahan-bahan mentah, kewangan, perindustrian dan kerjasama teknik dengan harapan ia dapat membantu penubuhan Order Baharu Ekonomi Antarabangsa (New International Economic Order) yang mana akan membawa manfaat yang besar kepada negara-negara sedang membangun.

Sokongan Malaysia kepada negara-negara Dunia Ketiga boleh dilihat dari Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM), PKTM dilancarkan adalah untuk mengadakan kerjasama dengan negara-negara ahli ASEAN, negara-negara Asia Tenggara dan negara-negara ahli OIC yang mana mempunyai hubungan yang rapat dengan Malaysia, begitu juga dengan lain-lain negara sedang membangun.

Di dalam programme yang sedang berjalan ini, Malaysia memberikan bantuan-bantuan dan latihan kepada peserta-peserta di dalam bidang-bidang yang mana Malaysia mempunyai kepakaran dan pengalaman. Bagaimanapun disebabkan masalah kewangan yang terhad, Malaysia hanya mampu memberi bantuan teknikal ini kepada beberapa negara yang dipilih sahaja seperti dari kawasan Pasifik Selatan, Asia Tenggara, Asia Barat, Asia Selatan dan di Afrika.

Tambahan pula oleh kerana keadaan meleset yang dihadapi oleh dunia masa ini dan keengganan negara-negara maju untuk bekerjasama dengan negara-negara sedang membangun dalam menentukan supaya perdagangan dunia terus berkembang, Malaysia percaya adalah penting supaya kerjasama Selatan-selatan perlu diperkukuh dan diperluaskan sebagai satu tindak balas dalam menghadapi tekanan isu-isu ekonomi yang mana negara-negara sedang membangun menerima akibatnya.

Perhubungan Malaysia dengan negara-negara Dunia Ketiga yang lain khususnya Pergerakan Negara-negara Berkecuali dalam isu Antartika pada mulanya adalah sangat memuaskan. Kebanyakan negara dalam Dunia Ketiga telah menyokong usaha Malaysia dalam isu Antartika dan mengakui usaha ini sepatutnya diberi sokongan. Walau bagaimanapun semangat mereka ini semakin berkurangan. Tekanan dari negara-negara yang mejadi ahli Pihak-pihak Perunding Terti Antartika (Antarctica Treaty Consultative Parties), khususnya negara-negara berkuasa, mungkin menyukarkan negara-negara Dunia Ketiga mempertahankan minat dan penglibatan mereka dalam isu Antartika ini. Namun demikian Malaysia akan terus mengadakan rundingan dengan negara-negara

Dunia Ketiga dengan tujuan mendapatkan pandangan dan sokongan mereka untuk usaha Malaysia dalam isu ini.

SKUADRON MIG 23 FLOGGERS DI CAM RANH BAY

35. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada sebarang ancaman kepada keselamatan dan keamanan Malaysia dengan penempatan terakhir skuadron MIG 23 Floggers oleh pihak Soviet Union di Cam Ranh Bay, Vietnam yang mempunyai combat radius merintangi ke seluruh negara-negara ASEAN dan boleh berada di ruang udara Malaysia dalam kira-kira setengah jam dan jika ya, apakah langkah-langkah dapat diambil untuk mempertahankan diri dari ancaman begini.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Penempatan satu skuadron pesawat MIG 23 Floggers di Cam Ranh Bay oleh pihak Soviet Union dilihat secara kasarnya bertujuan untuk mempertingkatkan pertahanan udara di pengkalan laut Tentera Laut Soviet di situ. Kehadiran pesawat MIG 23 di Vietnam itu merupakan elemen baru dalam perseimbangan kekuatan ketenteraan di rantau Asia Tenggara dan sudah tentu ianya secara langsung dianggap sebagai satu ancaman oleh semua negara-negara ASEAN.

Kerajaan kita memang sentiasa mengawasi setiap perkembangan yang berlaku di sekitar rantau ini dan langkah-langkah yang diambil ke arah menghadapi persoalan seperti ini tidak hanya tetumpu kepada aspek ketenteraan sahaja. Bagi menghadapi keadaan yang melibatkan 'super power', tindakan politik dan diplomatik perlu diutamakan. Memperjuangkan konsep ZOPFAN

(Dasar Pengecualian Asia Tenggara), meningkatkan kerjasama dalam konteks ASEAN adalah usaha yang diamalkan. Dari segi ketenteraan, usaha kita adalah sekadar yang mampu oleh negara. Dalam program pembangunan, angkatan tentera kita akan dilengkapkan supaya ianya mempunyai sifat diteren.

PROJEK PERUMAHAN PKEN

36. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah projek perumahan PKEN-PKEN yang dibina secara "turnkey" dan nilainya;
- (b) berapakah projek perumahan PKEN-PKEN yang dibina mengikut kontrak tawaran biasa;
- (c) apakah semua projek perumahan telah habis dijual; jika belum, nyatakan bilangan unit dan harga pasarnya;
- (d) anggaran kerugian dari segi faedah bank dan kos "holding" yang lain;
- (e) apakah keadaan ini berpunca daripada kelemahan-kelemahan pentadbiran tertentu. Jika ya, adakah perkhidmatan-perkhidmatan pengurus professional akan diperolehi; dan
- (f) apakah tindakan yang diambil untuk menghindarkan berulangnya masalah-masalah serupa ini pada masa akan datang.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Adalah menjadi salah satu daripada objektif utama dalam setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan merancang rumah-rumah yang

mencukupi bagi setiap lapisan rakyat. Pembangunan perumahan adalah dipertanggungjawabkan kepada bukan sahaja sektor awam tetapi juga sektor swasta. Di kalangan sektor awam, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) adalah salah satu agensi yang melaksanakan program perumahan mengikut keperluan bagi Kerajaan Negeri masing-masing iaitu bagi menampung selain daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta.

Di dalam merancang pembangunan perumahan, bilangan unit-unit yang dibina adalah berdasarkan kepada keperluan pasaran pada masa tersebut. Berdasarkan kepada perkembangan ekonomi negara terutamanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga, permintaan bagi mendapatkan rumah adalah tinggi di mana penjualan tidak timbul masalah. Rumah-rumah yang dibina dapat dijual seperti 'hot cake'. Namun demikian, oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi menunjukkan bahawa di awal Rancangan Malaysia Keempat, terdapat tanda-tanda bahawa permintaan yang berkesan bagi rumah-rumah telah menurun. Keadaan ini berterusan hingga kini di mana dianggarkan terdapat keadaan lebih penawaran bagi rumah-rumah yang dibina oleh agensi awam dan swasta.

Keadaan kekurangan permintaan rumah-rumah ini adalah menyeluruh dan menjejaskan industri perumahan secara amnya sama ada di sektor Kerajaan ataupun di sektor swasta. Rumah-rumah yang siap pada hari ini adalah kebanyakannya dirancang dan dibina di awal Rancangan Malaysia Keempat bilamana keadaan menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi negara akan terus

berkembang sepertimana perkembangan yang dialami dalam tempoh Rancangan Malaysia sebelumnya.

Bagi mencapai matlamat-matlamat membina bilangan rumah-rumah yang dianggarkan mengikut keperluan pada masa itu, agensi-agensi Kerajaan seperti PKEN telah menggunakan beberapa cara yang antaranya ialah melalui kaedah tawaran secara 'turn key' dan kontrak tawaran biasa. Pembinaan juga telah dilaksanakan secara pasang siap di mana pengeluaran secara 'mass production' dapat dilaksanakan. Berdasarkan kepada pendekatan pelaksanaan tersebut, prestasinya adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan projek perumahan PKEN yang telah dilaksanakan secara 'turn key' ialah 20 projek dengan nilai yang berjumlah \$1,666.3 juta; dan
- (ii) Bilangan projek-projek perumahan yang dibina mengikut kontrak biasa ialah 235 projek.

Tidak semua projek perumahan telah habis dijual. Bilangan unit yang belum dijual ialah sebanyak 13,027 unit dengan anggaran harga pasaran sebanyak \$642,860,163.

Anggaran Kos Holding yang ditanggung oleh PKEN-PKEN ialah sebanyak \$79,401,963.

Kelembapan jualan rumah-rumah yang dibina oleh setengah-setengah PKEN bukanlah disebabkan kelemahan pengurusan, tetapi akibat daripada kelembapan pasaran harta pada keseluruhannya yang berpunca dari:

- (i) Kekurangan 'purchasing power' lanjutan dari kelembapan ekonomi pada amnya;
- (ii) Syarat perjanjian yang diperketatkan baik pinjaman

Kerajaan mahupun pinjaman bank;

- (iii) Kadar faedah yang tinggi;
- (iv) Kadar gaji yang ditetapkan oleh bank bagi tujuan pinjaman;
- (v) Quota jualan kepada Bumiputra.

Memandangkan hal ini PKEN-PKEN tidaklah bercadang untuk menggunakan perkhidmatan syarikat pengurusan professional.

Kesemua masalah yang dihadapi pada masa ini adalah di luar kawalan PKEN-PKEN. Walau bagaimanapun, PKEN-PKEN sedang dan akan mengambil beberapa tindakan dari segi strategi pelaksanaan dan pemasaran bagi menyesuaikan dengan keadaan-keadaan persekitaran yang telah berubah. Antara tindakan-tindakan yang akan diambil ialah:

- (i) Potongan harga;
- (ii) Memudahkan syarat-syarat jualan, misalnya, pemansuhan bayaran 10% pendahuluan semasa menandatangani Perjanjian Jual Beli;
- (iii) Membenarkan bumiputera membeli lebih dari satu unit;
- (iv) Menjalankan kajian yang lebih teliti dari segi pasaran, kos, harga jualan, rekabentuk dan lokality dan kemampuan pembeli sebelum melaksanakan projek-projek baru; dan
- (v) Meningkatkan usaha-usaha kos 'saving' dalam pengurusan, rekabentuk dan bahan-bahan yang digunakan.

PROJEK KAPAL SELAM

37. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan butir-butir lengkap bagi projek kapal selam dan

kereta perisai di Limbungan Kapal Sabah Sdn Bhd. Apakah peranan Kerajaan Persekutuan di dalam perkara ini. Sejak bilakah rancangan ini dibuat. Memandangkan bahawa projek ini akan mempunyai pengaruh yang meluas ke atas dasar berkecuali Malaysia, adakah projek ini akan menjejaskan dasar ini dan bahawasanya Kerajaan Pusat dilaporkan bersedia untuk mencari tempat lain yang sesuai bagi meneruskan projek ini, bukannya ini memberi implikasi bahawa Kerajaan Pusat sememangnya sedar tentang projek ini dan berhasrat untuk mengadakan projek tersebut. Adakah Kerajaan Negeri yang lain yang sedang menjalankan projek-projek serupa dengan rahsianya tanpa pengetahuan Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen. Berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan ke dalam projek ini, iaitu termasuk jumlah 'beratus-ratus ribu ringgit' yang telah digunakan untuk mengkaji kesesuaian melaksanakan projek tersebut.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya telahpun menjawab soalan ini pada 15hb Julai, 1985 bersama-sama soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Bandar Kuching. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

HOSPITAL KOTA MARUDU— PEMBINAAN

38. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini apakah tindakan telah diambil untuk membina sebuah hospital di Kota Marudu terutamanya berikutan dengan janji yang dibuat terdahulu oleh Timbalan Menteri untuk mendapatkan sumber-sumber kewangan baginya.

Dato K. Pathmanaban: Hospital Kota Marudu adalah satu projek yang

telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sekeping tapak telahpun dibeli di dalam tahun 1982 untuk projek ini. Oleh kerana kekurangan peruntukan, projek ini tidak dapat dilaksanakan. Kementerian Kesihatan menyokong projek ini dimasukkan semula ke dalam Rancangan Malaysia Kelima supaya perlaksanaannya bagi pembinaan dapat dimulakan di dalam masa lima tahun itu.

KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

39. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abd. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini Kabinet telah meluluskan kenaikan Gaji Kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan D, iaitu antara \$15.00 hingga \$35.00. Dan baru-baru ini pula Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah menolak tawaran Kerajaan tersebut. Oleh itu, apakah langkah-langkah persediaan Kerajaan bagi mengatasi masalah penolakan dan tuntutan CUEPACS, di mana CUEPACS telah memberi tempoh kepada Kerajaan hingga 31 Disember 1985 untuk menawarkan kenaikan gaji yang lebih menarik.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tawaran kenaikan gaji yang Kerajaan beri kepada kakitangan dalam kumpulan C dan D itu dibuat hanya selepas kajian yang teliti dan mendalam telah dijalankan tentang kedudukan kewangannya tahun ini dan bagi tahun-tahun akan datang. Apa yang ditawarkan itu ialah apa yang Kerajaan mampu, itupun setelah beberapa langkah penjimatan dibuat.

Kerajaan berharap kakitangan Kerajaan patut faham akan masalah yang kita semua hadapi, iaitu keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya. Dalam keadaan sebegini

saya berharaplah kakitangan Kerajaan akan menerima tawaran itu dengan ikhlas serta dengan semangat berkorban. Kerajaan sedar akan masalah-masalah dan kesulitan hidup rakyat jelata termasuk kakitangan Kerajaan terutamanya yang berpendapatan rendah.

Insyallah, apabila keadaan ekonomi negara dan kewangan Kerajaan bertambah kukuh, Kerajaan akan memberi perhatian semula terhadap perkara ini. Kerajaan telah memberi taklimat khas kepada pemimpin-pemimpin pekerja pada 4hb Julai yang lepas, di mana Kerajaan telah mendedahkan secara ikhlas mengenai kedudukan kewangan Kerajaan sebenarnya. Saya percaya pemimpin-pemimpin pekerja berkenaan telah pun faham dan bersimpati dengan Kerajaan dan tidak akan mengambil apa-apa tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan ekonomi negara serta memaksa Kerajaan mengambil langkah-langkah tindakbalas yang perlu.

KENAIKAN GAJI PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN

40. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai satu dasar tetap dan menyeluruh mengenai dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Jika ya, nyatakan jenis, kandungan dan matlamat dasar atau skim tersebut. Adakah Kerajaan bercadang supaya satu pendekatan saintifik diambil mengenai dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di mana kajian untuk kenaikan gaji itu dibuat secara berterusan (on going process) mengikut produktiviti seorang pegawai itu ataupun mengikut produktiviti sebuah jabatan berkenaan dan bukan dibuat setiap lima tahun dan sebagainya. Adakah Kerajaan

bercadang supaya satu Suruhanjaya bebas ditubuh untuk mengkaji semula sistem gaji yang ada sekarang ini supaya dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan sistematik.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Saya ingin menegaskan di sini bahawa dasar Kerajaan ialah ingin berlaku adil bukan sahaja kepada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi kepada seluruh rakyat. Dasar Kerajaan mengenai kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan perlu dilihat dalam konteks ini. Kerajaan mengakui bahawa gaji pegawai-pegawai Kerajaan perlu diselaraskan dari satu masa ke satu masa dan ini telah dibuat di masa-masa yang lepas. Kerajaan telah memberi kenaikan gaji dalam tahun 1979 melalui semakan gaji Jawatankuasa Kabinet I dan kemudian telah memberi pelarasan gaji dalam tahun 1980 melalui pelarasan gaji Jawatankuasa Kabinet II. Baru-baru ini pula Kerajaan telah memberi pelarasan gaji kepada kumpulan C dan D. Satu faktor penting di dalam dasar Kerajaan ini ialah kemampuan kewangan negara. Dasar Kerajaan adalah untuk memberi pelarasan gaji kepada kakitangan sektor awam jika kemampuan kewangan negara membenarkan.

Kerajaan sedar bahawa kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan perlu dikaitkan dengan produktiviti kakitangan-kakitangan di sektor awam tetapi sehingga kini Kerajaan masih lagi mencari satu cara yang saintifik dan tepat yang boleh digunakan untuk mengukur produktiviti dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi menentukan bahawa kecekapan kakitangan sektor awam dan jabatan-jabatan Kerajaan dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa dan dengan langkah-langkah yang telah diambil ini Kerajaan percaya bahawa kecekapan

kakitangan Kerajaan dan jabatan-jabatan Kerajaan telah bertambah baik.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji semula sistem gaji yang ada sekarang ini oleh kerana sistem yang dipakai sekarang adalah memuaskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan tahun 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangankan Perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang berbunyi, iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus

menimbangankan Perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangankan Perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

ULANG TAHUN 25 PARLIMEN MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini sempena dengan ulang tahun 25 Parlimen Malaysia Memandang dengan beratnya hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini dan Menyeru semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. (15hb Julai, 1985)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal. (*Tidak hadir*).

3.38 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan atas kebenaran tuan mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada petang semalam di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya nyatakan bahawa saya menolak

dengan sekeras-kerasnya atas Usul yang tersebut kerana pada pandangan saya usul itu mengandungi unsur-unsur negatif lahir dari perasaan kecewa dan iri hati melihat pencapaian yang cemerlang Kerajaan dalam mengendali dan menguruskan sistem pemerintahan demokrasi di negara ini sudah lebih sesuku abad. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua orang anggota DAP bagi menyokong usul itu bukan sahaja tidak membina tetapi kebanyakannya tidak berasas langsung ibarat memukul tong kosong.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setiap individu rakyat di negara ini tanpa mengira apa anutan politik dan kepercayaan agamanya, mestilah bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniNya memberikan petunjuk kepada kita memilih corak pemerintahan negara ini iaitu sistem demokrasi berparlimen. Dengan pertolonganNya juga serta dengan usaha yang gigih daripada pucuk pimpinan parti Kerajaan dan penyokong-penyokong Kerajaan dahulu Perikatan dan sekarang Barisan Nasional, kita dapat mengamalkan, mengendalikan dan menguruskan sistem pemerintahan demokrasi ala Malaysia sekalipun kita terpaksa mengharungi perjuangan yang penuh dengan ranjau dan halangan tetapi dengan berkat kesabaran dan ketabahan kita, maka kita telah berjaya kepada satu tahap yang boleh dibanggakan jika kita membandingkan dengan negara-negara yang membangun atau negara-negara yang merdeka yang sezaman dengannya. Kecuali daripada pihak DAP.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya tujuan manusia membentuk Kerajaan atau memilih satu sistem pemerintahan ialah untuk mencapai kebahagiaan hidup. Bagi mencapai kebahagiaan hidup ini sekurang-kurangnya manusia memerlukan kepada lima keperluan asas. Yang

pertama, merdeka atau bebas. Manusia perlukan kebebasan untuk mencapai kebahagiaan tetapi kebebasan itu sendiri mestilah dikawal. Jikalau tidak ianya akan merosakkan kehidupan itu sendiri kerana manusia itu mudah tunduk kepada pengaruh hawa nafsu iblis dan syaitan.

Manusia yang dikongkong oleh nafsu atau iblis dan syaitan akan berubah perangai dan tingkah lakunya daripada manusia kepada binatang dan sebab itulah perlu kebebasan itu diberi kawalan yang sempurna.

Yang kedua, keperluan asas manusia bagi mencapai kebahagiaan ialah keadaan suasana yang aman. Tanpa suasana yang aman, walau bagaimana bijak dan pandai sekalipun kepimpinan mereka tidak dapat merancang dan melaksanakan kepentingan rakyat untuk mencapai kebahagiaan hidup. Begitu juga rakyat tidak dapat berusaha memajukan diri mereka sendiri.

Yang ketiga, kemakmuran. Sesebuah negara itu rakyatnya perlukan keadaan kehidupan yang makmur. Keempat, adil. Yang kelimanya terhormat. Inilah di antara lima prinsip hidup pada pandangan saya amat diperlukan oleh mana-mana masyarakat manusia di dalam dunia ini.

Untuk mencapai matlamat ini, kadang kala mereka sanggup berkorban apa sahaja, bukan sahaja harta benda, masa dan tenaga malahan darah dan nyawa mereka sanggup dijadikan pertaruhan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi harus kita bersyukur kepada Allah. Bagi kita dengan berkat pertolongan Allah kita berjaya mencapai kelima-lima keperluan asas itu tanpa mengorbankan darah dan nyawa secara besar-besaran seperti yang berlaku di setengah-setengah negara di dunia ini. Inilah satu rahmat dan

nikmat yang diberikan kepada kita. Maka perlulah kita bersyukur kerana Tuhan telah berjanji barang siapa yang bersyukur kepada nikmatKu akan Aku tambahkan tetapi sebaliknya barang siapa kufur kepada nikmatKu, terimalah azabKu. Contohnya sepertimana firmanNya: Siapa bersyukur akan ditambah nikmat, siapa kufur akan dikeraskan azab.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh kita mencapai kemerdekaan menerusi perundingan yang berasaskan persahabatan dan persefahaman, bukan kekerasan atau peperangan dan ini telah dapat mengelakkan berlakunya pertumpahan darah atau pengorbanan jiwa rakyat di negara ini. Ini merupakan satu kebijaksanaan kepimpinan kita yang ada bagi mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi.

Maka berasaskan matlamat mulia itulah kalau tidak salah ingatan saya, dalam tempoh tak sampai dua bulan kemerdekaan negara kita telah mendapat pengiktirafan dunia antarabangsa di mana Allahyarham Tun Dr Ismail telah diterima sebagai wakil Malaysia yang pertama di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun pada peringkat awal waktu kita mencapai kemerdekaan dahulu berbagai-bagai pendapat dan pandangan yang telah diberikan oleh sama ada pihak Pembangkang ataupun orang-orang perseorangan mengatakan kemerdekaan yang dicapai oleh Kerajaan Perikatan pada masa itu "kemerdekaan setengah masak, kemerdekaan tiga-suku masak" dan bermacam-macam takrif yang diberikan tetapi itu tidak menghairankan kepada kita semua kerana sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip atau sistem demokrasi berparlimen, rakyat atau mereka adalah mempunyai haknya yang tersendiri untuk membuat ulasan. Tetapi yang penting ialah

pengiktirafan daripada Bangsa-bangsa Bersatu. Dan ini telah kita perolehi, maka bermakna kemerdekaan kita telah diakui oleh masyarakat antarabangsa. Ini keperluan yang pertama yang telah dicapai dengan kepimpinan Kerajaan Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar di waktu negara kita mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957, negara kita dilanda oleh keadaan huru-hara atau dengan lain-lain perkataan berada dalam suasana darurat akibat daripada tindakan keganasan Parti Komunis Malaya atau angkatan bersenjata Parti Komunis Malaya. Kita juga sedar bahawa Partai Komunis telah bertindak sejak tahun 1948 mencetuskan keadaan darurat dalam negara kita dan kita telah sedar pihak Kerajaan British yang mempunyai segala kemudahan dan kekuatan telah menentang gerakan komunis tetapi tidak berjaya sehingga saat-saat kita mencapai kemerdekaan. Selepas kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, di dalam tempoh lebih kurang tiga tahun sahaja dengan baik kepimpinan parti Kerajaan yang memerintah yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan sikap yang lemah-lembut, sikap yang bertimbang rasa, sikap yang memandang jauh bagi masa depan negara dan bangsa, maka dengan sikap itu telah dapat mempengaruhi rakyat dari berbilang kaum dan kepercayaan untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi menentang keganasan komunis yang berlaku di negara kita ini.

Maka dalam tempoh lebih kurang tiga tahun, pada tahun 1960 maka kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat mengisytiharkan kepada dunia daripada Perlis ke Johor Bahru sebagai sebuah negara yang telah bebas daripada gangguan keganasan komunis, atau dengan lain-lain perkataan, sebagai kawasan bersih.

Dengan wujudnya keamanan pada tahun 1960 yang tidak akan terus kekal sekiranya sikap pemerintah pada masa itu tidak mengambil kira tentang kepentingan masyarakat majmuk yang ada di negara kita ini. Dengan adanya sikap-sikap seperti inilah menjadikan negara kita berada di dalam keadaan aman kerana dari sejarah-sejarah yang berlaku di seluruh dunia, kita melihat punca yang berlaku pergaduhan, yang berlaku huru-hara di dalam sebuah negara itu, salah satu faktornya ialah kerana sikap Kerajaan yang memerintah di negara itu. Dengan sebab sikap yang tidak dapat diterima oleh rakyat di dalam sebuah negara itulah menjadikan rakyat bangun untuk memberontak atau menentang Kerajaan ataupun menimbulkan huru-hara di dalam negara itu. Tetapi Alhamdulillah, dengan kebijaksanaan kepimpinan dari dahulu hingga sekarang maka kita telah dapat wujudkan satu suasana yang harmoni di dalam masyarakat negara kita walaupun sebagaimana kata ahli daripada.....Dr Goh.....

Tuan Yang di-Pertua: Nibong Tebal.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Yang bercakap semalam.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nibong Tebal.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: ada orang meramalkan bahawa selepas British menyerah kemerdekaan negara kita maka negara ini akan hancur dan musnah kerana keadaan masyarakat berbilang kaum yang ada di negara ini tetapi ramalan ini meleset. Melesetnya ramalan ini kerana baiknya kepimpinan, persefahaman yang wujud di kalangan pemimpin-pemimpin di dalam Perikatan pada masa dahulu dan sekarang ini Barisan Nasional. Mereka sama-sama mempunyai pandangan yang rasional, selalu berfikir secara rasional, bukan emosional. Itulah

rahsia menyebabkan Perikatan, pada hari ini Barisan Nasional dapat mencatat satu rekod dalam sejarah dunia demokrasi, bukan dengan niat takbur, untuk menang dalam pilihanraya sebanyak lapan kali diadakan di seluruh negara. Tidak sedikit kejayaan-kejayaan ini yang dicapai oleh negara-negara di dunia ini. Dan sehingga hari ini boleh dikatakan negara kita berada di dalam keadaan keamanan. Dengan yang demikian keperluan asas yang kedua telah dicapai, selain daripada kemerdekaan kita telah ada di dalam keadaan aman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lebih sesuku abad Barisan Nasional yang memerintah negara ini sekali lagi kita bersyukur dengan taufik Allah s.w.t. kita telah berjaya menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang makmur jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang membangun sezaman dengannya. Kemakmuran yang tercapai ini bukanlah begitu mudah tetapi melalui berbagai-bagai usaha yang gigih daripada pihak Kerajaan dan rakyat sama ada mereka yang menggubal dasar ataupun yang melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, sama ada mereka yang berada di desa-desa, di kota-kota sama-sama telah memberikan taraf perkhidmatan mereka bagi membangun negara untuk mencapai kemakmuran. Lebih-lebih lagi kerana wujudnya kebijaksanaan kepimpinan negara di dalam menentukan garis dasar luar negara kita iaitu dasar bebas dan berkecuali. Ini telah membantu menyelamatkan negara kita menjadi sebagai medan pertarungan kuasa-kuasa besar di dalam dunia ini seperti yang berlaku di negara Indo-China yang telah menjadi huru-hara dari dahulu hingga sampai sekarang oleh sebab mereka tidak menentukan garis dasar mereka sepertimana yang kita lakukan. Ini bukanlah tujuan untuk

merendah atau menghina mana-mana negara, hanya sebagai satu contoh. Oleh sebab negara ini telah menyebelahi pada satu-satu blok kuasa besar maka kuasa besar yang berada di luar telah merasa iri hati dan cemburu, akhirnya timbullah satu pertarungan kuasa-kuasa besar menyebabkan negara Indo-China menjadi medan percaturan politik antara kuasa-kuasa besar. Akibatnya negara ini hancurlah dan tidak ada kemakmuran. Maka sebab itulah rakyatnya terpaksa dengan titisan air mata meninggalkan kampung halaman mereka untuk menyambung hidup di dunia ini.

Alhamdulillah, nasib baiklah masih ramai lagi manusia-manusia yang mahu bersimpati dengan nasib dan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat di negara yang saya sebutkan itu. Dengan adanya dasar bebas dan berkecuali ini juga bermakna kepimpinan kita telah meletakkan suatu aspek membuka jalan untuk menambahkan dan meluaskan rakan perdagangan dalam dunia perdagangan antarabangsa. Maka dengan sebab itu dapat membawa pelabur-pelabur, modal-modal luar untuk dilaburkan di dalam negara kita sehingga menjadikan negara kita telah bertukar corak daripada pertanian sedikit-sedikit ke arah perindustrian. Jikalau tidak wujudnya suatu dasar yang bebas dan berkecuali yang dilancarkan yang dipimpin dan dilaksanakan oleh kepimpinan kita, Kerajaan yang ada pada masa dahulu dan kini, maka sudah pasti pembangunan negara kita tidak akan wujud seperti yang ada pada hari ini. Ini sudah bermakna negara kita sudah makmur. Hari ini apa pun boleh kita beli, asalkan ada wang. Inilah menunjukkan negara kita makmur.

Jika kita bandingkan dengan setengah-setengah negara yang merdeka sezaman dengan negara kita, alangkah sedih mendengarkan berita

dan melihat keadaan bahawa mereka tidak ada cukup makanan sehingga bentuk manusia telah bertukar, ada yang kepalanya lebih besar daripada perut kerana tidak ada makanan, kebuluran. Tetapi negara kita kebanyakan orangnya lebih besar perut daripada kepala kerana makanannya banyak dan makmur. Inilah rahmat Allah yang harus kita sentiasa bersyukur. Sepertimana Firman saya sebutkan tadi "La in syakartum la azidannakum. Wala in kafartum inna 'azabi la syadid".

Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa dengan berkat taufik daripada Allah s.w.t. kepimpinan Kerajaan telah berusaha membaiki segala kepincangan di dalam Kerajaan supaya ianya benar-benar dapat menjalankan pemerintahan dengan adil, cekap dan sempurna. Tetapi oleh kerana wujudnya amalan demokrasi rakyat bebas bersuara maka timbullah berbagai-bagai tafsiran mengenai keadilan. Sebab itulah kedengaran suara-suara sumbang yang menuduh Kerajaan tidak berlaku adil walaupun pihak Kerajaan telah cuba melakukan keadilan kerana mereka melihat dari kepentingan yang berlainan. Pada umumnya keadilan tetap wujud di negara kita ini.

Sebagai contoh, Kerajaan tidak memilih bulu di dalam mengenakan hukuman kepada sesiapa sahaja yang didapati melanggar undang-undang negara. Maka sebab itulah peristiwa telah berlaku di mana terdapat orang-orang kenamaan di dalam parti Kerajaan terpaksa atau telah pun diseret ke muka pengadilan untuk dihadapkan kepada keadilan. Tetapi malangnya pihak Pembangkang terutama DAP sikap kejujuran dan ketegasan Kerajaan ini tidak dihargai. Mereka menjadikan sebagai satu isu politik dengan menuduh bahawa orang Kerajaan ini rasuah dan berbagai-bagai lagi. Setelah kita mendedahkan adanya pemimpin-pemimpin Kerajaan yang melakukan

perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang, inilah merupakan satu dilema. Kita dedah keadaan-keadaan yang sebenarnya sebagai menunjukkan rasa tanggungjawab, rasa keikhlasan dan kejujuran dan dituduhnya Kerajaan tidak betul. Kalau kita tidak dedah pun dia kata, kita cakap tidak serupa bikin. Didedah salah, tidak dedah pun salah, jadi semua serba salah. Inilah sikap Pembangkang yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi sikap yang adil itulah membuat rakyat tertarik dan tertawan hati dengan stail Barisan Nasional yang menguruskan pentadbiran negara dan mereka bersedia menyerahkan mandatnya kepada Barisan Nasional apabila tiba waktunya sepertimana dilakukan sejak 8 kali pilihanraya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah lebih sesuku abad kita merdeka sudahkah rakyat dalam negara kita ini menjadi terhormat, kerana ini keperluan yang kelima yang saya sebutkan tadi. Selain daripada merdeka, selain daripada aman, adil, makmur, yang kelima terhormat. Kita semua sedar di dalam sesebuah masyarakat seseorang individu tidak akan bahagia kalau dia bebas, aman dan adil ataupun makmur kalau dirinya dihina; maaf saya cakap seperti masyarakat pelacur. Orang-orang yang menjadi pelacur ini bebas, dia boleh tidur dengan siapa sahaja, boleh bersekedudukan dengan orang pangkat besar, orang yang banyak duit, bebas ke mana-mana hendak pergi, naik kapal terbang, naik motokar, naik kapal—bebas, duit pun banyak tetapi masyarakat masih memandang hina. Bermakna dia belum mencapai kebahagiaan.

Di dalam masyarakat antarabangsa pula kita tidak mahu negara kita diketawakan oleh dunia seperti dengan tidak tujuan untuk menghina keadaan yang berlaku di dunia Arab, orangnya ramai, negaranya besar

tetapi dengan mudah dikalahkan oleh sebuah negara yang kecil dengan rakyat sedikit. Ini menjadi bahan ketawa dunia, menjadi bahan contoh kelemahan oleh masyarakat antarabangsa. Jangan kita jadi seperti Arab, kita ramai, negeri besar tetapi kalah, mudah ditawan orang, kita tidak mahu.

Di dalam hubungan ini, Alhamdulillah, negara kita walaupun kecil jika dilihat di dalam peta dunia akan tetapi pemimpin-pemimpinnya, kepimpinan-kepimpinan yang ada sama ada daripada barisan Kerajaan atau yang duduk di luar Kerajaan mempunyai jiwa yang besar, maka sebab itu ianya dihormati. Sebagai contoh, beberapa resolusi-resolusi di peringkat antarabangsa yang disarankan oleh negara kita, oleh kepimpinan kita telah diterima menjadi asas perdamaian dunia seperti Resolusi Kuala Lumpur berkenaan dengan negara Palestine, untuk menubuhkan sebuah negara Palestine yang merdeka dan berdaulat yang dibuat di Kuala Lumpur kita sarankan. Resolusi menubuhkan sebuah Kerajaan Demokratik Kampuchea daripada Kuala Lumpur sebuah negara kecil. Dan pemimpin-pemimpin kita telah diterima menganggotai berbagai-bagai jawatankuasa di peringkat antarabangsa sama ada di bidang pelajaran, pertanian hatta kepada perdamaian pun Malaysia—pemimpin Malaysia Tun Hussein Onn telah dijemput sebagai anggota perdamaian. Ini merupakan satu penghormatan kepada negara Malaysia, penghormatan kepada rakyat Malaysia. Bermaknanya kita telah tercapai kepada keperluan asas yang kelima. Dan satu lagi contoh yang jelas dan nyata di mana Malaysia telah dipilih sebagai tempat persidangan sama ada di peringkat negara serantau seperti Menteri-menteri Luar ASEAN baharu-baharu ini ataupun peringkat antarabangsa.

Menentukan sebuah negara menjadi tempat persidangan bukanlah satu perkara yang remeh-temeh kerana mereka akan menghantar pemimpin-pemimpin negara mereka. Mereka akan kaji kestabilan politik, keamanan negara dan bermacam-macam lagi perkara yang mesti difikirkan sebelum keputusan dibuat untuk memilih sesebuah negara menjadi tempat persidangan peringkat antarabangsa. Tetapi Malaysia walaupun kecil, masih muda tetapi ianya berjaya, berjaya meletakkan dirinya setaraf dengan negara-negara yang maju di dunia ini di dalam konteks kestabilan politik, keamanan negara, keselamatan rakyat dan sebagainya. Dengan hujah-hujah inilah saya menolak atas saranan atau usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang Berhormat dari Kepong bagi menyokong usulnya itu, sukalah saya memberi beberapa pandangan. Pertama isu BMF. Kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, menerusi penerangan Peguam Negara di dalam akhbar baru-baru ini yang mengatakan penjenayah-penjenayah BMF ini tidak boleh didakwa di mahkamah di negara ini kerana pesalah itu melakukan kesalahannya di luar negeri.

Ini adalah satu hakikat, keadaan undang-undang di negara ini. Pernyataan yang dibuat ini berasaskan apa yang wujud, yang benar. Tetapi pihak Ahli Yang Berhormat apabila mendengar berita ini lantas membuat kesimpulan, dia mengatakan hancur dan musnahlah harapan rakyat untuk membawa penjenayah itu ke muka pengadilan setelah mendengar penjelasan daripada Peguam Negara, hancurlah harapan rakyat, musnahlah harapan rakyat.

Sebenarnya cakap ini tidak boleh dikeluarkan lagi kerana kes ini belum ditutup. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menegaskan Kerajaan akan berusaha walaupun di luar negeri akan berunding dengan Kerajaan Hongkong untuk membawa mereka yang berkenaan, mereka yang bersalah ke muka pengadilan, tunggu, lihat, waktunya belum tiba. Ini kata orang, anak dalam perut nama sudah diberi, macam mana, mana logiknya? Budak tidak keluar lagi bubuh nama Mohammad, keluar-keluar perempuan, apa cerita? Nama Mohammad keluar Minah! Inilah DAP, dia cuba mengeksploitasikan, apa juga cakap orang dia cuba eksplot kalau-kalau berjaya tetapi umpam dia habis pancing tidak lekat.

Yang kedua, Kerajaan mengharamkan rapat umum, ini menyekat parti Pembangkang untuk mendapat pengaruh daripada rakyat, atau dengan lain perkataan, barangkali berkuasa di negara ini. Itupun satu pendapat yang tidak berasas kerana rapat umum diharamkan dalam tahun tujuh puluhan dengan mempunyai maksud untuk menjamin keselamatan negara, bukan untuk menyekat parti Pembangkang kerana apabila rapat umum diharamkan maka parti pemerintah juga tidak terkecuali daripada peraturan ini dan sebelum tujuh puluhan rapat umum dibenarkan, DAP tidak pernah memerintah Malaysia juga, masa ada rapat umum pun DAP tidak pernah perintah, tidak ada rapat umum pun jauh lagi daripada memerintah, tidak logik. Kalau dahulu dia memerintah, Kerajaan menang dia buat tahan rapat umum, dia tidak boleh memerintah, itu baru boleh kata. Ini kata orang Pulau Pinang "pi mai, pi mai, serupa". Lagipun bagi orang-orang politik yang veteran, sudah berapa kali duduk dalam Parlimen mestilah faham bukan satu source sahaja untuk menyampaikan message kepada

rakyat, tidak ada rapat umum kita mati, ini bukan orang politik. Boleh melalui majalah-majalah Rokat, ada, keluarkanlah, kalau tidak cukup sebulan satu, keluarkan seminggu satu; tidak cukup seminggu satu, sehari satu, sibar banyak-banyak. Lain-lain mass-media boleh keluar. Ini tidak ada rapat umum—habis, ini bukan politik. Politik, dia kalau sekat di hadapan dia panjat ikut belakang, tahan belakang pusing ikut kanan, tahan kanan pusing kiri, itulah politik. Ini tahan hadapan—habis, politik apa? Lebih baik keluar daripada politik.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kebebasan akhbar. Ini pun satu dakwaan yang palsu. Kita dengar anggota dari Kepong pada petang semalam, saya duduk di luar tetapi bukan duduk sahaja, di tempat rehat, saya ada tulis note. Banyak daripada komennya, ulasannya, pandangannya dipetik daripada akhbar-akhbar, maklumat-maklumat atau message yang disampaikan itu adalah bertentangan dengan kepentingan Kerajaan terutama berkenaan dengan keadaan kekecohan politik di Sabah. Kalau Kerajaan kongkong berita ini tentu tidak keluar kerana menjadi satu dilemma kepada kepimpinan yang ada di Kuala Lumpur. Tetapi oleh kerana kebebasan akhbar itu wujud maka orang boleh bercakap, boleh tulis, boleh sibar, itu yang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kata kongkong, Kepong kata tidak kongkong; mereka berdua pun sudah bercanggah. Itu baru dalam Parlimen ada dua orang, kalau 10 tidak tahu hendak cerita. Kalau memerintah negeri macam ini, orang nombor satu kata kanan, orang nombor dua kata kiri, nombor tiga kata ke belakang, hancurlah negara. Nasib baiklah rakyat bijak tidak pilih DAP, kalau pilih DAP tidak tahu hendak kata apa, wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa setakat itulah pandangan saya, pendirian saya dalam menentang Usul

yang dibawa oleh Ahli dari Kota Melaka, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.15 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, kelmarin dalam membahas Usul Ketua Pembangkang mengenai hakisan yang melanda demokrasi di Malaysia di hari-hari kebelakangan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta kuat sedikit suara.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin dalam membahas Usul Ketua Pembangkang mengenai hakisan yang melanda demokrasi di Malaysia di hari-hari kebelakangan ini, ada anggota telah melibatkan Pembangkang secara umum termasuk PAS dalam memecahbelahkan rakyat di samping menyuci tangan Barisan dan UMNO itu sendiri dari kerja-kerja memecahbelahkan rakyat. Oleh yang demikian kata mereka bahawa demokrasi Malaysia ini dihakiskan bukan kerana pihak Kerajaan tetapi kerana pihak Pembangkang.

Saya bangun sekarang untuk membenarkan usul tersebut sambil mengatakan bahawa bukan sahaja hakisan demokrasi ini berlaku di hari-hari akhir ini tetapi ianya bermula sejak lama dahulu dan bukan sahaja kerana kami seperti yang didakwa tetapi hakisan demokrasi itu juga disebabkan oleh pihak Kerajaan sama.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Presiden bagi sebuah parti keturunan kaum India telah menimbulkan baru-baru ini bahawa ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak mempedulikan orang-orang keturunannya walaupun parti itu menjadi komponen Barisan Nasional sendiri

dan Presiden itu telah mengeluarkan kenyataan hari ini (16-7-1985) bahawa beliau tidak perlu minta maaf di atas kenyataan beliau itu walaupun didesak berbuat demikian oleh satu golongan lain yang juga daripada parti yang dikira perkauman iaitu UMNO.

Soalnya adakah Presiden parti itu terfikir untuk membuat kenyataan seperti itu kiranya demokrasi di negeri ini tidak dilanda oleh hakisan. Yang kedua, sila semak balik pertikaman lidah yang berlaku di antara Pemuda sebuah parti keturunan China dengan pihak parti keturunan Melayu mengenai bahasa dan kebudayaan sewaktu krisis pecah dua parti itu mula berlaku kira-kira setahun dahulu hingga sampai ke peringkat pihak parti keturunan Melayu itu menyuruh komponen itu keluar daripada Barisan walaupun buat sementara. Bolehkah difikir bahawa letupan itu boleh bergegar kalau demokrasi yang menjadi sebutan hari-harian kita ini benar-benar diamalkan di dalam dan di luar.

Itu semua, Tuan Yang di-Pertua, sedutan ringkas dari ulasan selari bagi hakisan demokrasi yang sedang runtuh dan terhakis dilanda oleh nafsu buas pejuang-pejuang demokrasi di sebelah sini. Bagi kami pejuang-pejuang Islam yang bergerak dalam Parti Islam Se Malaysia, awal-awal lagi menyebut kepada rakyat dan masyarakat seluruhnya bahawa tidak ada tempat di dunia sebelah sini yang paling baik untuk diperkenalkan Islam dan dilaksanakannya selain dari Malaysia kerana Malaysia adalah masyarakat majmuk. Kerana Malaysia adalah masyarakat majmuk maka ianya terlalu baik untuk didedahkan sistem Islam kerana Islam adalah ciptaan Tuhan yang Maha Esa dan Tuhan itu tidak langsung mempunyai kepentingan apa-apa. Dia tidak mempunyai kepentingan ekonomi, Dia tidak mempunyai kepentingan kebudayaan, Tuhan juga tidak

mempunyai kepentingan rebutan kuasa dan tidak mempunyai kepentingan pengaruh yang dengan sendirinya peraturan yang dikemukakan oleh Allah melalui Nabi Muhammad s.a.w. adalah baik untuk semua dan untuk keperluan bersama. Sebaliknya peraturan-peraturan untuk masyarakat majmuk ini kalau dikemukakan oleh sesuatu kaum berdasarkan ianya sebagai tulang belakang, tulang punggung dan sebagainya, maka ianya mesti melakukan berat sebelah baik pun di bahagian ekonomi, baik pun di bahagian perjawatan, baik pun di bahagian kebudayaan dan segala-galanya. Kalau suasana senget dan berat sebelah ini telah semakin dirasai oleh sama-sama komponen maka janganlah ditanya suasana senget bahkan terbalik lingkup itu di kalangan pihak Pembangkang.

Saya tidak tahu suasana buruk ini sejauh mana telah dilakukan terhadap penyokong-penyokong DAP tetapi kalau dalam PAS Tuhan sahajalah yang maha adil, Allah sahajalah yang tahu membalas mereka dan gara-gara atau bunga-bunga pembalasan itu telah mula kelihatan sekarang dengan jelasnya di alam dunia ini dan di hari Mahsyar kelak pasti hal ini berlipat-ganda lagi.

Sebagai contoh yang jelas mengenai hakisan demokrasi dan mudah dimengerti, sekalipun untuk orang-orang yang sengaja tidak mahu mengerti, yang pertama bahawa Wakil-wakil Rakyat dari PAS tidak pernah dijemput untuk menghadiri mana-mana Mesyuarat Tindakan baik di peringkat Tindakan Jajahan ataupun Daerah sedangkan kami baik Yang Berhormat dari negeri Kelantan sebanyak 5 orang atau dari Terengganu 5 orang—sekarang baki 4 orang sahaja manakala satu daripadanya ditahan tanpa mahkamah terbuka di Kamunting. Atau di Kedah satu orang, semuanya itu adalah wakil

yang sah dan diundi oleh rakyat yang dibayar elaun daripada duit rakyat. Mereka itu telah dipulau dan disingkir oleh Kerajaan yang melaung-laungkan selama 24 jam bahkan 25 jam bahawa merekalah yang menyatupadukan rakyat, manakala yang lain semuanya memecahbelahkan rakyat. Pada hal kelmarin Wakil dari Tanjong kalau tidak salah saya dan dari komponannya sendiri telah menyebut bahkan telah memberi kursus politik kepada kawan-kawannya dalam Kerajaan dalam Parlimen kelmarin, bahawa tanggungjawab menjaga negara bukanlah boleh dibebankan ke atas Kerajaan sahaja bahkan tanggungan itu sama berat antara Kerajaan dan Pembangkang.

Kedua, peristiwa pembunuhan yang dilakukan cara beramai-ramai ke atas seorang penyokong PAS di Lubuk Merbau baru-baru ini tidak akan berlaku sekali-kali sekiranya hak rakyat menggunakan kebebasannya yang terjamin itu tidak berlaku hakisan ke atas demokrasi negara ini.

Ketiga, yang paling memalukan demokrasi negara ini ialah penahanan ISA yang dikenakan ke atas seorang Peguam PAS, saudara Haji Suhaimi Said yang bertugas mengawasi pilihanraya di kawasan Lubuk Merbau itu sendiri yang tentunya tindak-tanduk beliau sebagai seorang Peguam adalah dikira hanya berkisar dalam lingkungan legal dan halal di sisi undang-undang negara dan berdemokrasi.

Keempat, seorang Wakil Rakyat PAS dari kawasan Tawang, Bachok, Kelantan telah ditolak permohonannya untuk mendapat senjata api, pada hal kita tahu itu adalah haknya sebagai Ahli Dewan Undangan. Pada hal Wakil Rakyat BN sendiri pun ada yang bermain kasar dengan pistolnya seperti peristiwa di feri Pulau Pinang baru-baru ini dan

ada yang menembak mati kawannya sendiri seperti yang berlaku di Gemenchih, Negeri Sembilan.

Kelima, di kalangan penyokong-penyokong PAS di peringkat kampung, terlalu banyak dilakukan diskriminasi dan pecah belah oleh pihak Kerajaan. Satu sahaja contoh saya teringin menyebutnya di sini sebagai barang kes terhadap hakisan demokrasi ialah seorang tuan punya rumah bernama Raja Daud, suami kepada Nik Azizah di Kampung Legih, Tanah Merah, Kelantan telah tidak diberi api elektrik kepadanya bersama-sama dengan kira-kira 20 orang lain, walaupun penduduk sekitar telah diberi elektrik begitu lama. Usaha-usaha telah dibuat tetapi semuanya tidak berhasil. Puncanya ialah kerana JKK di tempat itu tidak mahu menurunkan tandatangannya ke atas borang berkenaan. Kebetulan beliau adalah adik saya. Barulah kira-kira seminggu lepas JKK yang dikenali dengan Juru Kacau Kampung itu, menandatangani sedangkan tunggul kelapa yang telah ditebang di hadapan rumahnya bertahun-tahun dahulu untuk kerja wiring telah pun buruk, reput dimakan masa yang begitu lama. Besar kemungkinan penurunan tandatangan ini berpunca dari keputusan sebuah mahkamah di Alor Setar baru-baru ini yang keluar beritanya dalam suratkhbar secara besar-besaran, bahawa mahkamah itu memaksa pihak LLN memasukkan elektrik ke rumah orang yang memohon itu dengan serta-merta sekalipun pihak JKK tempat itu tidak mahu menandatangani kerana usahkan JKK, Kerajaan Negeri pun tidak ada hak ke atas dasar LLN, kata mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Ketua Pembangkang hanya menyebut dalam usulnya bahawa demokrasi negara ini baru dilanda hakisan sahaja. Dia tidak mendakwa demokrasi telah mati atau hancur. Baru hakisan pun pihak

Kerajaan telah menjerit-jerit macam kena sengat. Apa kata kalau usul itu menyebut bahawa demokrasi itu telah mati terus.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada pihak Kerajaan menuduh PAS memecah-belahkan perpaduan rakyat terserahlah kepada mereka dan kami tidak boleh menyekatnya. Tetapi dari bukti-bukti ringkas yang saya sebutkan tadi nampaklah pihak mereka juga tidak kurang melakukan pemecahan ini, lebih-lebih lagi kami dari PAS telah berkali-kali dan hari ini pun saya hendak sebut lagi iaitu kami memberi tawaran terbuka kepada pihak UMNO untuk memerintah negeri ini sampai bila-bila pun asalkan mereka menerima dasar Islam sebagai dasarnya untuk dilaksanakan. Sekurang-kurangnya kerana bila tidak menerima dasar itu menampakkan bahawa kita secara otomatis menerima tuduhan-tuduhan pihak komunis dan zionist juga kunci-kuncunya bahawa Islam ini adalah perkara karut dan pengacau masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian hakisan demokrasi ini merupakan hal yang pasti berlaku memandangkan apa yang dikatakan demokrasi berparlimen kita ini ditiru dari demokrasi berparlimen Inggeris yang latar belakangnya berpunca dari pertelagahan di antara gereja, lord dan rakyat yang menyebabkan Parlimen telah diletak ke peringkat tertinggi lebih tinggi daripada perlembagaan Inggeris yang tidak bertulis itu sendiri. Bila taraf yang sebegini tinggi telah kita tiru dan kita kahwinkan pula dengan sistem free enterprise, capitalist, ditambah pula dengan ajaran-ajaran bahawa fahaman beragama atau semangat beragama itu hanya sebagai amalan peribadi, manakala amalan masyarakat hendaklah diserahkan kepada majoriti, tidak boleh diserahkan kepada agama, walaupun agama Islam sekalipun, maka mahu tidak mahu

perlumbaan dan perebutan secara bebas pasti berlaku dan menimbulkan penindasan dan penganiayaan bukan sahaja terhadap Pembangkang tetapi terhadap sama sendiri seperti yang berlaku sekarang ini.

Kami dalam muktamar tahunan yang baru lepas telah menetapkan bahawa demokrasi yang dikehendaki ialah demokrasi berperlembagaan, bukan demokrasi berparlimen dan demokrasi yang ada sekarang ialah demokrasi dictatorship dan itulah agaknya yang dimaksudkan sebagai hakisan demokrasi oleh Ketua Pembangkang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mas Gading.

4.26 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbahasan atas usul yang dikemukakan oleh Tuan Lim Kit Siang.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama, Yang Berhormat.

Tuan Patrick Anek Uren:Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya hanya mengambil pandangan persendirian dan akan mengambil masa yang tidak panjang. Saya tertarik hati dalam usul ini yang berbunyi pada hujungnya iaitu menyeru semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Saya tidak berminat untuk membahaskan dari segi ada tidak hakisan di prinsip-prinsip dalam amalan demokrasi yang wujud sekarang.

Dalam membahaskan usul ini, saya ingin mula dengan pandangan saya daripada doctrine perpecahan kuasa iaitu separation of powers, yakni Parlimen sesuatunya anggota daripada tiga dalam pentadbiran sesebuah negara dan adalah disebut-sebutkan

dan telah pun diharap-harapkan dan juga telah dimasukkan dalam Perlembagaan sebagai satu-satunya berasingan daripada yang satu lagi. Ini telah menjadi asas kemerdekaan negara kita dan juga asas kepada berdirinya kita atau duduknya kita dalam Dewan ini sekarang. Tetapi di mana-mana negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen termasuk juga di negara Britain yang mana satu negara yang kita mempelajari demokrasi berparlimen ini, adanya keadaan di mana tafsiran daripada rakyat ataupun daripada golongan baik pun dari segi pihak akademik ataupun dari segi orang yang berpengalaman dalam perjalanan Parlimen bahawa kadangkala oleh kerana kuasa dalam tangan pihak yang memerintah, iaitu pihak eksekutif, kemungkinan besar kuasa ini mempengaruhi Parlimen dan juga mempengaruhi Judiciary.

Walaupun ini hanya pandangan dan saya tidak sebut di sini sebagai satu kenyataan bahawa itu terdapat dibuktikan di sini tetapi adalah ini sebagai pandangan akademik di dunia bahawa satu ketakutan dalam parliamentary democracy ialah kemungkinan pengaruh daripada eksekutif melebihi legislature dan judiciary. Ini telah menyebabkan terkeluarnya mungkin anggota daripada Kota Melaka usul ini hari ini sebagai ekor daripada academic argument yang selalu mengatakan kemungkinan pengaruh ini terdapat di dalam Parlimen.

Saya hanya berminat untuk berbahas dari segi kalau ada pengaruh ini terdapat kunci-kuncunya atau puak-puaknya patut ditolak daripada mula juga. Sebab perpisahan kuasa di antara tiga ini bukan hanya patut disebutkan sebagai ternyata tetapi mesti juga dipandang oleh rakyat bahawa ianya ada ternyata. Sebab itulah kita telah merdeka dan menganuti sistem demokrasi berparlimen, sebab itulah kita dalam

tiap-tiap lima tahun sekali kita telah membuang undi dan memilih wakil-wakil yang menjadi anggota dalam Dewan ini dan anggota Dewan ini daripada parti yang besar, golongan yang dipilih ataupun dipilih sebagai anggota Kerajaan dalam eksekutif. Ini telah menjadi satu sikap, satu hakikat yang kita menganuti dan ini patut menjadi asas dari sekarang dan masa-masa akan datang.

Yang ingin saya membangkitkan di sini selalu terdengar bahawa walaupun dalam pilihanraya baik pun di masa lain selepas pilihanraya bahawa hanya parti Kerajaan sahaja yang menguasai semua, hanya Kerajaan sahaja yang dapat mengeluarkan semua projek, bangunan dan sebagainya. Ini saya fikir tidak kebetulan kerana kalau kita mengatakan sedemikian kemungkinan besar bahawa kita akan menanam semangat kepada penduduk-penduduk yang telah mengundi bahawa hanya mereka tidak perlulah bekerja, tidak perlu lagi berproduktif, hanya mereka diperlukan menunggu sebab Kerajaanlah yang membiayai semuanya. Kalau kita sudah menanam semangat sedemikian ini akibatnya ialah akan mengurangkan hasil-hasil tempatan, mengurangkan sikap rajin kerja di pandangan rakyat dan menambahkan beban kepada satu agensi sahaja iaitu Kerajaan dan rakyat tidak perlu lagi, tidak mahu lagi bekerja keras.

Saya berpandangan demikian sebab daripada terlibatnya saya dalam politik lebih 12 tahun dan datangnya saya dipilih dari kawasan yang mundur, kawasan yang begitu kurang pembangunan, kurang kehidupan yang mewah yang terdapat di bandar. Saya berpendapat bahawa sikap ini telah menyebabkan rakyat berpandangan sungguh kepada penerimaan, hanya menunggu untuk menerima, hanya menunggu daripada janji-janji yang telah dibuat selama mereka. Kalau Malaysia sudah

merdeka dari tahun 1957, Sarawak merdeka dalam Malaysia dari tahun 1963; dari masa itu sampai kini kita telah buat janji. Jadi janji itu sebagai benih tumbuh di dalam kalangan rakyat menyebabkan mereka beranggapan bergantung sangat kepada apa yang dapat mereka terima daripada pihak Kerajaan. Ini kalau Kerajaan ataupun kalau parti yang telah menang dalam pilihanraya menyebut demikian dan terus membiayai semua dan segala yang diminta, itu pun baik juga, tetapi dalam jangka pendek sahaja tidak dapat dalam jangka panjang. Sebab dalam jangka panjang tidak satu dunia, tidak satu negara, tidak satu negeri, tidak satu orang, baik pun bagaimana kaya sekalipun akan dapat memenuhi semua permohonan daripada semua penduduk.

Saya berpandangan demikian sebab saya ini sebagai seorang Wakil Rakyat yang dipilih oleh kawasan yang penduduknya terdiri kebanyakannya penduduk Bidayah, penduduk Iban, penduduk Melayu dan penduduk China. Mereka di situ kebanyakan tengok sahaja dan dengar sahaja. Tengok orang lain maju di bandar, dengar dari radio, tengok dalam kaca TV berapa mewah dan berapa majunya dan berapa kalilah janji telah dibuat kepada mereka. Tetapi macam kata orang Kebun dulu "tengok atap makan titak, ikan gantung kucing mengong".

Dalam Perlembagaan Malaysia ada terdapat hak asasi golongan-golongan kecil—Minority Rights. Jadi dalam Perlembagaan ini ada Minority Rights tetapi kita telah menganuti pilihanraya sebagai satu cara kita dapat jadi anggota di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Undangan Negeri ataupun jadi pihak dalam golongan yang memerintah. Tetapi oleh sebab parliamentary democracy dan satu-satu perkara di bawah demokrasi ialah one-man-one-vote, satu orang satu

undi, ini kemungkinan besar menyebabkan orang dan golongan yang kecil tidak dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara, tidak dapat memainkan peranan dalam pembangunan demokrasi, tidak dapat memainkan peranan dalam pentadbiran negara oleh kerana:

- (1) mereka tidak besar golongannya;
- (2) mereka tidak mempunyai tenaga, wang ringgit;
- (3) mereka bertaburan di sana sini dan tidak dapat membuat satu kongsi fikiran atau fahaman.

Saya ingin menyebut di sini dan juga sebagai pandangan kepada Kerajaan kalau difikirkan munasabah, walaupun kita menganuti prinsip-prinsip demokrasi seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi, ini demokrasi ala Malaysia, biarpun bertambah rakyat Malaysia sekarang, besar perut, kecil kepala dalam konteks perbandingan kemewahan yang ada sekarang.

Saya ingin juga menyeru supaya golongan-golongan yang kecil ini bukan hanya kita menetap dari satu perenggan dalam Perlembagaan mengenai hak mereka itu, kita juga patut menetapkan supaya hak itu bukan hanya ditulis dalam Perlembagaan bahkan ditunai kepada mereka yang golongan kecil supaya mereka itu dapat memainkan peranan di negara ini, kalau tidak demikian hancurlah harapan mereka.

Saya tidak berbandingkan dari segi Jabatan Orang Asli, saya perbanding dari segi menyeluruh mereka itu memainkan peranan yang benar-benar dari mainstream of activities di negara kita. Saya mahukan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan untuk menunai hak asasi golongan kecil ini dari segi membolehkan mereka dalam

semua kegiatan negara iaitu pelajaran, sekolah dan universiti seberang laut, kenaikan pangkat di jawatan Kerajaan, sebagai pengarah-pengarah di sana-sini.

Kalau kita tengok Perlembagaan Malaysia hak Melayu adalah ditulis sebagai special privilege, tetapi kalau kita banding bumiputera di Sarawak dan Sabah and other aborgines in the Borneo States, tidak disenaraikan siapa itu dan mana dia? Oleh sebab Perlembagaan tidak ditulis dengan betul, dengan tepatnya, apa dia other native groups maka selalunya berlaku pentadbir-pentadbir negara kita jarang memandang kepada Sarawak dan Sabah lebih-lebih lagi hulu-hulu di Bahagian Kedua itu. Dahulu di Sabah ditukar, untuk membuat kesesuaian kepada negeri Sabah tukar daripada bumiputera ke peribumi, tetapi peribumi juga tidak termasuk dalam Perlembagaan Malaysia. Jadi hak minority ini dengan prinsip-prinsip demokrasi (democratic principles), kalau kita banding dengan prinsip demokrasi yang dianuti di Britain, kita sedang dalam dilemma, mana satunya yang berat, mana satunya yang ringan, tetapi kalau kita pandang dari segi Parlimen ala Malaysia seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, mungkin ini akan membawa erti kepada adanya bilangan-bilangan atau golongan kecil di dalam negara kita, dan juga membawa erti kepada yang tertulis dalam Perlembagaan Malaysia iaitu privilege yang patut diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menganuti prinsip demokrasi berparlimen, kita telah menggubal beberapa undang-undang dan dasar, Dasar Ekonomi Baru ialah satu dasar yang cukup besar dan menyeluruh dan baru-baru ini saya tengok di kaca televisyen di rumah saya di Kuching, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata Dasar

Ekonomi Baru ini tidak akan ditambah tempohnya bila sampai 1990 tamat.

Saya ingin menyebut di sini oleh sebab seperti yang saya kata tadi hak golongan kecil belum dapat saya tengok, belum kita merasai sungguhpun adanya Dasar Ekonomi Baru, sungguhpun ada tercatat dalam Perlembagaan bahawa hak minority right ini ada, jadi dengan tertamatnya nanti dasar ini, golongan ini belum merasa faedah-faedah dan nikmat-nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru seperti kita menganuti parliamentary democracy, jadi golongan kecil ini belum dapat menyertai dalam pembangunan negara, maka seperti juga yang saya katakan tadi golongan-golongan kecil di Sarawak benar-benar tengok atap, dengar atap, makan titak, ikan gantung, kucing bingung.

Baru-baru ini negara kita mengalami kerugian yang besar dalam skandal BMF dan juga tokoh politik yang saya cukup sanjung tinggi ialah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn telah berkata bahawa Parlimen Malaysia patut mengambil atau negara patut mengambil tindakan tertentu untuk membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang telah menyebabkan kerugian yang begitu besar di Hongkong. Juga kita telah mendengar dan itu mengikut yang sebenarnya dalam peruntukan mahkamah sekarang ini yang ada tidak dapatlah mereka itu diambil tindakan terhadap mereka.

Saya duduk di Parlimen sejak tahun 1974 dan sudah beberapa kali Parlimen Malaysia ini telah menggubal undang-undang dan memindah Perlembagaan untuk membolehkan undang-undang digubal dengan retrospective effect.

Sungguhpun saya sebagai ahli profesyen undang-undang juga, saya tak setuju dengan retrospective

legislation dalam perkara criminal tetapi kalau sekarang peruntukan yang berada dalam sistem mahkamah kita tidak mengizinkan, tidak membolehkan tindakan yang sepatutnya diambil terhadap mereka yang menyelewengkan wang ringgit Malaysia yang menyebabkan negara kita sekarang merosot, bila kita hendak buat bangunan, jalan raya besar-besar, kata tak ada duit bahkan buang \$2.5 billion di Hong Kong. Kalau tidak duit yang begitu besar adalah munasabah dan cukup ertinya membolehkan Kerajaan mengambil tindakan buat retrospective action sekarang supaya kita dapat hanya untuk perkara ini mengambil tindakan terhadap mereka yang telah menyebabkan kerugian yang besar.

Kita tidak pandang hanya dari segi prinsip betul tak boleh, tetapi prinsip itu pun kita ambil daripada Britain. Kebanyakan peguam di negara ini belajar daripada Common Law yang belajar universiti di Britain, walaupun di Australia dan New Zealand pun daripada Common Law juga. Kita pun di sini menganuti sistem yang sama tetapi seperti diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas buatlah satu sistem ala Malaysia. Jadi kalau kita buat sistem ala Malaysia, sebabnya adalah munasabah, siapa-siapa pun tak dapat menegur Kerajaan berbuat demikian, sebab yang patut, boleh buat; yang tidak patut, jangan buat.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi belum mati di negara kita tetapi ada kunci-kuncunya seperti yang saya kata tadi dalam pilihanraya, selepas pilihanraya kalau tak sokong Kerajaan, kalau tak sokong Barisan, tak ada projek, itu bahaya dan tak patut diperlakukan. Jadi kalau kita ingin supaya demokrasi ini bukan hanya hidup tetapi walaupun demokrasi ala Malaysia tetapi hidup dengan benar-benar bergiat hidup adalah perlu kita menunaikan janji

dan jangan hanya janji berlebihan. Negara kita sekarang di dalam keadaan kemelesetan ekonomi tetapi walaupun dalam kemelesetan ekonomi, kita masih tengok pembaziran perbelanjaan, pembaziran wang ringgit dan bila kita membahar dari segi belanja ini kita dapat di Parlimen ini cukup senyap daripada menegur yang munasabah.

Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, baik pun daripada pihak mana dalam Dewan ini yang patut kita menegur, menegurlah; yang patut kita puji, pujilah; jangan hanya puji sahaja. Kalau kita puji sahaja, mungkin akhir-akhirnya jadi seperti di Sabah dahulu, bila masa pilihanraya di Sabah, saya pergi ke sana, pergi melawat, tengok, saya baca di suratkhbar, dengar di televisyen, di radio, semuanya kuat untuk BERJAYA 100%, sekurang-kurangnya guarantee dapat 44 kerusi. Jadi saya pergi ke kampung-kampung saya dengar, saya pada masa itu buat ramalan saya sendiri tak dapat 44, mungkin 4 sahaja. Ini telah jadi begitu oleh kerana kaca yang dalam bilik pemimpin itu hanya kaca yang sebelah sahaja, tengok diri sendiri. Itu telah disebabkan oleh kurangnya teguran, kurangnya keberanian dalam kalangan pemimpin, takut menegur, takut nanti tak dapat apa-apa. Takut menegur, sebab kalau menegur nanti tak ada projek, kalau tak ada projek undi election masa depan tak dapat diundi balik. Ini sikap yang salah.

Demokrasi masih hidup, ada. Kalau tak ada demokrasi kita tak dapat duduk di sini, benar, tetapi jangan helah yang lain yang mungkin menyekatkan demokrasi ini dilakukan, sebab kalau kita kata, oh kalau tidak undi Kerajaan, tidak ada projek. Ini sebenarnya menakutkan kepada pengundi dan ini sebenarnya bertentangan dengan prinsip demokrasi yang sebenar, sebab bila dalam pilihanraya itu adalah masa untuk semua rakyat yang telah

berdaftar dan berumur cukup mengundi ikut fikiran sendiri, tak boleh dipaksa. Rakyat kita sekarang mengetahui keadaan sebenar. 20 tahun lebih kita sudah merdeka, apa ertinya undi sekarang memang diketahui ramai. Kalau dahulu kita belum tahu apa sebab saya mengundi, kalau beri saya duit, saya undi, sekarang tidak jadi lagi. Sekarang walaupun ada duit terima dalam kocek, nanti pergi minum stout, undi lain pergi. Jadi, projek pun macam itu juga, kalau ada projek—buat, bukan untuk makan saya, projek untuk makan saya, undi pun bukan ikut panjangnya jalan, beratnya batu—tidak, sebab rakyat sudah berpelajaran, banyak yang sudah lepas bangku sekolah yang sekarang mengundi, mereka sedar semua ini. Jadi janganlah helah yang lain yang mungkin menyekat demokrasi ini dilakukan. Saya bukan sebut demokrasi ini sudah dihakis, hakisan ini mungkin tak ternampak sangat tetapi dari helah-helah ini, saya juga takut kalau dilakukan, mungkin membawa ke satu ketika kelak hakisan kepada prinsip demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berbalik saya kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari bahawa Dasar Ekonomi Baru apabila tempohnya sampai 1990 akan tamat. Saya berpendapat diri saya kemungkinan bahawa pandangan Yang Amat Berhormat itu dibuat pengumuman masa itu mungkin disebabkan lembabnya pelaburan di negara kita.

Dahulu saya pernah menyertai dalam satu lawatan ke Eropah dan di Jerman Barat dekat Bonn, di situ kita berbincang dengan Ahli Parlimen Jerman Barat.

Satu daripada anggota yang berbincang dengan kita berkata dia baru balik daripada Malaysia dan telah

menginap tiga malam di Hotel Merlin, Penang dan di situ dia telah difahamkan—oleh siapa saya tak tahu, bahawa satu halangan besar di negara Malaysia kepada pelabur-pelabur luar negara ialah Dasar Ekonomi Baru dan katanya cara-cara implementasi di bawah dasar itu. Saya tidak menjawab pada masa itu sebab saya hanya menyertai dalam delegasi itu, tetapi baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan pun sudah berkata, mungkin konteksnya saya pun tak tahu, tetapi kalau tak silap saya perkataannya berbunyi bahawa sekarang kalau pelabur-pelabur asing hendak melabur di sini, pekerja-pekerja dari luar negara pun boleh dibawa masuk dan kalau dahulunya equity participation adalah diperlukan bawa ekuiti tempatan dicampur dengan ekuiti luar dalam satu usaha, sekarang seratus peratus ekuiti luar pun boleh.

Saya menyebut ini kerana saya bimbang mungkin kita telah sekarang dalam satu simpang jalan, memandang kiri salah, memandang kanan salah. Perbelanjaan kita telah meningkat tinggi dan pendapatan kita berkurangan-kurangan dan kita perlukan pelaburan daripada luar.

Saya mohon dengan suara daripada yang sebenarnya jangan kita tergegopoh-gegopoh bila memandang hujan di langit, air di tempayan dituang, jangan dahulu. Kalau kita tengok sudah lembabnya pelaburan, kita memandang dari segi manakah kita telah belanja wang ringgit yang begitu banyak dalam berapa Rancangan Malaysia, Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan kita dalam ambang pintu kemasukan Rancangan Malaysia Kelima. Kemanakah wang ringgit yang begitu banyak telah pergi? Bukankah wang itu kalau ditanam benar-benar jadi benih sekarang sudah berhasil? Bukankah kita sudah 26 tahun merdeka dan selama ini kita telah berusaha kalau kita kerja keras

dan kerja benar-benar sekarang sudah mendapat hasil? Kalau kita melahirkan seorang bayi sekarang sudah jadi dewasa dan sudah membuat rumahtangga sendiri. Ke manakah wang ringgit itu pergi? Kita memandang ke diri sendiri dahulu sama ada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama ini dalam kita menganuti demokrasi berparlimen kita telah benar-benar membelanjakan wang ringgit yang tak besar itu tetapi bermakna. Kita pandang sekarang begitu ramai orang mengepong-ngepong untuk membina bangunan tinggi di bandar. Kerajaan pun ikut serta. Dayabumi pun ada dibangunkan.

Dalam kita membelanjakan wang ringgit negara kalau kita dari dahulu juga berjimat-cermat tidaklah kita sampai kepada keadaan sekarang di mana gaji pekerja-pekerja Kerajaan pun tak dapat kita tambah, hanya \$25 cadangan hendak ditambah. Jadi, kalau wang ini telah membawa hasil yang sepatutnya kini jangan menutup yang dahulu kita ada dan terus, kita patut buka pintu, buka tabir, buka kertas, buka buku tengok ke manakah wang itu sudah pergi dan kita bersikap daripada sekarang sikap jimat-cermat, hanya kita membuat projek dan pembangunan, belanja wang ringgit yang banyak hanya kepada kerja-kerja yang akan membawa hasil kepada negara. Jangan Kerajaan memandang hanya ada majoriti dalam Dewan Rakyat, ada majoriti dalam Dewan Undangan Negeri, jadi itu jadi satu alasan mengapa belanja sahaja, tak peduli.

Saya pandang kalau demikian kita buat walau Bank Dunia sekalipun habis.

Kita tengok di negara-negara lain seperti Mexico yang sedang terhutang kepada dunia \$80 billion lebih, kita pandang kepada negara Nigeria. Dahulu bila mereka nampak wang yang banyak akan datang daripada

jualan minyak mereka order ini, beli itu, beli ini sampai kapal-kapal di Pelabuhan Lagos tersesak, sampai simen-simen dalam kapal terus menjadi halangan kepada kemasukan dan kekeluaran kapal di pelabuhan tersebut.

Rancangan kita perlu buat tetapi dalam membuat perancangan itu menelitikan mana yang perlu, mana yang tidak. Jangan hanya memandang dari segi, oh! kita ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam kita menganuti parliamentary democracy ada satu dua undang-undang yang sekarang begitu menyekat kebebasan manusia. Satunya seperti undang-undang Internal Security Act, undang-undang keras seperti hukum mati terhadap orang yang mengedar dadah dan sebagainya. Demokrasi berparlimen membolehkan kita bertindak berperikemanusiaan. Sekarang yang akan dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Dadah Merbahaya adalah satu golongan yang besar dan kalau semua mereka itu dihadapkan dan didapati bersalah akan dihukum mati, beratus-ratus. Ini akan mungkin membawa satu yang tidak baik kepada negara kita.

Saya bukan hendak sokong ataupun 'exonerate' orang yang membuat pengedaran dadah dan sebagainya—tidak, tetapi mungkin masanya sudah tiba di mana kita memandang kepada mungkin boleh kita mengurangkan apa-apa yang dahulunya dibuat keras sebab masa itu adalah masa selepas merdeka, rakyat belum faham, banyak orang belum mengerti, jadi masa itu terpaksa pakai hukuman keras untuk buat deterrent kepada orang yang banyak, tetapi sekarang tak perlu lagi. ISA ini adalah satu halangan kepada munculnya prinsip demokrasi. Kerajaan kita sekarang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ada sekarang. Saya

percaya ianya satu orang yang jujur dan ikhlas dan pemimpin-pemimpin kita yang lain pun jujur dan ikhlas, maka saya tidak tengok mengapa masih perlu undang-undang seperti ISA yang dibuat dahulu semasa dan sebelum merdeka dan dipakai banyak tahun selepas merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengakhiri ucapan saya ini, saya tidak menyokong tidak menentang Usul Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat maklum awal-awal lagi bukankah baik.

Tuan Patrick Anek Uren: Tetapi di akhirnya iaitu akhir usul itu menyeru semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Itu saya menyokong. Saya menyokong itu sebab walaupun pihak manapun di Dewan ini sekarang perlu menyokong dan berikrar sedemikian supaya apa amanah kepada kita yang terdapat daripada menganuti sikap demokrasi ini, supaya ini bertambah kepada kita, supaya kita dapat menjaga dan mentadbirkan negara kita ini dalam suasana yang baik dan aman menurut kehendak-kehendak rakyat menerusi demokrasi berparlimen. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.12 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk bercakap bagi membahaskan usul yang dibawa oleh Wakil dari Kota Melaka. Pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa naskhah asal Peraturan Mesyuarat pada hari ini adalah kosong, naskhah asal naskhah saheh tetapi naskhah terjemahannya ada. Jadi, saya pun

hairan dan yang keduanya pula kalau katakan saya ini silap tetapi kawan sebelah sama naskhah asal kosong dan naskhah yang diterjemahkan daripada yang kosong ini ada, dalam Bahasa Inggeris ada. Itu sahaja sebagai makluman, ini sebelum saya memulakan perbahasan yang dikemukakan pada hari ini.

Pertama sekali saya amat bangga sekali apabila calon ataupun Wakil tunggal dalam Parlimen ini....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri izin?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tompang tanya apa yang kosong? Saya tidak dapat cari apa yang kosong, salinan untuk saya ada dalam Bahasa Malaysia, mungkin salinan dia khas, anih.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, salinan saya, salinan Yang Berhormat dari Batang Padang, salinan Yang Berhormat dari Sungai Petani, kosong—3 helai. Saya tidak sempat ke tempat Ketua Pembangkang kerana dia duduk di situ. Kalau tidak ada saya pergi tengok dia punya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Aturan Urusan Mesyuarat yang diberikan kepada saya ini juga kosong dalam Bahasa Malaysia seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Memang kosong.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang telah memberi sokongan kepada saya. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun sehingga detik ini masih belum faham sama ada Yang Berhormat bangun membangkang usul ataupun meyokong usul. (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya belum memulakan ucapan, ini cuma sebagai mendahului ucapan saya. Pertama sekali saya hendak menyebut bahawa Wakil tunggal dalam Parlimen ini Wakil PAS telah membenarkan dan telah menyokong Usul yang dibawa oleh DAP walaupun dia tidak sebut perkataan menyokong. Ini amat membanggakan kerana dia tidak tahu menilai di antara baik dan buruk dan dia ingin sesuatu perkara itu berlaku tanpa dalam perkiraan Kerajaan atau di dalam pengawalan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menentang Usul yang dibawa, Usul yang berbunyi seperti ini:

Bahawa Dewan ini sempena dengan ulang tahun 25 Parlimen Malaysia Memandangkan dengan beratnya hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini dan Menyuruh semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap demokrasi berparlimen di Malaysia.

Ini saya tentang kalau dia tambah terutama kepada Ahli DAP, saya sokong. Kalau dia masuk "terutama kepada Ahli DAP", boleh menyokong kerana bagi pihak kita sudah tidak ada apa-apa lagi.

Tuan Yang Dipertua, pertama sekali undang-undang ataupun perkara yang berlaku hasil daripada demokrasi berparlimen ini memang benar berpunca daripada Pembangkang. Kalau sekiranya tidak ada pencuri atau penjahat, Kerajaan tidak akan buat 'jail' dan kalau tidak

ada penagih dadah Kerajaan tidak akan buat tempat pemulihan dadah, dan kalau tidak ada Pembangkang saya rasa undang-undang demokrasi kita berjalan lebih baik dan lebih lancar daripada apa yang ada pada hari ini.

Adalah saya amat menentang keras jika sekiranya Wakil dari Pengkalan Chepa mengatakan demokrasi telah mati dan telah hancur lebih dahsyat daripada pendapat yang diberi oleh Wakil DAP. Kalau ini yang kita terima saya rasa PAS satu kerusi pun tidak akan ada dalam Dewan ini—habis. Tetapi oleh kerana adanya sekatan-sekatan, adanya peraturan-peraturan tertentu, adanya undang-undang yang dilakukan oleh Kerajaan inilah menjadikan DAP masih ada dalam Dewan ini, PAS masih ada seorang dalam Dewan ini dan Parti Bebas pun ada dalam Dewan ini dan beberapa lagi daripada pihak-pihak Parti lain yang juga ada dalam Dewan ini. Jangan kita menuduh sembarangan apabila sesuatu perkara itu tidak senang di hati kita kerana perkara yang dilakukan di dalam amalan demokrasi sekarang ini, saya rasa bagi pihak rakyat umum seperti saya sendiri tidak menjadi halangan apa-apa kerana pencuri atau penjenayah sahaja yang takut kepada Polis, orang baik serupa saya tidak takut kepada Polis. Penipu juga yang takut kepada rasuah orang tidak pernah buat rasuah dia tidak takut kepada rasuah dan orang kaya sahaja yang takut kepada perasugut ataupun perkara-perkara yang boleh membahayakan dirinya juga takut kepada income tax dan sebagainya tetapi bagi saya tidak takut kerana saya tidak ada harta.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan masalah di Lubuk Merbau kerana matinya seorang PAS—kebetulan ajal dia hendak mati di situ, ajal yang matikan orang PAS hendak mati di Lubuk Merbau semasa

berlaku pilihanraya baru-baru ini. Ini kita hendak salahkan kepada Kerajaan. Kalau tidak ada Polis, lebih ramai lagi orang PAS mati di situ bukan seorang. Ini seorang, seorang pun susah, sudah ajalnya di situ. Kalau tidak ada Polis, tidak ada pengawalan Kerajaan yang ketat, saya rasa lebih ramai orang PAS akan mati di situ kerana perbuatan dan amokan yang dibuat oleh orang PAS sendiri dan begitu juga kalau kita tidak dapat pistol jangan salahkan Kerajaan kerana kita 5 orang kalau ada ramai macam Barisan Nasional lebih dahsyat lagi, barangkali 10 orang mengguna pistol—tembak. Ini ada 5 orang tentu tidak ada. Kalau kita sedikit ini memang kita menganggap kita ini baik. Tetapi kalau ramai seperti satu masa dahulu, seperti di Kelantan dahulu semua ada pistol, dua, kiri kanan macam 'cowboy' bawa ke sana sini, bawa pistol macam 'cowboy' bukan itu sahaja bukan pistol dua, bini pun dua, tiga, empat pun ada—joli. Sebab itulah terpaksa menggadai balak dan sebagainya kerana tingkah laku mereka ini tidak serupa tindakan orang Islam yang sebenarnya.

Sampai sekarang kalau sekiranya kita tahu dalam demokrasi sekarang ini bagi pihak kita sebenarnya kita telah menjalankan peraturan yang sebenarnya. Kalau sekiranya elektrik tak masuk, kalau sekiranya sesuatu benda itu dia tak dapat, janganlah kita salahkan JKK, patut kita salahkan diri kita sendiri. Pasal apa sini tak dapat elektrik? Kerana orang inilah, orang yang menghalang daripada kemasukan elektrik ke kampung ini. Maka hendak ajar sedikit, bagi susah sedikit, biar masuk ke mahkamah. Walau maknanya hendak dapat api sampai masuk ke mahkamah. Orang UMNO tak payah masuk mahkamah dapat api kerana dia bagi, memang dia hendak, tetapi oleh kerana dia orang ini yang menghalang daripada kemajuan untuk kemasukan elektrik biar dia susah

sedikit masuk mahkamah. Orang UMNO tak ada masuk mahkamah untuk masuk api kerana dia rela api itu dinyalakan dan dia menolong segala-galanya untuk pembangunan.

Kalau ini kita hendak salahkan orang lain, memang tak betul, kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa orang-orang daripada PAS tidak payah merelai ataupun memberi, minta supaya orang UMNO akan memerintah selama-lamanya kerana kita tak seronok juga hendak memerintah selama-lamanya kalau PAS tak ada. Jadi kalau dia tak payah merelakan kita kerana dia sendiri tidak akan dapat memerintah buat selama-lamanya kemungkinan kalau dengan cara dan tindakan yang dilakukan oleh setengah-setengah daripada wakil rakyat atau setengah daripada pemimpin-pemimpin ini yang cara perjalanannya, dengan dasar perjalanannya sekarang dalam masyarakat kita hari-hari ini, perjalanannya dalam masyarakat hari-hari ini tidak mengikut lunas-lunas dan peraturan yang dikehendaki oleh orang Islam. Kalau orang Islam mahu bertegur sapa, orang Islam mahu berbaik-baik, kalau orang Islam mahu bersatu padu tetapi tindakan yang sebaliknya dilakukan oleh golongan ini. Maka golongan ini bercakap tidak serupa bikin. Apabila bercakap tidak serupa bikin, Kerajaan tidak akan mengikut apa yang dikatakan oleh Pembangkang PAS seperti mana yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang berlaku kepada kita, jangan kita salahkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Sebagaimana Kerajaan telah beberapa kali menyebutkan bahawa DEB mengimbangkan di antara yang tidak berada kepada yang berada, hendak mengimbangkan. Dan kita tidak perlu dengar apa orang lain kata, kita tidak perlu dengar apa orang Jerman kata, kita tidak perlu dengar orang Jepun kata dan kita tidak perlu

dengar orang Arab kata, takut kata Jepun tak kena pula, orang Islamlah kita tak perlu dengar orang Islam kata, tetapi kita buat apa yang kita boleh buat untuk kebaikan kita. Itu yang penting bagi kita, kita buat apa yang boleh mendatangkan kebaikan kepada kita, kepada kita di antara semua kaum dalam negara ini. Kerana beberapa kali kita telah menegaskan bahawa golongan kaya tidak akan senang hidup kalau masih ramai orang miskin yang ada dalam negara ini walaupun harta berjuta-juta ringgit dan orang miskin tidak akan senang hidup kalau dia tidak akan dapat merampas harta daripada orang kaya tadi. Merampas ertinya akan merompak, akan mencuri, akan memeras ugut harta orang kaya tadi.

Jadi apakah keadaan ini kita sanggup berlaku dalam negara kita dengan DEB tidak seimbang, dengan DEB yang akan memberi keuntungan satu pihak lagi?

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing kita mahu asalkan ianya tidak akan merosakkan keamanan dan keharmonian di dalam negara kita kerana orang-orang tua pernah berkata, bukan perumpamaan dahulu, perumpamaan yang baru: Mati semut kerana gula. Kita tidak mahu negara kita mati, negara kita jahanam kerana ekonomi negara kita yang ditiru daripada Barat, yang ditiru dari negara-negara lain yang tidak sesuai dengan keadaan masyarakat majmuk dalam negara kita ini. Orang tua-tua pernah berkata: Mati semut kerana gula. Hancur negara ini kerana ekonominya tidak seimbang, yang meniru daripada Barat, yang diambil daripada negara lain. Apakah kita sanggup mati dan hancur dengan dasar ekonomi yang diciptakan oleh negara lain? Ini adalah mustahak kita pertimbangkan sebelum kita menyatakan bahawa DEB ini tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usul yang dibawa oleh Pembangkang daripada Kota Melaka, dia menyebutkan banyak perkara yang bukan-bukan yang tidak sepatutnya dibangkit dalam Dewan ini. Dia hendak membangkitkan perkara yang dia tidak dapat, usul dia tak dapat bincang, hak dia masa hendak bercakap tak dapat, banyak hendak bercakap banyak, lima orang hendak bercakap banyak. Yang lain beratus orang tak hendak bercakap banyak? Kalau lima-enam orang hendak bercakap banyak, apa hal puak kita ini? Rakyat pilih juga, kita ini bukan menang sahaja, rakyat pilih dalam pilihan raya, kita pun hendak bercakap juga. Kalau hendak bagi dia cakap panjang, kalau hendak bagi usul dia, apa hal usul Kerajaan kita? Kerana kalau inilah yang kita persoalkan bahawa demokrasi tidak ada, ataupun hakisan demokrasi akan habis bahawa sebagaimana saya kata tadi ini adalah satu tuduhan yang tidak adil dan tidak sepatutnya dilemparkan sebagai Ketua Pembangkang yang ada dalam Dewan ini kerana dalam Dewan ini kita memberi hak sama, cuma kalau percakapan itu berulang beberapa kali, saya rasa saya memang menyokong supaya Kerajaan tidak akan memberikan ucapan-ucapan, tambah ucapan-ucapan penangguhan yang biasa kita dengar, kita tahu apa dia orang hendak cakap. Walaupun dia doktor, walaupun dia loyar, kita tahu apa yang dia cakap. Dia doktor bukan bercakap hal doktor, dia bercakap hal lain yang dia tak tahu, dia tak pernah bercakap hal doktor dan kalau dia loyar pula dia bercakap benda hak dia hendak belit, bukan bercakap benda benar.

Jadi kalau sudah tahu macam itu, buat apa Kerajaan membenarkan pihak Pembangkang bercakap dan pihak kita pun tidak sebodoh yang disangkanya. Kita tahu apa yang mereka hendak cakap. Jadi selama kita tahu pendapat-pendapat yang

dicurahkan oleh Pembangkang lebih banyak merugikan kepada negara daripada menguntungkan kepada negara. Dari segi lahir kita nampak dia ini jujur tetapi dari segi hakikatnya tidak sejujur yang diucapkannya itu kerana ucapannya itu adalah mempunyai tujuan-tujuan yang sebaliknya yang boleh memecah belahkan masyarakat, yang boleh memecahkan perpaduan orang-orang China sendiri, yang boleh memecahkan perpaduan kaum di antara China, India dan berbagai kaum yang lain dengan matlamat supaya semua penyokong DAP, itu sahaja.

Walaupun beberapa kali disebutkan dalam kertas ucapannya ini bahawa Parlimen ini sebagai rubber stamp, Parlimen ini telah mengikut keputusan yang dibuat oleh orang lain, oleh Eksekutif dan oleh Kabinet tetapi buat apa rebut-rebut hendak masuk jadi calon, hendak masuk jadi Ahli Parlimen? Tak payah masuklah, sudah tahu macam itu. Kerana apa yang kita buat sekarang ini berdasarkan dengan undang-undang dan peraturan yang ada dalam negara kita. Kita membentuk apa yang ada, apa yang sepatut kita buat. Kalau sudah tahu Parlimen ini rubber stamp buat apa masuk? Bagi kita tak rubber stamp, bagi Pembangkang menganggapkan rubber stamp, tak payah masuk, tak payah calon, buat habis duit, baik berniaga. Senang. Berniaga, senang, duit pun banyak boleh dapat. Ini duduk susah-susah hal orang lain buat apa?

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita dengar wakil dari kepong, dia baca cerita ada dalam suratkhobar semua dia baca di sini. Seolah-olah macam kita ini tak pernah baca suratkhobar. Dia bangkit bahawa apa yang berlaku di Sabah seolah-olah macam berlaku masa 13 Mei dahulu. Sebenarnya kalau Kerajaan hendak buat apa sahaja pun dia boleh tetapi

demi memberi keadilan Kerajaan lakukan sebagaimana sekarang. Yang susah Kerajaan buat sebagaimana yang dikehendaki membenarkan Kerajaan majoriti menubuhkan Kerajaan, masih tak puas hati.

Kalau ada orang lain yang cuba hendak merampas kuasa negeri itu, apakah itu satu kesalahan Kerajaan Barisan Nasional yang ada? Kalau salah satu pihak, kalau ada bom penjahat dan penjenayah, apakah Kerajaan kita yang hendak disalahkan? Pihak Kerajaan memang sentiasa mengawasi, ada Polis sebagainya. Adakah minta Perdana Menteri pergi siasat sama. Semua puak-puak Menteri pergi siasat, bom sebiji. Adakah ini dikata ambil berat? Kalau tidak ada kerja lain, boleh. Memang Pembangkang kalau tidak ada kerja lain, boleh pergi siasat buat cerita dalam Dewan ini. Tetapi Kerajaan banyak lagi urusan-urusan lain yang mesti difikirkan demi untuk kepentingan kita bersama. Janganlah kita menganggapkan bahawa apa yang berlaku di Sabah itu sebagai satu sokongan Kerajaan walaupun kita tahu parti Kerajaan kalah di kawasan itu. Kita mengakui bahawa parti Kerajaan, parti Barisan Nasional yang menyokong di sana kalah dalam negeri itu. Tetapi apa yang berlaku di situ, apakah hadirnya daripada Kerajaan. Inilah yang patut kita kaji, jangan kita bangkit-bangkit. Ini belum lagi DAP menang, baru PBS menang, dan beria-ia benar dalam Dewan ini timbul seperti tak ada cakap lain. Kalau DAP menang, rasa 13 Mei pula kita, berarak-arak. Hari itu PEKEMAS, berarak-arak, menonjol kerana sana-sini, bongkar, orang Melayu balik kampung. Ini ayat yang timbulkan. Tetapi di sana tidak berlaku seperti ini. Maka kita membenarkan apa yang berlaku. Hak majoriti dihormati, kerana mereka ini tidak bongkak, tidak sombong. Tetapi Peristiwa 13 Mei tidak akan melupakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya keadaan ini hendak diungkit-ungkit bahawa ini sebagai satu pencabulan kepada demokrasi maka adalah sebagaimana saya katakan tadi orang yang bercita-cita benar untuk melakukan sesuatu yang kurang baik, untuk melakukan sesuatu pencerobohan ataupun keadaan yang tidak sihat dalam negara ini sahaja yang mahukan itu dan ini, mahu mengadakan rapat umum, mahu mengadakan sesuatu.

Misalnya, membangkitkan Perdana Menteri pernah mengadakan rapat umum, pernah mengadakan ini. Kalau sekiranya Perdana Menteri mengadakan rapat umum, takkanlah Pembangkang kita suruh ada rapat umum juga. Sudahlah Polis kita tidak cukup. Perdana Menteri mengadakan rapat umum dia ada Polis jaga dengan kawalan yang cukup. Tetapi di dalam keadaan rapat umum Perdana Menteri itu DAP pula buat satu rapat umum lain. Mana Polis kita hendak cari lagi. Kalau kita bentuk satu Polis yang ramai dalam negara kita ini, rasa pula Kerajaan membazirkan wang untuk menubuhkan pasukan Polis dan tentera yang begitu banyak. Sebagaimana Wakil dari Padang Rengas sebutkan tadi, buat salah, tidak buat pun salah. Semua tidak betul. Sebab kerjanya memang membangkang. Tidak ada sesuatu yang betul yang dibuat oleh Kerajaan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membangkang usul yang dibawa Wakil dari Kota Melaka ini telah mengatakan bahawa dengan sokongan yang dibuat oleh Wakil daripada Kepong bahawa eksekutif kehakiman dan perundangan mesti diasingkan. Kita sudah buat dan kita telah laksanakan perkara ini. Tetapi semuanya itu harus diselaras, disesuaikan dengan kepentingan negara kita. Negeri China pun tidak buat serupa ini, India tidak buat

serupa ini, Arab tidak buat serupa ini. Tidak pernah orang sebut diktator dalam negara kita. Tidak pernah kita mencaci negara tersebut sebagai diktator. Tetapi yang kita buat sekarang ini dikatakan diktator kerana tidak boleh sekehendak hati. Memang kita dilahirkan di dunia ini bebas, tetapi tidak sebebaskan yang kita duduk dalam hutan. Duduk dalam hutan kita boleh telanjang, melompat, melaung.

Di sini melaung tidak boleh, orang tangkap hantar ke Tanjung Rambutan. Telanjang lagi orang tangkap, hantar ke Tanjung Rambutan juga. Pergi duduk dalam hutan, duduk di pulau, kita telanjang, kita melaung demokrasi, demokrasi kita laungkan. Inilah demokrasi tulin, baru betul.

Apabila kita duduk dalam masyarakat majmuk yang berbilang kaum, dalam masyarakat ini sudah tentu kita tidak akan sebebaskan yang dikehendaki oleh Wakil dari Kota Melaka dan juga daripada Pembangkang-pembangkang yang lain, kerana kebebasan di dalam sebuah negara itu mesti ada had-hadnya. Dan kita mestilah mendengar suara majoriti. Kalau kita hendak masak nasi, semua orang kata, kena bubuh air sedikit, minoriti kata, bubuh air banyak. Bubuh air banyak, nasi jadi bubur. Inilah suara minoriti yang kita hendak dengar. Sesuatu perkara yang Kerajaan lakukan hendaklah mengikut suara majoriti. Jangan mengikut suara minoriti, suara kecil yang tidak perlu kita dengar, kerana kalau kita mendengar suara kecil macam nasi akan menjadi bubur. Kalau kita kata bubuh air sedikit, baru nasi itu keras, elok. Tidak bubuh air banyak pun boleh, jadi nasi kata dia. Nasi bubur kata dia. Tetapi kita tidak panggil nasi. Kita panggil nasi sudah menjadi bubur. Sesuatu perkara yang tidak boleh kita baiki lagi kalau kita mengikut suara minoriti atau suara

kecil yang memang menyuarakannya mengikut kepentingannya kerana mereka suka makan bubur.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan yang diberi oleh Wakil dari Kepong juga bahawa pemerintahan ke atas media massa, surat-suratkhabar tempatan disekat dengan teruk sehingga suara pihak Pembangkang jarang disiarkan kecuali yang buruk, yang sengaja diburukkan imej parti Pembangkang. Ini baik, kalau kita keluarkan semua percakapan DAP, negara kita sudah menjadi bubur, sudah jadi hancur. Saya minta supaya Kerajaan memilih sedikit terutama suratkhabar The Star pilih sedikit, kawan saya sudah sebut, itu sudah bagus. Saya tidak mahu ulang seperti apa yang disebut oleh rakan saya daripada Balik Pulau. Kalau semua kita masukkan ucapan-ucapan dan juga seruan-seruan yang dibuat oleh DAP dalam suratkhabar, negara kita akan menempah keadaan yang tidak seimbang sebagaimana yang ada pada hari ini. Perkara ini bukan boleh cuba tetapi DAP kata cubalah buat. Hendak tengok bolehkah tidak. Perkara ini tidak boleh cuba. Kalau kepada Wakil dari Kota Melaka seorang, kita boleh cuba, kalau mati, mati dia seorang.

Tetapi kalau cuba benda ini kepada masyarakat, apabila ada beratus-ratus rakyat akan mati, pertumpahan darah, maka Kerajaan ini salah. Kalau kepada Wakil Kota Melaka seorang kita boleh cuba kerana dia seorang sahaja yang mati. Tetapi kalau kepada rakyat, pentadbiran negara, sistem pemerintahan, dasar Kerajaan tidak boleh dicuba sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Pembangkang. Kita hendaklah membuat sesuatu itu berdasarkan pertimbangan dan juga pemikiran-pemikiran pemimpin kita yang sihat ini, pemimpin yang mementingkan kepentingan rakyat daripada kepentingan perseorangan atau

kepentingan satu pihak minoriti yang kita anggapkan pihak minoriti ini yang tidak mendapat sokongan daripada rakyat, walaupun dia menang dalam pilihanraya kerana kita hendak suruh ada sahaja, boleh juga dengar suara-suara sumbang, kalau tidak kita tidak pernah dengar. Dan dalam Parlimen ini pun kalau DAP tidak ada, kita boleh menentang Kerajaan.

Kita boleh membahaskan perkara-perkara yang Kerajaan tidak buat, yang tidak betul tetapi kalau DAP timbulkan perkara tidak betul, kita timbulkan perkara yang tidak betul, tidak ada beza kita dengan DAP. Kita Barisan Nasional, dia DAP. Dia pula pihak DAP ini dia tidak pernah keluarkan benda yang betul, dia tidak pernah puji benda yang baik. Kalau harap dia hendak puji, kalau kita tidak puji siapa hendak puji. Ini sebenarnya. Bukan kita tidak tahu apa yang berlaku dalam Kerajaan, bukan kita tidak tahu apa yang berlaku dalam DAP tetapi kita tidak mahu hipokrit, membuat sesuatu perkara itu untuk kepentingan yang lain, bukan untuk kepentingan ramai. Walaupun beberapa kali masalah BMF ini ditimbulkan dalam Dewan ini masih tidak puas, masih meragui tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan.

Kalau Kerajaan bertindak sebagaimana pernah saya katakan untuk menyelesaikan masalah BMF ini sebagaimana kita menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan rusak. Dan jangan kita mendengar, jangan cuba pihak Pembangkang hendak mengajar itik berenang atau mengajar harimau makan daging kerana apa yang dibuat oleh Kerajaan, apa yang dibuat oleh kita tidak perlu pihak Pembangkang mengajar, kita boleh buat apa yang kita hendak buat. Tetapi kalau kita mengikut apa yang dikatakan oleh pihak Pembangkang maka kita akan jadi sokong membawa rebah, kerana sesuatu yang dikeluarkan itu tidak

akan menguntungkan kita, tidak akan menguntungkan parti kita, senang cagak sedikit, tidak akan menguntungkan pihak Barisan Nasional kerana kalau menguntungkan Barisan Nasional bererti menguntungkan rakyat, menguntungkan majoriti yang diberi kuasa kepada rakyat. Ini perlu kita pertimbangkan. Apa kita takut hendak sebutkan bahawa pernah dikatakan beberapa kali bahawa DAP boleh buat itu, DAP boleh buat ini kerana dia tidak pernah buat.

Saya boleh kata, saya boleh buat roket. Cuba bagilah saya buat roket dan hendak tahu tengok. Semua kita kata kita boleh buat. Semua kita kata boleh naik ke langit dan sebagainya kerana kita tidak pernah naik ke langit, kalau suruh buat tidak jadi, itu jawapannya, tidak dapat hendak kata, payah apa. Inilah keadaan yang disuarakan oleh pihak Pembangkang sehingga menyebutkan bahawa demokrasi berparlimen ini merupakan hakisan-hakisan yang akan habis tetapi sebaliknya dengan undang-undang dan peraturan yang ada inilah yang akan menegakkan demokrasi berparlimen dalam negara ini. Kalau tidak ada peraturan, tidak ada sekatan-sekatan kepada Pembangkang, kalau tidak ada sekatan-sekatan kepada suara minoriti dalam negara ini, saya rasa demokrasi berparlimen yang ada sekarang tidak akan teguh dan tetap ataupun akan hidup sampai hari ini dan juga sampai satu masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lumut.

5.44 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar alasan-alasan yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang semalam mengenai apa yang dikatakan hakisan demokrasi berparlimen, adalah wajar

jika kita merenung sedikit sebanyak sejarah Parlimen Malaysia semenjak ia dilahirkan berikutan kemerdekaan pada tahun 1957 dan kemudian membuat perbandingan di antara penggal-penggal Parlimen yang lepas dengan amalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik kerana berpeluang melihat evolusi demokrasi Parlimen Malaysia kita dari dekat. Ini disebabkan mulamulanya saya berkhidmat dalam Perkhidmatan Parlimen pada hujung tahun 60an iaitu zaman Tunku Abdul Rahman sebagai seorang kakitangan di Parlimen. Akibat pembubaran Parlimen berikutan dengan pilihanraya umum pada tahun 1969 saya tidak membuangkan masa terluang pada waktu kerja sebenarnya dengan tujuan memahami secara mendalam institusi Parlimen kita, saya membaca hampir semua Penyata Rasmi Parlimen yang melibatkan tempoh masa tahun 1957 hingga tahun 1969, lebih daripada itu saya telah pun membaca rekod-rekod terhadap perbincangan dalam Federal Legislative Council yang digantikan oleh Parlimen ini pada tahun 1957. Jadi secara ringkas pada tahun-tahun 60an ada parti-parti Pembangkang seperti Parti Buruh, Parti Progresif Rakyat, Parti PAS, PAP dari Singapura dan lain-lain. Pemimpin-pemimpinnya tidak segan mencaci Kerajaan dengan tujuan memancing undi (playing to the gallery). Tetapi nampaknya pilihanraya umum tahun 1969 hingga sekarang skenario parti politik parti Pembangkang kita sudah berubah, parti DAP dan parti PAS muncul sebagai jaguh-jaguhnya.

Kalau dibandingkan kedua-dua zaman saya tidak nampak ucapan-ucapan atau unggaan-unggaan yang digunakan oleh parti-parti Pembangkang sekarang adalah kurang tajam, sebaliknya cara penyampaian kritikan mereka adalah lebih

sofistikated. Jadi, soalnya yang penting ialah apakah prinsip-prinsip dan amalan demokrasi yang wujud sekian lama ini tidak dapat menemui kehendak masyarakat berbilang kaum kita. Disebabkan demokrasi-demokrasi lain tidak memenuhi kepada kehendak Kerajaan (not responsive to the needs of the people), maka rusuhan berlaku di negara-negara tertentu. Tetapi track rekod Kerajaan Barisan Nasional membuktikan amalan-amalan demokrasi sekarang dapat menghindarkan berlakunya huru-hara yang begitu mudah dicetuskan dalam sebuah masyarakat majmuk. Sebaliknya, kalau amalan demokrasi kita sudah usang maka tidaklah hairan tiap-tiap tahun kita ditimpa oleh peristiwa-peristiwa yang serupa atau lebih teruk daripada Mei 13 tahun 1969. Dalam ertikata lain, hakikat bahawa ketenteraman negara kita dapat berkekalan adalah bukti yang nyata amalan demokrasi selama ini adalah sesuai dan kena.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya, amalan demokrasi kita sentiasa dieksploitasikan oleh parti Pembangkang bagi mengelirukan pengundi-pengundi kita. Pemimpin-pemimpin parti Pembangkang memang sedar akan sistem parti Barisan Nasional yang mana semua anggotanya adalah terikat kepada pendirian Kerajaan dalam semua isu, tetapi pihak DAP begitu ghairah mencabar ahli-ahli Parlimen MCA, Gerakan, SUPP dan MIC yang berketurunan Cina dan India untuk menyokong isu-isu tertentu yang dipermain-mainkan baik dalam Dewan atau di luar Dewan ini. Bagi rakyat jelata yang kurang faham terhadap sistem parti ini, Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan dicap sebagai menjual hak-hak bangsa mereka. Dewan ini kerap kali menampakkan penggunaan taktik ini yang digemari oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat dari parti memerintah, saya memang ada sungutan terhadap ketidakadilan yang dipikuli oleh anggota-anggota parti Kerajaan. Ada satu perbezaan yang amat ketara di antara Wakil-wakil Rakyat parti Kerajaan dengan Wakil-wakil dari parti Pembangkang iaitu kami terpaksa betul-betul berkhidmat. Kami selalu terpaksa memikul masalah-masalah yang melibatkan peringkat Kerajaan Negeri, peringkat Tempatan hinggalah Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menyeru jangan menjadikan Ahli-ahli Parlimen sebagai pegawai-pegawai kebajikan.

Sebenarnya bagi kebanyakan wakil-wakil dari parti Pembangkang mereka mengutamakan berkhidmat melalui kenyataan-kenyataan akhbar atau sidang-sidang akhbar, mereka tidak payah buat apa-apa, jadi tidak ada apa-apa yang salah cuma mengkritik sahaja. Jadi saya ingat ketidakadilan ini banyak menguntungkan parti-parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan komen-komen tersebut di atas, saya tidak dapat menyokong usul yang dikemukakan oleh Ahli dari Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri Kesihatan.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menentang Usul Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang mendakwa berlakunya hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini di Malaysia.

Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang merupakan usul yang tidak berasas dan nampaknya hanya ditimbulkan di

sini kerana beliau kecewa di dalam politik berparlimen. Usul ini lebih merupakan satu usaha pihak Pembangkang mengelirukan rakyat negara kita dan memancing undi. Perkara-perkara dan hujah-hujah mereka itu telah kita dengar di Dewan ini beberapa kali dan segalanya telah pun ditolak; ditolak bukan sahaja di Dewan ini tetapi juga oleh rakyat kita dalam pilihanraya demi pilihanraya.

Ahli-ahli Pembangkang termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kuching telah mengatakan bahawa Parlimen telah dikongkong dan diperalatkan untuk kepentingan parti yang berkuasa. Saya amat hairan dengan tuduhan ini. Nampaknya Ahli-ahli itu tidak memahami ataupun tidak mahu menerima sistem demokrasi berparlimen secara Westminster yang kita menggunakan.

Dalam sistem berparlimen itu parti yang menang kebanyakan kerusi Parlimen menubuhkan Kerajaan dengan mendirikan sebuah Kabinet yang mentadbir negara dan bertanggungjawab dalam perkara itu kepada Parlimen. Di Parlimen perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran negara itu disoal, dijelaskan serta undang-undang yang hendak dikuatkuasakan dikemukakan di Parlimen untuk mendapat pandangan dan kelulusan Parlimen itu. Suara rakyat sentiasa dihormati di Parlimen melalui wakil-wakil rakyat. Ahli-ahli Kabinet itu juga duduk sebagai Ahli dalam Parlimen dan menjadi sebahagian dalam Parlimen itu.

Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, apa-apa peruntukan di dalam Perlembagaan kita ataupun dalam amalan sistem demokrasi pada amnya yang berkehendakkan kuasa itu, iaitu kuasa mentadbir negara, diberi kepada Pembangkang ataupun kepada referendum rakyat di dalam tiap-tiap dasar, undang-undang ataupun

tindakan yang Kerajaan mencadangkan itu. Pilihan yang rakyat kita membuat dengan memilih sebuah parti majoriti adalah merupakan kepercayaan dan confidence mereka terhadap parti itu dan pemimpin-pemimpin itu untuk menjalankan pentadbiran negara. Pilihanraya itu mestilah diterima dan dihormati oleh parti Pembangkang juga yang tidak dapat sokongan yang cukup dan kalah dalam pilihanraya. Parti Pembangkang tidak mempunyai hak ataupun peluang untuk mengatakan bahawa rakyat yang memilih itu bodoh atau tersilap. Suara rakyat itulah yang menjadi sovereign atau pendaulat dalam sistem demokrasi berparlimen kita.

Sebuah Kerajaan yang menghindar suara rakyat itu tidak akan diberi mandat lagi dalam pilihanraya yang berikutnya. Tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dan juga Kerajaan-kerajaan sebelumnya telah melaksanakan tanggungjawabnya berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan-amalan demokrasi berparlimen seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan negara kita yang saya menghuraikan tadi.

Sebagaimana kita sedia maklum demokrasi meletakkan kuasa memerintah dan haluan negara di tangan rakyat yang bebas memilih corak kepimpinan dan pemerintahan yang mereka suka melalui pilihanraya. Kita berbangga bahawa tonggak amalan demokrasi ini telah dilaksanakan dengan bebas sejak merdeka lagi. Setahu saya tidak ada sebarang tanda tanya yang timbul dan hakisan prinsip-prinsip demokrasi berparlimen yang diutarakan itu adalah semata-mata timbul dalam pemikiran pihak Pembangkang sahaja.

Oleh yang demikian saya tidak fikir wajar kita sebagai rakyat Malaysia perlu berikrar semula "commitment"

kita sebagaimana yang diusulkan itu. Commitment itu memang telah wujud dan dikekalkan di Malaysia. Peti undi kita yang merupakan rahsia keputusan rakyat tidak pernah dipertikaikan kesahnehannya atau integrity, dengan izin, oleh mana-mana pihak sekalipun. Ini dengan jelas membuktikan bahawa rakyat di negara kita diberi kebebasan penuh dalam mengamalkan hak-hak demokrasi mereka.

Salah satu daripada bukti yang sangat jelas adalah pilihanraya di Sabah baru-baru ini. Tidak ada apa-apa sebab untuk apa yang jadi di Sabah itu ditonjol sebagai hujah untuk mengatakan bahawa demokrasi berparlimen telah terjejas. Saya rasa di Sabah kita mendapat satu lagi bukti dan reassurance bahawa demokrasi berparlimen masih kukuh dan hidup sihat di negara kita.

Memang benar Kerajaan telah menganulkan Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA di mana Kerajaan diberi kuasa oleh Parlimen untuk menahan seseorang tanpa terlebih dahulu dibawa ke mahkamah. Kalaulah ini dijadikan hujah oleh pihak Pembangkang untuk membuktikan bahawa prinsip demokrasi sedang terhakis di Malaysia, nyatalah bahawa hujah ini terlalu lemah, kerana falsafah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu adalah bertujuan untuk menjamin teras-teras demokrasi di negara ini tidak diganggu gugat oleh anasir-anasir yang berpura-pura berjuang demokrasi itu sendiri atau berpura-pura berjuang untuk menegakkan kebebasan demokrasi itu sendiri. Mereka cuba dan berniat untuk menghancurkan amalan demokrasi.

Begitu juga dalam dasar persuratkhbaran. Kerajaan sentiasa bersikap adil dan liberal terhadap semua suratkhbar di negara ini.

Pihak Pembangkang mestilah menerima hakikat bahawa Kerajaan mempunyai tanggungjawab kepada rakyat bagi menjaga keamanan, kebebasan dan perpaduan rakyat dari ancaman golongan-golongan yang ganas yang cuba menimbulkan huru-hara yang boleh menghancurkan harmoni masyarakat, cara hidup dan kemajuan yang telah kita bina selama ini. Rekod Kerajaan dalam perkara ini bolehlah dibanding baik dengan sejarah negara-negara yang membangun di dunia kita.

Kalau pihak Pembangkang memaksudkan demokrasi itu ialah satu kebebasan yang mutlak, saya mencabar mereka untuk namakan satu negara di dunia ini yang mengamalkan kebebasan seperti itu. Saya tidak menafikan bahawa kebebasan mutlak itu boleh dijadikan sebagai satu bandingan kepada kita untuk mengukur sejauh mana kita berjaya dalam usaha kita mempertahankan keadaan itu. Satu-satu "departure", dengan izin, daripada keadaan itu haruslah dijustifikasikan dengan alasan dan asas yang kuat. Ini kita telah cuba menunaikan seboleh-bolehnya selama 27 tahun ini. Tetapi, "departure" yang terpaksa dibuat itu tidak patut dijadikan sebagai asas yang munasabah untuk mengatakan bahawa kebebasan telah terhakis sehingga telah dihapuskan di negara kita seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari parti PAS itu. Itu adalah tidak wajar sama sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa kita mesti juga menghapuskan Dewan Negara kita. Beliau telah mengatakan bahawa Dewan Negara itu adalah satu "rubber stamp" semata-mata dan tidak menjalankan, dengan izin, "review of legislative procedure or legislation purpose", seperti diharapkan. Saya tidak tahu bagaimana Ahli Yang Berhormat itu mengenali Dewan Negara kita. Beliau tidak melawat ke

sana atau menghadirinya pada satu hari pun. Komposisi Dewan Negara itu tertakluk kepada lantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pilihan Dewan-dewan Undangan Negeri. Jika seumpamanya ada Dewan Negeri dalam kuasa Pembangkang, Ahli-ahli Dewan Negara juga akan mempunyai Ahli Pembangkang. Kita tidak boleh menyalahkan Dewan itu jika DAP tidak dapat menguasai sebuah Dewan Undangan Negeri pun. Tambahan kepada itu, kita sebagai Menteri-menteri lebih tahu tentang kuasa dan tindakan Dewan Negara. Di Dewan itu juga kita disoal tiap-tiap hari, ditegur dan dicadangkan beberapa idea mengenai dasar dan undang-undang dan pentadbiran negara. Dewan Negara adalah sebuah Dewan yang pada amnya memainkan peranan yang disyaratkan kepadanya dalam Perlembagaan kita. Kita tidak dapat menerima cadangan yang dibuat itu untuk menghapuskan Dewan Negara yang menjadi sebahagian daripada struktur dan sistem Parlimen kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengikut jejak langkah ketuanya juga. Selain daripada hujah-hujah yang agak sama, beliau telah menuduh bahawa pihak Kerajaan telah menggunakan perkara korum untuk menghalang Ahli-ahli Pembangkang. Saya sangat terperanjat mengenai tuduhan beliau ini. Laporan Hansard Parlimen kita ini boleh membuktikan dengan sejelas-jelasnya bahawa Parti DAPlah yang sentiasa menggunakan isu korum ini untuk menghalangkan Kerajaan, bukan sebaliknya.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, yang suka berbunyi, sekarang boleh bunyi juga. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak membangkitkan Peraturan Mesyuarat atau minta izin?

Tuan Sim Kwang Yang: Minta izin.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri izin.

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa ada sedap untuk dia dengar ini. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching di antara lain telah menjadi pakar korum dan kerap kali telah menjadi ahli DAP yang tunggal yang duduk di Dewan ini hanya untuk mengira korum. Setiap kali loceng korum dibunyikan di atas permintaan beliau ini, Ahli-ahli Kerajaan telah terpaksa masuk balik ke Dewan dari lobi-lobi Parlimen di mana mereka selalu menunggu dan berbual-bual. Saya harap beliau sedar, beliau dari Kepong, sedar tentang apa yang berlaku sebenarnya, kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu jarang duduk di bangku beliau dalam Dewan.

SKANDAL BMF

Skandal BMF telah disebutkan dengan panjang lebar dalam perbahasan ini juga. Parlimen ini telah banyak berpeluang untuk membincangkan isu ini dan adalah jelas dan nyata bahawa pihak Kerajaan telah tidak dan tidak akan mempertahankan sesiapa pun dalam perkara ini. Pihak DAP tidak usahlah memikirkan bahawa merekalah yang menjadi jaguh dalam perkara yang malang ini. Pihak Kerajaan telah berkali-kali menerangkan bahawa mereka yang terlibat akan dihadapkan di mahkamah dengan bukti yang cukup. Kita tidak boleh melupakan bahawa Kerajaanlah yang menganjurkan penubuhan Jawatankuasa Siasatan Tan Sri Ahmad Noordin dan Kerajaanlah yang menganjurkan laporan kejadian ini kepada pihak Polis di Hong Kong di mana mereka harus dibicarakan. Jika langkah-langkah itu tidak berhasil, Kerajaan memang akan memikirkan tindakan lain yang wajar untuk

mendapatkan keadilan dalam perkara ini. Kerajaan tidak boleh memainkan drama, bermain drama dengan isu ini, seperti yang sentiasa dibuat oleh parti DAP. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang lebih berat untuk menentukan bahawa apa juga tindakan yang diambil ianya adalah berasas dan wajar di dalam system rule of law di negara kita.

Isu BMF itu adalah terlalu besar untuk kita berpura-pura dengan kata-kata dan tindakan yang tidak akan berhasil. Sistem demokrasi berparlimen kita akan menjadi bahan ketawa dunia jika kita berbuat demikian. Justru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai apa-apa syak bahawa usul Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya rakyat membuat ikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di negara kita dan untuk menubuhkan sebuah Select Committee di atas perkara itu adalah tidak perlu dan mempunyai motif politik yang nyata sekali. Oleh yang demikian, saya menyeru Dewan yang mulia ini untuk menolak usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput pembawa usul Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang menjawab serta menggulung perbahasan.

6.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada mulanya saya mahu mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan oleh kerana rela mengadakan satu perbahasan yang menunjukkan bahawa kita di sebelah sini rela memuji apabila ada perkara untuk dipuji sungguhpun kita tidak boleh mempersetujui dengan beberapa pandangan yang ada dikemukakan.

Semalam Yang Berhormat dari Ulu Muda ada mencabar saya untuk menjelaskan dalam Parlimen mengapa kes saman malu Esso telah diselesaikan

di luar mahkamah dan dengan itu menyindirkan bahawa saya mempunyai motif-motif yang tidak murni atau sebab-sebab yang saya tidak berani mengemukakan kepada khalayak ramai. Sebagai serangan Ahli Yang Berhormat itu adalah yang terbaru sekali dalam satu siri kempen yang dicipta dan dilakukan oleh sekurang-kurangnya lima kumpulan atau parti politik untuk cuba memburukkan saya dan merosakkan reputasi dan kredibiliti saya.

Kami mendapati bahawa menjelang setiap pilihanraya umum terdapat satu kempen teratur dan berterusan yang dijalankan untuk menghancurkan kredibiliti, reputasi dan imej politik pemimpin-pemimpin DAP dengan harapan bahawa ini akan membawa kekalahan kepada DAP dalam pilihanraya umum akan datang. Ini pernah berlaku sebelum pilihanraya umum tahun 1982 dan kini boleh juga berlaku kerana pilihanraya umum akan datang sudahpun menghampiri. Tetapi kali ini mencaci dan mencemarkan serta "character assassination" adalah lebih "high powered" oleh kerana bukan sahaja satu tabung khas ditubuhkan menjalankan kempen ini di seluruh pelusuk negara seperti menampalkan poster-poster yang tidak dikenali penulis atau penerbitnya di beberapa bandar malah kempen ini juga telah dibawa ke Parlimen sekarang. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda adalah seorang yang berperinsip dan mempunyai kehormatan. . . .

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Dia takut.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, kita tengok. Beliau seharusnya bertanggungjawab dan berani untuk menyatakan apa yang beliau fikir sebagai motif-motif yang tidak murni yang telah membawa ke arah penyelesaian kes saman malu Esso di luar mahkamah dan bukanlah berlagak sebagai kuda tunggangan pakatan tidak suci sekurang-kurangnya 5 kumpulan politik itu yang bertujuan memburukkan reputasi saya.

Beliau harus berani untuk menyoal secara terbuka kewibawaan politik saya dan bukan berselindung di sebalik keistimewaan Parlimen dengan membuat sindiran-sindiran untuk mengipas kempen memburukkan saya yang dijalankan di luar Dewan ini. Saya mencabar Yang Berhormat dari Ulu Muda untuk menyatakan secara terbuka di dalam Dewan ini apa yang dibisik-bisikkan di luar sebagai sebab-sebab yang membawakan penyelesaian kes Esso di luar mahkamah iaitu yang saya telah diberi beberapa juta ringgit oleh Esso.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat minta jalan atau Peraturan Mesyuarat?

Tuan Othman bin Abdul: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya tidak akan beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila saya habis perkara Esso saya beri jalan. Bahawa saya telah diberi beberapa juta

ringgit oleh Esso supaya bersetuju untuk selesai di luar mahkamah. Lebih baik sekali jika inilah apa yang sebenarnya dipercayai oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Ulu Muda itu saya mencabar beliau supaya menyatakan itu di luar Dewan dan saya akan bersukacita untuk mengutip ganti rugi kerana memfitnahkan keperibadian saya.

Walau bagaimanapun, saya pasti bahawa sekiranya saya telah dibayar beberapa juta ringgit oleh Esso sebagai penyelesaian di luar mahkamah. Jabatan Hasil Dalam Negeri tentu akan menuntut bahagian mereka dengan serta merta khasnya apabila dia dapati tabung Kerajaan kini hampir kosong sehingga Kerajaan rela untuk menentang kempen mengislamisasikannya. . . .

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan menggalakkan rakyat berjudi lebih lagi dengan menambahkan cabutan empat nombor ekor dari dua kali keempat kali seminggu. Sindiket politik tidak suci itu yang bertungkus lumus untuk mencaci dan mencemarkan nama saya atas kes Esso juga cuba menutup segala kemungkinan yang boleh berlaku akibat kempen ini.

Walaupun ini disebarikan secara sederhana, mereka mendakwa bahawa sekiranya saya tidak diberi wang oleh Esso maka penyelesaian di luar mahkamah tentu bererti yang saya tidak mempunyai sebarang asas untuk membuat tuduhan-tuduhan saya itu atas pengeluaran minyak dan bahawa saya adalah seorang yang paling tidak bertanggungjawab.

Saya tidak mempunyai apa-apa untuk menyembunyikan dalam kes Esso. Saya tidak berhajat untuk menyatakan apa-apa tentang kes ini tetapi oleh kerana kewibawaan saya telah dicabar oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda semasa perbincangan usul saya, saya akan mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan latar belakang yang mengakibatkan penyelesaian di luar mahkamah.

Dalam bulan Oktober 1980, Esso Production Malaysia Incorporated (EPMI) telah mengemukakan satu saman malu terhadap saya kerana satu rencana yang termuat dalam edisi bulan September 1980, journal DAP - "Rocket" mengenai pengeluaran lebih minyak dalam bulan Ogos 1979 yang melebihi sasaran pengeluaran yang ditetapkan oleh PETRONAS, sistem meter yang tidak berfungsi dengan baik di kapal tangki minyak Esso Mercia, mutu hasil kerja yang kurang baik, prosedur-prosedur kerja yang tidak sesuai dan rekaan-rekaan atau fabrications yang kurang taraf.

Sebab mengapa saya bersetuju penyelesaian perkara ini di luar mahkamah ialah oleh kerana seorang yang memberikan saya maklumat yang pasti dia akan menjadi saksi penting, (star witness) dalam kes tersebut begitu takut akan nyawa dan keselamatannya dan tidak berani pulang ke Malaysia untuk memberi keterangan dalam mahkamah.

Beliau adalah bekas Jurutera Projek dengan EPMI dan beliau sendiri telah hadir di pelantar Tapis A di dalam bulan Ogos 1979 apabila pelantar tersebut sedang mengeluarkan 58,000 tong minyak mentah setiap hari pada hal arahan PERTRONAS ialah supaya pengeluaran dihadkan kepada 35,000 tong minyak dengan elaun sebanyak 5% untuk pengeluaran lebih bagi menghadapi keadaan-keadaan di luar dugaan yang tertentu. Malah selepas rencana tersebut disiarkan di dalam

journal Rocket saya terpaksa beberapa kali ke luar negeri untuk menemui beliau.

Isu-isu mengenai pengeluaran, kelebihan minyak, sistem meter yang tidak berfungsi dengan baik yang terdapat di kapal Esso Mercia, mutu hasil kerja dan kurang baik prosedur-prosedur kerja yang tidak sesuai dengan rekaan-rekaan dan fabrications yang kurang taraf. . . .

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, adakah Peraturan Mesyuarat atau minta penjelasan. Peraturan Mesyuarat nombor berapa Yang Berhormat?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: 36 (1).

Tuan Lim Kit Siang: Irrelevant.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bagan Datoh telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang berbunyi, saya bacakan:

36 (1) "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu."

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan bahawa hujah-hujah yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah sebagai jawapan kepada hujah-hujah yang dibangkitkan terdahulu daripada ini. Maka apa yang diucapkan itu adalah berkaitan, maka saya tolak kebangkitan Peraturan Mesyuarat 36 (1) oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya baru tadi kata bahawa perkara-perkara isu-isu

yang saya keluarkan masa itu mengenai pengeluaran berlebihan minyak, sistem metering dan lain-lain, sebenarnya bukanlah melibatkan saya dengan EPMI sahaja tetapi perkara-perkara ini haruslah diambil berat oleh seluruh negara yang harus dan setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang harus dipandang berat oleh semua Ahli Parlimen. Saya fikir semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional harus berasa malu kerana tidak memperdulikan langsung untuk melindungi kepentingan sumber-sumber negara Malaysia kecuali untuk, dengan izin, score cheap political points.

Sungguhpun kes saman malu EPMI telah diselesaikan di luar mahkamah, persoalan-persoalan yang ditimbulkan di dalam artikel itu menjadi perkara-perkara penting yang harus menarik perhatian seluruh negara dan khasnya Parlimen kalau Parlimen mahu menunjukkan ianya satu chamber yang bererti dalam sistem demokrasi berparlimen. Ahli-ahli Parlimen mempunyai tanggungjawab untuk menuntut satu penjelasan yang terus terang daripada PETRONAS mengenai sama ada terdapat apa-apa pengeluaran berlebihan di pelantar Tapis A dalam bulan Ogos 1979, sama ada sistem meter yang berfungsi dengan tidak baik di kapal tangki Esso Mercia, mutu hasil kerja yang kurang baik, prosedur-prosedur kerja yang tidak sesuai dan rekaan-rekaan dan fabrications yang kurang taraf telah menyebabkan kerugian kewangan kepada PETRONAS dan Malaysia.

Saya sukacita untuk mendapati bahawa selepas rencana Rocket itu disiarkan, PETRONAS terpaksa meningkatkan kawalannya untuk memelihara sumber-sumber minyak negara. Memang pada mulanya pegawai-pegawai PETRONAS telah menafikan bahawa ada sebarang kesilapan. Pengarah Urusan PETRONAS, Encik Rustam Hadi

dalam satu taklimat khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24hb September, 1980 mengenai rencana saya dalam journal Rocket berkata bahawa PETRONAS tidak mempunyai apa-apa bantahan serius terhadap kewibawaan sistem meter yang sedia ada dalam kapal Esso Mercia. Akan tetapi kenyataan Pengarah Urusan PETRONAS itu telah dibuktikan salah akibat satu siri siasatan yang dijalankan oleh PETRONAS selepas kes saman malu itu dikemukakan dan berbagai-bagai pakar telah melaporkan tentang pelbagai cara dengan mana kemungkinan minyak boleh disalurkan keluar tanpa dicatat oleh sistem meter. Umpamanya satu laporan siasatan yang dijalankan oleh PETRONAS dalam bulan Disember 1980 melahirkan rasa tidak puas hati yang amat sangat terhadap sistem meter yang terdapat di kapal Esso Mercia kerana sistem meter tersebut bergantung kepada beberapa variables yang boleh dimanipulasikan secara tidak jujur atau tidak menyedari iaitu akibat salah fungsi atau malfunction meter-meter berkenaan yang seorang pun tidak akan dapat kesan.

Akibat rencana Rocket dan siasatan-siasatan yang PETRONAS terpaksa jalankan mengenai kewibawaan sistem meter Esso Mercia, PETRONAS malah telah membuat keputusan dalam tahun 1981 untuk menggantikan Esso Mercia sebagai kapal tangki simpanan disebabkan sistem meter yang tidak memuaskan. Akan tetapi disebabkan penggantian kapal tersebut akan menyebabkan kos antara US\$12 juta kepada US\$22 juta kepada PETRONAS, dan disebabkan juga terminal minyak mentah di Terengganu akan disiapkan selebih-lebihnya setahun selepas penggantian tersebut maka PETRONAS telah membatalkan keputusan awalnya untuk menggantikan kapal Esso

Mercia. PETRONAS juga harus menjelaskan kepada rakyat Malaysia sama ada daripada hasil siasatan terdapat apa-apa pengeluaran lebih minyak yang berlaku di pelantar Tapis A yang melanggar had 35,000 tong minyak sehari yang ditetapkan oleh PETRONAS.

Saya ingin bertanya PETRONAS sama ada benar menurut buku catatan atau log-book pengeluaran ESSO Malaysia, pengeluaran purata harian Tapis A bagi bulan Ogos, 1979 ialah 64,624 tong setiap hari dan menurut data pengeluaran yang diberi oleh Pengurus Pengeluaran PETRONAS kepada Veron Cornell, perunding kepada PETRONAS melalui surat bertarikh 4-5-1981 yang mengatakan, bahawa pengeluaran purata harian di Tapis A mengikut angka-angka yang dicatatkan oleh meter PETRONAS ialah 46,705 tong minyak sehari dengan adanya angka-angka pengeluaran harian setinggi 78,000 tong minyak pada 21-8-1979. Tetapi Rustam Hadi telah melaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bulan September, 1980 bahawa pengeluaran purata di pelantar Tapis A dalam bulan Ogos, 1979 hanya 34,000 tong minyak sehari dan angka yang sama ini juga diberikan oleh EPMI. Bolehkah pihak PETRONAS menjelaskan mengapa terdapat angka-angka yang bercanggah itu? Juga menurut buku catatan atau log-book ESSO Malaysia, stock di dalam kapal tangki itu hanya 361,002 tong, jumlah pengeluaran ialah 4,518,338 tong dan ini menunjukkan bahawa jumlah minyak mentah yang sedia ada atau in stock pada penghujung bulan Ogos, 1979 ialah 4,875,140 dalam kapal ESSO Malaysia. Menurut log-book pengeluaran ESSO Malaysia stock setakat 31-8-1979 ialah sebanyak 832,807 tong, tetapi disebabkan jumlah minyak yang diangkut oleh 9 buah vesel dalam bulan Ogos, 1979

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk sebentar. Saya suka mengingatkan bahawa sekiranya Yang Berhormat hendakkan Usul Yang Berhormat diputuskan pada petang ini juga, Yang Berhormat ada 8 minit lagi, terpulanglah sama ada hendak menggunakan 8 minit menyebut kes itu bagi menjawab hujah-hujah Ahli-ahli yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih, sebab itu saya

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh itu saya ingatkan Yang Berhormat sekiranya besok urusan Kerajaan mendahului dalam Aturan Urusan Mesyuarat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ini ada ditimbulkan dan begitu mustahak, sebab itu saya tidak membenarkan gangguan, dan dalam log-book yang menunjukkan bahawa dalam bulan Ogos 1979, 9 buah vesel sudah left atau angkut sejumlah 2,953,978 tong, maka nampaknya terdapat 1,088,355 tong minyak, yang tidak dapat dikesan atau unaccounted dalam bulan Ogos itu dan ini bermakna 35,108 tong minyak setiap hari. Bolehkan PETRONAS menjelaskan angka-angka ini?

Saya tidak berhajat untuk menyentuh aspek-aspek lain mengenai kerja-kerja yang kurang baik, prosidur-prosidur kerja yang tidak sesuai serta rekaan-rekaan dan fabrication bertaraf rendah yang kesemuanya hanya boleh diterangkan oleh orang yang memberi maklumat kepada saya, itu berasaskan pengalaman peribadi beliau. Tetapi ini telah menyebabkan saya serba salah kerana ketakutan beliau untuk datang ke Malaysia untuk memberi keterangan, atas sebab inilah saya bersetuju untuk selesai di luar mahkamah dengan menarik balik apa yang dikatakan oleh peguam EPMI

dalam mahkamah iaitu, dengan izin, all imputations of malfeasance terhadap EPMI. Berikutan dengan tersiarnya rencana Rocket itu PETRONAS terpaksa lebih berwaspada untuk melindungi kepentingan sumber-sumber negara Malaysia oleh kerana ia memberi lebih alasan untuk menekan EPMI supaya mematuhi kehendak-kehendak PETRONAS. Dari apa sudut pun saya harus dipuji oleh kerana melakukan satu perkhidmatan besar kepada negara dengan mengutarakan bidang-bidang kelemahan yang melibatkan sumber-sumber petroleum negara, tetapi malangnya saya dijadikan sasaran dalam satu kempen mencaci dan mencemar yang tidak bertanggungjawab iaitu yang saya telah mengkhianati diri kepada EPMI dan seterusnya menjadi seorang jutawan besar—betul? Kalau mahu cabar keluar Dewan—kalau orang lelaki.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan!

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis perenggan mengenai EPMI.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:...hanya mereka yang memikirkan politik dan berkhidmat untuk rakyat dalam rangka apa keuntungan kewangan dan material mereka akan memperolehi melaluinya, yang akan menggunakan ukuran mereka untuk menilai orang lain. Misalnya pengkhianat-pengkhianat atau, dengan izin, running dogs atau mereka yang korap bahawa orang-orang itu juga rela berfikir, orang-orang lain juga rela menjadi pengkhianat, running dogs atau orang korap seperti mereka.

Saya cabar mereka dari kelima-lima kumpulan atau parti politik atau sesiapa dalam Dewan yang mulia ini yang berhajat untuk character assassinate saya atas kes EPMI, membuat tuduhan-tuduhan ini secara terus-terang supaya saya boleh membawa mereka ke mahkamah untuk membersihkan nama saya. Jika tidak, mereka harus memberhentikan kempen tidak bertanggungjawab dan menghina (contemptible) mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan semalam dan hari ini beberapa perkara saya rasa penting ada timbul dan saya rasa perlu dijawab, oleh sebab itu mungkin tidak boleh juga habis hari ini dan terserah kepada pihak Kerajaan boleh ditetapkan sedikit masa lagi untuk besok supaya

Tuan Othman bin Abdul: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu saya harap oleh kerana saya mahu beri chance kepada Yang Berhormat dari Ulu Muda, tetapi sebelum itu saya harap oleh kerana saya ada beberapa point bukan panjang, tetapi ada beberapa point yang saya rasa mustahak yang bersangkutan-paut dengan demokrasi, bersangkutan-paut dengan perjalanan demokrasi, pertumbuhan demokrasi dan sungguhpun pihak Kerajaan tidak mengakui bahawa ada hakisan demokrasi di Malaysia, tetapi saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu pada hari Ahad ada satu mesyuarat yang dihadiri oleh 15-16 pertubuhan-pertubuhan bukan

sahaja parti politik, tetapi semua organisasi-organisasi sivik -ALIRAN, MTUC, CUEPACS, Consumers Association, Selangor Graduates Society, Human Development Association dan lain-lain semuanya ada mendapat satu persetujuan, semua ada bergabung, berkumpul oleh kerana difikirkan bahawa mereka rasa bimbang mengenai hakisan demokrasi dan sungguh pun ia menunjukkan bahawa bukanlah DAP sahaja yang ada fikir timbulkan masalah ini yang perlu dapat diakui, dibincang tetapi untuk semua rakyat yang cintakan negara ini, untuk mendapat satu jalan keluar supaya di masa akan datang 25 tahun lagi sistem parliamentary democracy tidaklah lebih mengalami hakisan dan saya boleh beri jalan kalau beliau mahu

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta jalan. Pertama sekali saya hendak menyebutkan bahawa semalam saya menyebutkan bahawa dia orang bodoh dan hari ini saya hendak sebutkan bahawa pekak telinganya. Saya tak sebut pun bahawa Yang Berhormat menerima berjuta-juta ringgit. Yang mencabar Ahli Yang Berhormat ialah Encik Kong Weng Kok, bekas Setiausaha Penerangan DAP yang dipecat. Sila namakan Kumpulan Lima itu di luar Parlimen. Jangan gunakan privilege Parlimen ini untuk kepentingan diri. Sila sebut di luar Dewan sekali lagi tentang allegation mengenai Esso

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, masanya sudah tiba bagi saya menghentikan perjalanan mesyuarat. Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga usul di atas nama Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu diselesaikan pada malam ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan iaitu Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga usul di atas nama Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu diselesaikan pada malam ini.

ULANG TAHUN KE-25 PARLIMEN MALAYSIA

Timbalan Yang di-Pertua: Mesyuarat diteruskan sehingga usul diputuskan.

6.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan bahawa dalam Dewan yang mulia ini

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat minta jalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri. Saya mahu komen dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak beri jalan. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa sangat hairan bahawa

Tuan Othman bin Abdul: Saya sedang bercakap tadi

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat hairan bahawa ada seorang Ahli Yang Berhormat yang menunjuk bahawa beliau begitu bodoh, dunggu. Lebih saya dengar, lebih saya dapati dia bodoh, dunggu, tak lain orang yang lebih bodoh daripada Yang Berhormat dari Ulu Muda. Bodoh 10 kali, bodoh 100 kali, bodoh 1,000 kali; dunggu 100 kali, dunggu 1,000 kali, apa perbincangan ini? Saya rasa sudah merendahkan Dewan yang mulia ini.

Semalam saya tidak mahu ganggu, saya rasa ini bukanlah cara seorang Ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Kalau itulah taraf, mutu, saya boleh ikut, saya boleh contoh. Jangan keluar apa-apa cakap, baru cakap bodoh, bodoh. Bodoh, duduk; bodoh, duduk, apa? Saya rasa kita patut rasa malu

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak beri jalan kepada seorang yang begitu bodoh, begitu dunggu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli dari Ulu Muda, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan cara ucapan saya, tetapi saya haraplah ini menjadi satu ajaran, jangan buat begitu oleh kerana lain orang pun boleh buat begitu, kalau mahu. Sekurang-kurangnya menunjukkan hormat supaya dalam Dewan yang mulia ini kita boleh menjalankan satu perbincangan dan bukan menggunakan perkataan untuk mahu abuse menggantikan hujah-hujah. Saya harap bahawa peristiwa semacam ini dalam masa akan datang tidak akan timbul, oleh kerana kalau kita mahu mengikut cara itu apabila Menteri-menteri yang bercakap kita boleh beri bercakap bodoh, bodoh, bodoh sahaja cukup, tak payah kita cakap apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa kita mahu menuntut kebebasan mutlak (absolute freedom), mahu demokrasi yang mutlak, itu bukanlah tuntutan kita. Kita semua faham bahawa tidak boleh mengadakan demokrasi kebebasan mutlak atau absolute. Janganlah gambarkan bahawa kami di pihak sini mahu menuntut apa yang tidak boleh didapati dalam dunia ini, bukan sahaja dalam Malaysia tetapi tentulah boleh ada perbezaan antara mereka yang percaya bahawa dalam negara yang mengamalkan sistem Parliamentary Democracy kita sudah ada cukup kebebasan untuk menunaikan ideal parliamentary democracy. Inilah pandangan Yang Berhormat Ahli-ahli daripada Barisan Nasional yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kepong, Nibong Tebal, Ulu Terengganu, Ulu Muda dan lain-lain yang ada ambil bahagian, tetapi tadi saya ada sebut pandangan bahawa ada hakisan parliamentary democracy, bukan sahaja pandangan DAP.

Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata bahawa kita bertujuan untuk dapat model politik, mahu memancing undi, adakah Pertubuhan-pertubuhan ALIRAN, CUEPECS, MTUC, Selangor Consumers Association dan lain-lain, adapun tujuan yang bersama mahu memancing undi atau adakah mereka semua tidak ada fikiran yang bersendiri? Ini saya harap patut menjadikan benda untuk semua Ahli-ahli Parlimen sungguhpun mereka akan undi menolak usul ini, tetapi sekurang-kurangnya saya harap bahawa selepas satu perbincangan atas usul di hadapan kita bahawa kita boleh lebih merenung dalam perkara ini. Inilah satu perkara yang lebih besar daripada parti-parti politik, lebih besar daripada Parti Barisan Nasional atau Parti DAP atau apa-apa parti, satu perkara yang melibatkan masa depan negara kita yang kita semua cinta dan juga jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan dua hari ini saya rasa sangat kesal bahawa ada beberapa Ahli menggunakan peluang untuk mengeksploitasi perbincangan itu untuk mendapat political mileage. Ada mereka yang mengancam DAP, parti saya, bahawa parti tidak demokratik, bahawa tidak ada layak untuk cakap mengenai demokrasi dan lain-lain. Saya berani cakap di sini bahawa apabila banding dengan parti-parti dalam Barisan Nasional, kita lebih demokratik, adakah ini benar? Kita boleh buat satu kajian perbandingan; MCA demokratik, oh kenapa DAP tak demokratik? Oleh kerana ada berita-berita bahawa ada ahli-ahli atau pegawai-pegawai DAP dipecat dan dalam suratkhbar-suratkhbar (mass media) dikongkong oleh Barisan Nasional besar-besarkan.

Tetapi kita dalam DAP kita tahu bahawa sebagai satu Parti Pembangkang selalu mahu

menghadapi usaha-usaha daripada pihak Barisan Nasional, mahu tanamkan agen-agen, mahu subvert Parti DAP dengan tawaran duit, tanah dan lain-lain yang ada berlaku dalam 18 tahun, ini sudah jadi satu history, semua rakyat pun tahu dan kita tentulah tidak akan membenarkan agen-agen Barisan Nasional dalam DAP menjalankan kempen-kempen untuk memburuk dan untuk menghancurkan DAP. Tentulah Barisan Nasional tak puas hati bahawa kita tidak membenarkan agen-agen Barisan Nasional segala kebebasan untuk mencapai matlamat itu dan kita tidak apoligise, kita tidak apoligise

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adakah apa yang dikatakan oleh beliau tadi bermakna bahawa kerana Barisan Nasional sedang menanam agen dan menyeludupi Parti DAP. Parti DAP sudah memutuskan untuk mengorbankan kebebasan yang penuh dan demokrasi yang penuh dalam parti beliau untuk mempertahankan kedudukan parti beliau. Adakah beliau berhajat menyebut seperti itu?

Tuan Lim Kit Siang: Kita membenarkan demokrasi yang penuh dalam parti untuk semua ahli-ahli, untuk semua pemimpin-pemimpin bergerak, bergiat melalui dasar-dasar yang semua sudah menerima sebagai dasar-dasar parti tetapi kita tidak boleh membenarkan agen-agen Barisan Nasional melalui cara-cara membeli mereka dengan tawaran duit dan lain-lain material supaya

menjalankan kempen menghancurkan Parti DAP oleh kerana inilah kita semua tahu ada berlaku dalam Parti DAP, ada berlaku dalam parti-parti lain Pembangkang.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Adakah kenyataan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mengatakan bahawa agen-agen daripada Barisan Nasional cuba membeli ahli-ahli DAP. Adakah ini bermakna bahawa setiap ahli-ahli DAP termasuk pemimpin-pemimpinnya ada, dengan izin, price tag di belakang mereka dan mereka boleh dibeli dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, pihak Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional fikir, percaya bahawa pemimpin-pemimpin DAP ada price tag, mereka percaya ada price tag oleh kerana tadi saya ada kata bahawa mereka yang fikir politik mereka bukan untuk kepentingan orang ramai tetapi apa kekayaan yang boleh kumpul, yang dipengaruhi oleh wang, setiap tindakan, percaya lain-lain orang pun boleh beli, ada price tag dan itulah kita mahu tunjuk, mungkin mereka dalam masa lampau ada percaya beberapa kes dan bukan erti bahawa mereka boleh berjaya untuk jahanamkan DAP. Dan tadi saya ada tanya adakah ini menunjukkan oleh kerana kita percayakan mereka yang mahu merosakkan parti kita, menunjukkan kita tidak demokratik. Bahawa kita mengambil tindakan tatatertib kita tidak demokratik.

Dalam MCA lebih demokratik. Saya percaya pandangan, fikiran Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan sekarang, bekas Presiden MCA, Dato' Lee San Choon dalam satu hari sahaja memecat 61 orang, machine gun. Massacre, dengan izin.

Massacre. Itu demokrasi. Kita DAP sekurang-kurangnya tak buat begitu. Dalam DAP bukan saya seorang atau sesiapa seorang yang boleh pecat sesiapa. Bawa satu mesyuarat, satu jawatankuasa. MCA seorang, sekarang pun, sekarang President MCA pun boleh seorang putus beratus orang pemimpin, ahli-ahli boleh dipecat dan sebab itu ada puak Tan Koon Swan, Neo Yee Pan, power struggle. Itu demokrasi. Itu demokrasi. UMNO tak pernah pecat sesiapa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kena pecat oleh UMNO. Itu demokrasi (*Tepuk*) dan sekarang adakah Yang Berhormat daripada UMNO kata bahawa tidak lagi tindakan tatatertib dalam Perlembagaan UMNO. (*Disampuk*) Tak sampai MIC, nanti, tunggu, sabar, (*Ketawa*) akan datang, don't jump the gun, please.

Dato' K. Pathmanaban: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, bagi. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahasan kita sepanjang dua hari, apa yang di sebelah sini mengatakan bahawa kita di Kerajaan memang sudah terima bahawa untuk mempertahankan kebebasan dan demokrasi, kita telah menerima beberapa sekatan di atas kebebasan mutlak. Kita sudah jelas terima, tetapi yang menuduh kita di atas penerimaan sekatan itu adalah DAP iaitu mereka kata kita telah menghakiskan dan demokrasi telah dihakis kerana sekatan-sekatan itu. Jadi, mereka yang hendak tuduh baik lebih pure daripada itu iaitu, dengan izin, you have to be more virtuous than Cleopatra.

Timbalan Yang Dipertua: Dengan izin, the holier than thou.

Dato' K. Pathmanaban: The holier than thou attitude daripada DAP. Kita telah kondem dan sekarang ini saya rasa sudahlah kita boleh kata QEB iaitu argument kita sudah menang, DAP terima perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari MIC nampaknya takut seakan datang kepada MIC. Sudah surrender sebelum sampai MIC tetapi semalam beberapa ahli ada kata bahawa Parti DAP tidak ada hak untuk menimbulkan masalah parliamentary democracy oleh kerana kita tak demokratik dan saya mahu tunjuk bahawa sebenarnya DAP lebih demokratik daripada semua parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau dia tak mahu MIC, bolehkah terima ahli UMNO. Minta jalan. Saya hendak menimbulkan apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai pemecatan ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu beliau belum menjadi Perdana Menteri. Tidakkah Yang Berhormat itu sedar bahawa hakikat bahawa Yang Amat Berhormat itu pernah dipecat dan kembali semula kepada UMNO dan diterima sebagai Perdana Menteri dan memegang pucuk pimpinan UMNO dengan kehendak majoriti ahli-ahli parti. Tidakkah ini melambangkan bahawa demokrasi yang tulen sedang berjalan di dalam UMNO yang tidak terdapat di dalam DAP?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu menganggap bahawa masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipecat di tahun 1969 bahawa satu langkah, satu tindakan yang salah yang menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO masa itu yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman semua sudah ambil keputusan yang bukan mengikut hasrat kepentingan orang ramai atau negara. Adakah ini erti makna Yang Berhormat dari Ulu Terengganu bahawa pemimpin-pemimpin UMNO dahulu generasi yang kedua termasuk Allahyarham Tun Abdul Razak masa itu semua salah, semua perlu dibetulkan oleh ahli yang biasa untuk kembalikan keanggotaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: 44 (1)?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya rasa hujah-hujah daripada pencadang usul tadi sudah berulang-ulang dan dia pun semalam sudah kita beri peluang berhujah dan hari ini saya rasa dia sudah semua mengulangi isi kandungan perbahasan. Jadi, saya merayulah kepada Tuan Yang Dipertua kalau boleh kita memutuskan sahaja perkara ini sekarang juga.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak diganggu saya mahu terus habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat telah dibangkitkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat

44 (1) yang menyebut antara lain Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang Ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujah-hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli yang lain dalam sesuatu perbahasan bolehlah memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersetuju pada dasarnya saya terdengar ada hujah-hujah yang berulang-ulang dan saya memutuskan, menggunakan Peraturan Mesyuarat 35 (7) seperti dipinda, (8) yang dahulu, memberikan kuasa-kuasa kepada saya menghadkan masa bagi ahli-ahli berucap, jika perlu.

Oleh kerana saya memikirkan perlu mesyuarat ini ditangguhkan pada masa yang munasabah mengikut kehendak Perlembagaan Negara yang meletakkan agama rasmi yang menghendakkan kita sembahyang, maka saya memberi notis kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya akan membenarkan menghadkan masa beliau berucap sehingga pukul 7.15 minit, masa yang saya jangka adalah patut dan munasabah bagi beliau menggulung dan saya akan mengemukakan masalah untuk diputuskan.

Walau bagaimanapun sekiranya saya terdapat bahawa hujah-hujah yang dibawanya adalah hujah-hujah yang telah disampaikan, saya akan memberhentikan beliau berucap dengan serta-merta dan mengemukakan masalah bagi diputuskan oleh Dewan seketika itu juga. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya baru membuat bandingan bahawa mereka yang membuat dakwaan bahawa DAP tidak ada hak atau kelayakan untuk

menimbulkan perkara yang sebenarnya, mereka sendiri tidak ada hak oleh kerana mereka lebih tidak demokratik dan saya harap bahawa pihak Barisan Nasional jangan takut, saya akan sampai satu parti, satu parti. Saya sebut MCA, saya sebut UMNO, MIC akan datang. MIC semua tahu apa demokrasi dalam MIC, Gerakan sehingga beratus orang terpaksa keluar parti oleh kerana hipokresi pemimpin-pemimpin. Barisan Nasional.....

Dr Koh Tsu Koon: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak akan beri jalan, oleh kerana masa sudah ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Dr Koh Tsu Koon: Takut.

Tuan Lim Kit Siang: Gerakan, beratus, beribu orang ahli terpaksa keluar parti oleh kerana hipokresi dan tidak prinsip pendirian pemimpin-pemimpin Gerakan. Barisan Nasional adakah demokrasi dalam Barisan Nasional antara parti dengan parti. Dalam bulan Disember Presiden, Timbalan Presiden UMNO ada memberi notis kepada MCA keluar Barisan Nasional kalau kedua-dua puak tidak mahu, tidak boleh selesaikan rebutan kuasa mereka dan sekarang pun nampaknya pun ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa eviction notice akan keluar lagi, adakah ini demokrasi. UMNO boleh halau MCA daripada Barisan Nasional. Bolehkah kalau ada rebutan kuasa dalam UMNO, MCA halau UMNO daripada Barisan Nasional? Keluar dahulu oleh kerana dalam UMNO dua puak berebut kuasa dan Perdana Menteri jangan berhenti dahulu, Presiden MCA menjadi Perdana Menteri untuk masa.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah ditetap, mana boleh beri jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Ini menunjukkan di mana demokrasi mereka yang mahu berlagak bahawa mereka demokratik janganlah masa hadapan, saya berani beri kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua panjangkan masa untuk saya. Tuan Yang di-Pertua, saya harap sebenarnya apa yang kita dengar semalam dan hari ini ada satu falsafah besar di belakangnya yang boleh kata ada diutarakan oleh Yang Berhormat dari Nibong Tebal yang mengalukan kritik-kritik dengan keras oleh pihak Pembangkang. Kalau mengenai longkang tidak bersih, sampah tidak diangkat, bahawa bekalan elektrik putus, itu mengalukan kritik-kritik tetapi masalah besar, hak-hak asasi, kemiskinan, ketidakadilan dan masalah-masalah korupsi BMF janganlah sebut, kalau sebut itulah membesarkan buat emosi, itu tidak baik untuk system parliamentary democracy. Kita di sini tolak dengan sekeras-kerasnya falsafah itu. Bahawa falsafah parliamentary democracy adalah Parlimen untuk longkang, sampah dan bekalan elektrik tetapi lebih mustahak atau sama mustahak ialah apa jenis masyarakat, apa jenis negara kita mahu cipta dalam Malaysia, satu negara satu Malaysia yang lebih bebas, lebih terbuka atau lebih tersekat.

Yang Berhormat yang pertama ada bercakap dalam perbahasan dan lain-lain ada membangkitkan hal kenapa kita selalu menimbulkan masalah BMF, rapat umum dan lain-lain semua hal yang lama. Sungguhpun di sini semua hal ini yang kita pernah

utarakan dalam Dewan yang mulia ini tetapi mereka ialah masalah-masalah, isu-isu yang besar bukan oleh kerana mereka pernah diutarakan dan dibangkitkan mereka sudah berhenti menjadi isu oleh kerana kita harus mengadakan keinginan untuk terus berjuang sampai kita berjaya untuk membasmi semua perkara yang tidak adil semacam perkara BMF.

Ada dua Yang Berhormat ada menimbulkan bahawa kenapa kita timbulkan BMF oleh kerana Peguam Negara ada berkata bahawa tidak ada apa-apa undang-undang atau peruntukan dalam Perlembagaan yang membenarkan kesalahan yang dibuat di luar negeri untuk didakwa di dalam negara ini. Sebenarnya ini tidak benar yang menunjukkan bahawa sungguhpun kita ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah beberapa penggal menjadi Ahli Parlimen tetapi mereka tidak tahu undang-undang. Sebenarnya ada satu Act—Prevention of Corruption Act atau Akta Mencegah Rasuah yang ada peruntukan-peruntukan extra-territorial, dengan izin, di mana ada kuasa untuk pihak-pihak Pendakwa Raya, pihak Polis untuk menangkap dan untuk mendakwa mereka yang ada bersabit kesalahan di bawah Akta itu, sungguhpun kesalahan itu berlaku di luar negara dan tentulah rakyat dan lebih mustahak, Ahli Parlimen yang bertanggungjawab untuk mewakili orang ramai patut dalam Dewan yang mulia ini untuk mendesak supaya undang-undang yang sedia ada, jangan kita sebut mengenai undang-undang yang belum ada, yang sedia ada patut diguna dengan sepenuhnya supaya pesalah-pesalah BMF boleh dibawa ke muka pengadilan dan kalau tidak ada undang-undang yang sedemikian, kita perlu dengan masa yang bukan mengambil dua, tiga tahun tetapi kalau perlu dalam keadaan emergency, dengan izin, mengadakan perubahan-perubahan kepada undang-undang atau undang-undang

yang baru yang boleh menentukan, memastikan bahawa pesalah-pesalah BMF tidak, dengan izin, "go scot free"

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, isu-isu yang pokok yang besar, dan saya rasa dalam negara ini pada masa ini isu BMF adalah antara isu yang besar, tetapi kita dalam Dewan yang mulia ini tidak mahu mengiktirafkan, kita mahu sembunyikan. Akhirnya ialah taraf Parlimen dan darjat Parlimen akan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun buat tuduhan bahawa partai Pembangkang dalam Dewan ini ada mengeksploitasi peluang-peluang yang ada untuk menimbulkan "sensitive issues" khasnya tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Apa itu "sensitive issues"? Perkara longkang tak sensitif, perkara sampah tak sensitif tetapi isu-isu cara bagaimana kita boleh menyatupadukan rakyat yang majmuk, berbagai bangsa, agama, kebudayaan dan lain-lain yang berlainan ialah sensitif. Oleh kerana kalau kita tidak berjaya untuk mewujudkan satu identiti Malaysia yang "transcend", identiti kaum di negara kita ini tidak akan kekal dan apabila sudah berlaku dalam negara kita tindakan-tindakan Kerajaan atau pentadbiran yang menimbulkan fikiran-fikiran ragu, menimbulkan perasaan-perasaan sakit hati apa-apa kaum, tentulah apabila kita menimbulkan masalah itu, itulah yang sensitif. Tetapi perkara-perkara ini semacam kebudayaan, semacam papan tanda adalah sensitif, bukan oleh kerana DAP buat mereka sensitif tetapi oleh kerana tindakan pentadbiran, tindakan Kerajaan yang buat isu-isu itu sensitif dan kalau kita tidak boleh membawa isu-isu seperti perkara-perkara yang saya sebut di

Dewan yang mulia ini supaya sensitiviti, perasaan-perasaan rakyat boleh diketahui oleh pihak Kerajaan, saya rasa Parlimen sudah hilang peranan yang penting dan tentulah kita tidak akan lebih bererti, lebih tidak bermakna pada masa lampau apabila dibandingkan dengan dua-lima tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun mahu menolak satu fikiran bahawa kita perlu ucap tahniah kepada pihak Barisan Nasional oleh kerana menjamin demokrasi. Kita rela puji Kerajaan dalam sumbangan dan usaha mereka dalam menentukan demokrasi berterusan dalam Malaysia tetapi itu adalah tanggungjawab setiap parti khasnya parti-parti yang memerintah dan tugas ini bukan sahaja tugas Kerajaan, pun rakyat dan sebab itu dalam bahagian yang terakhir dalam Usul saya, saya ada cadangkan bahawa menyeru semua rakyat Malaysia berikrar komitmen mereka kepada sistem parliamentary democracy.

Yang Berhormat dari Tanjong dan lain-lain ada kata tak perlu rakyat buat komitmen lagi, rakyat sudah sangat komit kepada sistem demokrasi. Beliau ada tunjuk angka-angka bahawa dalam pilihanraya besar tahun 1974, 1978, 1982, sebanyak 70% atau lebih daripada 70% pengundi-pengundi, pemilih-pemilih ada keluar untuk buang undi. Kalau inilah peratus-peratus atau pemilih-pemilih keluar buang undi menjadi satu kriteria yang mutlak untuk menentukan sama ada satu masyarakat ialah demokratik, mengikut kriteria ini, Soviet Union pun demokratik oleh kerana Soviet Union pun ada menjalankan elections dan selalu dalam pilihanraya di Soviet Union, peratus-peratus yang keluar buang undi bukan 70%-75% tetapi 98%-99% malahan 100% pun ada. Adakah ini menunjukkan bahawa Soviet Union lebih demokratik dari

Malaysia dalam erti kata fahaman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong? Sebab proses atau usaha bahawa setiap rakyat perlu buat satu komitmen dalam ulang tahun ke 25 Malaysia, parliamentary democracy Malaysia ialah oleh kerana kalau sistem paliamentary democracy akan kekal bukan sahaja akan bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan atau parti pemerintah tetapi termasuk usaha parti-parti politik yang di luar gabungan Barisan Nasional, sungguhpun Pembangkang tetapi juga akan bergantung atas komitmen rakyat yang biasa.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada kata bahawa oleh kerana parti pemerintah atau gabungan parti-parti pemerintah ada majoriti yang terbanyak boleh buat apa-apa yang diinginkan oleh kerana apa yang Kerajaan buat ialah untuk kepentingan orang ramai, apa yang baik untuk parti pemerintah baik untuk negara, baik untuk rakyat, saya rasa ini satu "equation" yang sangat merbahaya, satu "equation" yang kita tidak boleh menerima.

Kita tidak perlu banyak contoh. Watergate Scandal cukup. Watergate Scandal di mana bekas President United States, Richard Nixon mendapat semasa itu term yang kedua, penggal yang kedua beliau mendapat majoriti yang terbanyak dalam sejarah elections Amerika dan kalau mengikut hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh apa yang Presiden Nixon mahu buat ialah baik untuk Republican Party, baik untuk negara, baik untuk rakyat tetapi sejarah sudah menunjukkan bahawa sungguhpun boleh kita mengatakan satu majoriti, satu Kerajaan majoriti tetapi boleh menimbulkan "tyranny of the majority", "oppression of majority" dengan izin, dan perlu diadakan check and balance. Siapakah boleh buat check and balance? Bukan sahaja parti-parti politik di luar dan

dalam gabungan parti pemerintah, tetapi juga organisasi sivik khususnya rakyat sendiri ialah jaminan yang terakhir kalau mahu sistem parliamentary democracy akan kekal. Dan sebab itu saya rasa sebenarnya bahagian yang akhir ini sangat mustahak oleh kerana kalau kita boleh melalui satu sistem menanam dalam kesedaran rakyat kita betapa mustahaknya setiap rakyat memainkan peranan untuk mempertahankan sistem demokrasi berparlimen, barulah kita boleh kata ada jaminan untuk masa depan negara.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada di sini dan saya harap mungkinlah dalam usaha untuk mengkaji kurikulum dan lain-lain antara perkara-perkara ialah bagaimana dalam sekolah khususnya dalam sekolah, dalam universiti boleh menanamkan spirit, semangat demokrasi yang tidak ada bersangkutan-paut dengan parti politik. DAP boleh ada di sini dan tidak ada di sini, Barisan Nasional boleh ada atau tidak ada satu masa kelak. Tetapi tidak kira apa-apa parti siapa dalam Kerajaan, siapa dalam Pembangkang, tetapi rakyat mesti ada satu fikiran, komitmen terhadap demokrasi supaya dalam negara kita ada syarat-syarat demokrasi, democratic condition yang boleh menjamin nilai-nilai dan sistem-sistem demokratik ialah tujuan masyarakat kita. Dan itu pun sebabnya dalam hari Ahad ada dialogue of concern ketika ini. Dan saya harap bahawa janganlah kita ketepikan perhatian atau concern yang ditunjukkan oleh rakyat yang berfikiran waras. Dan inilah saya harap sungguhpun tidak kira apa-apa keputusan usul ini, untuk kepentingan negara kita, satu pengkajian yang mendalam boleh dibuat. Dan sebab itu, saya ada satu cadangan untuk ditubuhkan satu Parliamentary Select Committee, Jawatankuasa Pilihan

Parlimen. Kenapa untuk dangerous drugs untuk explain barulah tubuh Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Perkara-perkara yang lebih pokok, yang lebih mustahak takut mengadakan satu Parliamentary Select Committee.

Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri golongan saya dan harap sekurang-kurangnya kita mengakui bahawa ada masalah di hadapan kita. Kalau sistem Parliamentary Democracy mahu kekal, janganlah kita semua nafi tidak ada hakisan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul dengan pindaannya sekali sebab pindaannya dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 28. Saya kemukakan usul dengan pindaannya sekali atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, iaitu:

Bahawa Dewan ini sempena dengan ulang tahun 25 Parlimen Malaysia Memandang dengan beratnya hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini memutuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji dan melaporkan mengenai operasi sistem demokrasi berparlimen sejak 25 tahun kebelakangan ini serta membuat perakuan-perakuan untuk meningkatkan kecekapannya dan Menyuruh semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

UCAPAN PENANGGUHAN

PENGLIBATAN POLITIK BAGI GURU-GURU

7.15 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pengumuman daripada pihak Kementerian Pelajaran berkenaan dengan darjat penglibatan politik di kalangan guru Kategori C dan D, pihak Kerajaan harus mempertimbangkan semula perkara menghadkan darjat penglibatan politik guru-guru Kategori D. Apa sebab-sebab yang konkrit bagi memperbezakan di antara dua kategori ini. Bukankah ianya kurang logik jika Kategori C dibenarkan beraktif di dalam parti politik, sementara Kategori D yang telah memperolehi lebih banyak pendidikan serta pendedahan terhadap konsep-konsep dan pandangan-pandangan yang lebih luas dan mendalam dihadkan keaktifannya setakat ahli parti politik sahaja. Jika ditakut-takutkan adalah indoktrinasi murid-murid sekolah dengan ideologi politik semasa di bangku sekolah bukankah guru-guru Kategori C yang lebih berpengaruh memandangkan bahawa mereka ini ditugaskan untuk mengajar murid-murid sekolah rendah serta sekolah menengah rendah.....

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat berapa Ahli Yang Berhormat?

Tuan Othman bin Abdul: Peraturan Mesyuarat tidak cukup korum.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak cukup korum?

Tuan Othman bin Abdul: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: 13 (1).
Setiausaha, sila kira—Empatbelas Ahli
yang hadir, tidak cukup bilang. Sila
bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli
dikira, 13 Ahli hadir).*

Timbalan Yang di-Pertua: Tigabelas
orang. Mesyuarat ditangguhkan
sekarang. Dewan akan bersidang
semula pada 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
7.20 malam.*